

[Dokumen Ini belum disemak]

DEWAN NEGARA  
**PARLIMEN KESEBELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9**

**Selasa**

**17 Mei 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 (Halaman 27)  
Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 (Halaman 94)

---

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Selasa, 17 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk lebih membenarkan pertanyaan-pertanyaan tambahan bagi perkara-perkara baru yang timbul dalam masa ini dan kurang membenarkan perkara-perkara yang telah berulang kali diberitahu kepada Dewan yang mulia ini.

1. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bagaimanakah tahap keselamatan penduduk yang mendiami pangsapuri dan apartmen milik DBKL, terutamanya selepas kejadian gegaran baru-baru ini yang telah meretakkan beberapa blok bangunan pangsapuri DBKL di sekitar ibu kota, apakah DBKL telah melaksanakan kajian struktur untuk memantau keteguhan bangunan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan ia terus selamat untuk didiami.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok, sebanyak 45 buah bangunan di sekitar Kuala Lumpur mengalami gegaran kesan kejadian gempa bumi di Indonesia pada 29 Mac 2005. Siasatan tapak telah dilakukan pada 29 dan 30 Mac 2005 terhadap pangsapuri dan apartmen milik DBKL.

Hasil siasatan dan pemeriksaan seperti berikut:

- (i) tiada kerosakan kepada bangunan terlibat;
- (ii) terdapat retakan kecil pada dinding dan kaki lima sebilangan kecil bangunan yang diperiksa tetapi retakan berkenaan telah lama wujud.

Oleh yang demikian, bangunan-bangunan yang terlibat tidak berada dalam keadaan bahaya. Walau bagaimanapun, untuk langkah jangka panjang, pangsapuri dan apartmen milik DBKL perlu menjalankan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan kekukuhan struktur bangunan tidak terjejas bertepatan dengan peraturan Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di mana semua bangunan yang melebihi lima tingkat dan telah memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki melebihi 10 tahun perlu diperiksa. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini perkara baru, Dato' Kamarudin bin Ambok, lepas itu Datuk Yaakob. Lepas itu .....

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jika tiada tahap gegaran bumi yang bagaimanakah skala Richter yang boleh menjejaskan struktur bangunan tinggi?

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, bangunan yang dibenarkan dibina oleh DBKL memang mestilah mengikut peraturan yang sedia ada di bawah DBKL dan kita sentiasa memantau tentang keselamatan bangunan yang dibina oleh DBKL. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya masih berkaitan dengan soalan tambahan tadi iaitu bangunan-bangunan yang ada di bandar raya andai kata berlaku gegaran melebihi berapakah skala Richter yang bangunan ini masih boleh bertahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Piawai mengenai kemampuan menghadapi gegaran, berapa Richter, dari *design* aspek mohon izin.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Malaysia bukan di dalam tempat yang menghadapi gempa bumi. Tetapi ini memang satu bencana baru di mana Malaysia menghadapi gegaran dari gempa bumi. Walau bagaimanapun, disebabkan bencana ini sebagai baru, DBKL telah pun memandang serius ke atas gegaran yang berlaku baru-baru ini dan telah juga mengambil tindakan dan mengadakan latihan amal gempa bumi di kawasan perumahan awam dan sentiasa memantau supaya bangunan-bangunan yang sedia ada adalah dalam keadaan yang kukuh dan sesuai diduduki.

Jikalau terdapat tanda-tanda yang memerlukan pemeriksaan sedemikian maka DBKL akan mengarahkan pemilik bangunan menjalankan *inspection* secara *visual* dan penyiasatan secara struktur. Sekian.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah setakat ini apakah usaha-usaha daripada pihak kerajaan untuk memastikan ciri-ciri keselamatan diguna pakai bagi bangunan-bangunan baru. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keselamatan dalam konteks gegaran.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita semua sedar bahawa gegaran atas bangunan-bangunan yang sedia ada dan juga DBKL sekarang sedang mengkaji supaya bangunan-bangunan yang baru akan didirikan mestilah lebih tahan dan bolehlah menghadapi gegaran yang biasanya tidak berlaku di KL dan juga DBKL sekarang ialah dengan di bawah seksyen yang saya sebut tadi 85(a) memastikan semua bangunan dijaga dengan baik dan dengan selamat, itu saja.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bagaimana Malaysia yang menjadi pengeluar utama minyak kelapa sawit bersedia memainkan peranannya apabila keperluan menggunakan '*biofuel*' iaitu bahan api yang bercampur dengan minyak kelapa sawit dikuatkuasakan di Eropah dan apakah implikasinya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

**[Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng kementerian saya sedar bahawa dalam usaha untuk menjamin kemajuan industri sawit negara di masa hadapan kita perlu melangkah lebih jauh daripada yang telah dicapai pada masa ini.

Industri sawit negara bukan sahaja terlibat dalam pengeluaran produk makanan dan bukan makanan malah perlu juga terlibat dalam penghasilan bahan tenaga daripada sawit iaitu '*biofuel*'. Ini adalah kerana sejak harga minyak petroleum mencecah USD55 satu tong, ia telah memberi kesedaran tentang betapa besarnya implikasi sekiranya terlalu bergantung kepada sumber bekalan minyak fosil.

Di samping itu pasaran terutamanya di negara maju yang telah menandatangani perjanjian Kyoto Protocol mula mengambil langkah untuk mengurangkan pencemaran udara dengan menggunakan sumber bahan api yang lebih mesra alam. Di Eropah, langkah untuk mengeluarkan '*biofuel*' adalah berasaskan minyak biji sawit atau *rapeseed* namun begitu sejak kebelakangan ini harga minyak biji sawit adalah jauh lebih mahal iaitu USD659 satu tan berbanding dengan harga minyak sawit pada USD452

satu tan di *Rotterdam*. Oleh yang demikian Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB telah menerima banyak pertanyaan tentang projek *bio-diesel* negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang Berhormat Senator maklum Malaysia mengeluarkan 13.9 juta tan minyak sawit mentah pada tahun 2004. Daripada jumlah ini sebanyak 12.2 juta tan dieksport ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Agak berapa peratus daripada pengeluaran dunia.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Lebih dari 90%. Proses *liquid palm oil* atau PLPO dengan izin, boleh digunakan sebagai biofuel sama ada dalam bentuk *refine, bleach and deodorize palm olein* dengan izin, ataupun meter aster *bio-diesel*. RBDPO mudah didapati di pasaran manakala *meter aster* memerlukan kilang *bio-diesel* khas didirikan untuk menghasilkannya. Malaysia mempunyai potensi untuk menghasilkan *meter aster* sawit untuk dieksport memandangkan bekalan minyak sawit yang banyak dan harga sawit yang rendah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat beri peluang untuk pertanyaan tambahan sebab ini perkara baru.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Boleh. Harga sekarang lebih kurang RM1.40 seliter berbanding harga diesel yang tinggi di Eropah lebih kurang satu *euro* atau RM5.00 seliter. Walau bagaimana pun untuk pasaran-pasaran Eropah jenis *bio-diesel* yang dijual hendaklah tahan sejuk. Satu lagi masalah ialah cukai eksport yang mungkin dikenakan atas import sediakan *bio-diesel* sawit yang menjadikan *bio-diesel* sawit kurang berdaing saing berbanding *bio-diesel* biji sawit. Bagi maksud menembusi pasaran-pasaran ini penyelidikan dan pembangunan atau R&D harus dipergiatkan untuk mengeluarkan *meter aster* yang tahan sejuk. Dalam hubungan ini MPOB melalui pembiayaan IRPA *Fund* di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menjalankan dengan jayanya ujian makmal mengenai pengeluaran *bio-diesel* tahan sejuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan asal Yang Berhormat telah menyerlahkan bahawa kerajaan selaku pemerintah dengan izin, *on the ball* mengenai perkara ini, huraian-huraian selanjutnya tak lain tak bukan hanya akan menyatakan yang sama bahawa kerajaan memang sedar, memang beri perhatian dan memang diberi perhatian dan memang ditumpukan kesungguhan dalam menghadapi

cabaran ini, jadi kalau sekarang Yang Berhormat beri peluang untuk pertanyaan tambahan bolehlah Yang Berhormat-Yang Berhormat mencungkil aspek-aspek lain.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kerajaan kita telah bersedia membantu pihak swasta untuk mempopularkan dan bersedia untuk memasarkan *bio-diesel* dan *biofuel* lain. Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya di bawah MPOB kita ada satu rancangan untuk membangunkan satu *pilot plant* di Labu, ini kapasiti loji ini adalah 60 ribu tan satu tahun dan kita akan belanjakan lebih kurang RM40 juta. Dengan loji ini kita akan menghasilkan meter *aster* untuk dicampurkan dengan petroleum fosil, kita ada dalam R&D MPOB, kita telah capai beberapa peringkat, kita ada V2, V5 dan V10. Ini bermakna kita adunkan dua persen *bio-diesel* dengan petroleum fosil 98 persen dan kalau V10 ini bermakna 10 persen *bio-diesel*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapa jumlahkah wang ringgit yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam penyelidikan dan pembangunan penghasilan *biofuel* dengan penggunaan minyak sawit sebagai bahan mentah dia pergi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lee sing Chooi:** ... kat mana-mana.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih. Sebenarnya kajian *bi-odiesel* telah bermula tahun 80'an dan selama ini kita sudah berjaya dan saya tidak ada angka berapa jumlahnya kita sudah belanja..

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh bagi secara bertulis atau tidak?

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Boleh, kita boleh. Terima kasih.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya faham masalah utama untuk *bio-diesel* menggantikan diesel asli ialah dari segi kos pengeluarannya yang tinggi. Jadi, adakah kerajaan menjalankan penyelidikan untuk mengurangkan kos pengeluarannya dan jika ada, apakah hasil penyelidikan itu.

**Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kos menghasilkan *bio-diesel* tak berapa tinggi tetapi oleh sebab minyak sawit adalah salah satu komoditi di mana harga dunia naik dan turun dan itu sebabnya kalau kita berbanding dengan petroleum, kalau kita tengok masa sekarang bila petroleum diesel atau petroleum harganya USD 50 satu tong mungkin ini adalah masanya yang kita boleh berdaya saing dengan menggunakan *bio-diesel*. Sekian.

**3. Tuan M. Saravanan** minta Menteri Sumber manusia menyatakan peratus kadar pengangguran di Malaysia dan apakah rancangan yang sedang dirangka oleh kementerian bagi membantu graduan-graduan yang menganggur ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran negara pada tahun 2003 ialah 3.6% dan 3.5% pada tahun 2004 dan seterusnya diunjurkan 3.4% pada tahun 2005. Ini menunjukkan kadar pengangguran negara terus menurun.

Bagi menangani masalah pengangguran, kementerian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengenal pasti dan menyemak semula kurikulum dan *syllabus* di institusi pengajian tinggi serta institusi latihan kemahiran bagi memastikan kursus yang ditawarkan bersesuaian dengan keperluan industri.

Kajian dan analisis berkaitan isu *mismatch* dan kualiti graduan daripada institusi pengajian tinggi termasuk institusi latihan kemahiran akan dijalankan dengan lebih komprehensif dan sistematik bagi mengenal pasti jurang kemahiran dan ilmu pengetahuan yang wujud dalam pasaran buruh.

Di samping itu, kementerian ini juga sedang meneliti data-data dan maklumat mengenai bilangan pengeluaran graduan dalam pelbagai bidang pengajian dan juga peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud di pasaran pekerjaan. Kajian ini bertujuan untuk memastikan bahawa fungsi perancangan tenaga manusia dalam negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi menangani perubahan yang drastik dalam struktur ekonomi negara ekoran persaingan global.

Bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan tambahan termasuk *soft-skill*, kementerian ini akan melaksanakan semula Skim Latihan Siswazah Menganggur yang telah dihentikan pada tahun 2004 dan akan dimulakan pada pertengahan tahun ini iaitu pada 1 Jun 2005 bagi mengurangkan kadar pengangguran siswazah. Bidang kursus diperluaskan supaya lebih berkesan di mana skim ini akan menumpukan kepada

latihan berkaitan pekerjaan di bidang perhotelan, restoran, pemasaran, jualan, akaun, perhubungan awam, ICT, kursus bahasa Inggeris, pengurusan eksekutif dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiba detiknya elok kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Di samping itu pihak kementerian juga sedang memperhebatkan Program Sure Kerja di seluruh negara. Program ini akan menghimpunkan majikan yang berpotensi dan graduan-graduan serta lain-lain pencari kerja untuk menjodohkan serta mendapatkan pekerjaan secara terbuka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun, selepas itu Dato' Haji Muhammad dan selepas itu Tuan Chua.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah sektor-sektor yang sesuai yang kini mengalami kekurangan pekerja ekoran kepulangan pendatang asing tanpa asing ke negara asal melalui Program Pengampunan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebenarnya pendatang-pendatang asing ini ditempatkan dalam bidang-bidang tertentu yang lazimnya tidak disukai ataupun bersesuaian dengan pekerja-pekerja tempatan. Di antara sektor-sektor yang lazimnya dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing ialah:

- (i) Pertanian/perladangan;
- (ii) pembinaan;
- (iii) pembuatan; dan
- (iv) perkhidmatan.

Empat sektor ini merupakan sektor-sektor yang lazimnya bersifat menggunakan tenaga kudrat ataupun sektor yang disebut sebagai sukar, susah dan bahaya yang mana sektor ini tidak diminta oleh Yang Berhormat Perdana Menteri untuk disebutkan kerana ia merupakan sektor-sektor yang dianggap *second class* kepada pekerja-pekerja asing. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, salah satu langkah mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan penganggur ialah mengambil mereka sebagai guru. Soalannya sejauh manakah keberkesanan langkah tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah bahagian pertama pertanyaan itu benar?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Guru? Saya rasa itu tidak berapa benar. Sukar untuk saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawabnya tidak benarlah. Yang Berhormat hendak jawab kata tidak benar?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak berapa jelas lagi, guru apa yang dimaksudkan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah kerajaan, memandangkan kepada kadar pengangguran yang tinggi ini sengaja menggunakan tekanan-tekanan tertentu supaya mereka ini beralih kepada profesion perguruan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak benar.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah sebenar yang menganggur bagi IPTA dan IPTS?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Jumlah sebenar yang menganggur bagi IPTA dan juga IPTS yang berdaftar dengan pihak kementerian ialah seramai 12,249 orang. Tetapi mengikut perangkaan secara keseluruhannya, graduan yang menganggur termasuk yang dikira ijazah dan diploma ialah 18,072 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah angka yang membezakan di antara IPTA dan IPTS seperti pertanyaan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang ada perbezaan di antara angka-angka yang menganggur di kalangan IPTA dan juga IPTS. Terima kasih.

4. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah pihak kementerian bercadang mengkaji semula peraturan pengambilan anak angkat yang mensyaratkan pendaftaran anak angkat hanya boleh dibuat selepas tempoh dua tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, syarat di mana pendaftaran anak angkat hanya boleh dibuat selepas tempoh dua tahun merupakan peruntukan dalam Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) yang ditadbirkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat akan membawa perkara ini kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tindakan susulan selanjutnya. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita lihat mutakhir ini isu penyeludupan bayi yang dijual kepada keluarga angkat sedang melanda dalam masyarakat. Jadi, sejauh manakah pemantauan yang dibuat oleh kerajaan dan adakah kerajaan mempunyai statistik tentang bilangan terhadap pembelian bayi daripada luar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tidak berkaitan, Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kenapakah kerajaan memberi masa dua tahun untuk mendaftar sebagai anak angkat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah menjawab tadi, Yang Berhormat. Ini peruntukan di bawah undang-undang atau akta, adakah itu benar? Kalau datang daripada saya itu tidak dikira sebagai jawapan. Apa jawapannya Yang Berhormat?

**Puan Chew Mei Fun:** Saya rasa tadi saya sudah beri jawapan. Ini adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan bukan di bawah kuasa kementerian. Ini telah pun .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi masalahnya dia bukan di bawah tanggungjawab kementerian yang lain. Masalahnya, dua tahun itu ialah disyaratkan oleh undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen sendiri.

**Puan Chew Mei Fun:** Betul. *[Ketawa]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu berapakah pendaftaran anak angkat setakat ini dan adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggalakkan pengambilan anak angkat sebagai satu usaha untuk mengurangkan anak-anak yatim di kalangan masyarakat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Siti - Siti, saya benarkanlah.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan permohonan anak angkat hanya diluluskan oleh MAKMA dan Jabatan Pendaftaran Negara, oleh itu JKM tidak mempunyai statistik berkaitan dengan bilangan kelulusan tersebut. Walau bagaimanapun, statistik penawaran anak angkat atau anak pelihara kepada pemohon melalui panel, penempatan anak angkat atau anak pelihara yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bagi tahun 2004 iaitu bilangan permohonan ialah 194 kes, bilangan yang berjaya ditawarkan ialah 132 kes dan bilangan yang di KIV kerana kriteria kanak-kanak yang dipohon tidak terdapat di institusi 62 kes.

Kementerian menggalakkan pasangan-pasangan yang dapat memberi jaminan jagaan yang baik kepada anak-anak dan mereka sedia untuk memberi perlindungan yang baik kepada anak-anak itu membuat permohonan. Tetapi mestilah mengikut syarat yang telah ditentukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jelas di sini sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat mahukan perubahan, Yang Berhormat kena kempen atau lobi untuk ubah undang-undang, bukan seru kepada kerajaan.

5. **Datin Chong Set Mui** minta Menteri Pelajaran menyatakan pihak kementerian menjadikan pendidikan jasmani sebagai salah satu subjek dalam peperiksaan adalah adil kepada pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah yang tidak mempunyai padang permainan atau dewan bagi tujuan aktiviti sukan dan terutama sekali tanpa guru Pendidikan Jasmani yang berkelayakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah menjalankan kajian terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani di sekolah rendah dan menengah. Kajian ini meliputi aspek kebolehan murid yang mengikuti kelas mata pelajaran ini, kemudahan prasarana sukan dan keperluan latihan guru Pendidikan Jasmani.

Pada masa ini, Pendidikan Jasmani diuji melalui Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah ataupun (PKBS) yang dijalankan di sekolah yang merangkumi ujian kecergasan fizikal, ujian kemahiran sukan dan ujian teori. Sehingga kini, Kementerian Pelajaran belum membuat sebarang keputusan menjadikan mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebagai mata pelajaran peperiksaan secara berpusat dan didokumentasikan dalam sijil peperiksaan seperti UPSR, PMR atau SPM.

Walau bagaimanapun, mata pelajaran Sains Sukan diuji di peringkat SPM sebagai pengetahuan sains sukan. Sehingga kini empat *cohort* pelajar di peringkat SPM telah menduduki kertas ini, yang melibatkan sebanyak 175 buah sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum ada keputusan menjadikannya sebagai satu subjek dalam peperiksaan. Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani dahulu.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Sebelum diadakan pengkajian tentulah diadakan pelajaran seperti sukan dan sebagainya. Adakah kementerian sedar bahawa beberapa sekolah mengadakan sukan di masa panas terik, seperti tengah hari umpamanya. Adakah ini salah satu peraturan bahawa dibolehkan sekolah-sekolah mengadakan latihan sukan di masa panas terik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkanlah tetapi jawabnya ringkas.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, masa untuk mengadakan sukan adalah ditetapkan ataupun keputusan diambil oleh sekolah dan ada kalanya ada kekangan apabila sesi sekolah, kita ada dua sesi, mungkin kita terpaksa menggunakan waktu tengah hari tetapi dasar Kementerian Pelajaran adalah menuju ke arah semua sekolah dijadikan satu sesi. Mungkin pada masa itu kita dapat mengadakan di sebelah petang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat. Dato' Rhina Bhar.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah di Negara China terdapat penuntut-penuntut yang berpotensi dijadikan anak angkat untuk dididik, dilatih untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Adakah di negara kita ini bercadang berbuat sedemikian?

**Puan Komala Devi:** Saya tidak tahu sama ada ini adalah kali yang pertama saya menerima cadangan ini tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada dua sekolah sukan, satu di Bukit Jalil dan satu lagi .... Saya rasa ini adalah juga satu cara di mana kami boleh memberi pendidikan, penumpuan dan fokus khas untuk murid-murid yang berpotensi menjadi atlet.

6. **Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan krisis yang kini dihadapi beberapa persatuan dan badan sukan kebangsaan dilihat berpunca daripada masalah politik dalaman persatuan. Apakah strategi kementerian untuk mengubatinya. Adakah wajar sekiranya golongan profesional pula diajak bergiat di dalam persatuan sebegini untuk menampilkan pentadbiran yang telus, efisien dan bertanggungjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat masalah politik dalaman persatuan yang menyebabkan krisis dalam badan-badan sukan. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan dalam badan sukan ini adalah berbentuk sukarela dan mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan telah merangka beberapa tindakan seperti berikut:

- mengadakan kursus-kursus pentadbiran dan pengurusan kepada pemegang jawatan utama badan sukan; dan
- mengadakan bengkel perbincangan dan sesi dialog dengan badan sukan, nazarkan dan lain-lain lagi untuk mempertingkatkan pengurusan badan sukan di semua peringkat

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada wajar sekiranya golongan profesional perlu diajak bergiat di dalam persatuan sukan. Sememangnya seperti mana dijelaskan tadi bahawa penglibatan di dalam persatuan-persatuan ini adalah secara sukarela dan minat persendirian.

Kementerian Belia dan Sukan hanya dapat menyeru agar lebih ramai golongan profesional melibatkan diri di dalam persatuan-persatuan sukan agar ia dapat diuruskan dengan lebih profesional demi untuk membangunkan sukan negara. Terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kementerian telah pergi ke Australia untuk mengkaji sistem Australia dengan pengurusan sukan. Apakah ..... pengurusan persatuan dan badan Malaysia dengan Australia?

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat berkenaan dengan soalan tersebut dan saya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon notis.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Saya memohon notis untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah selepas melihat ramai atau banyak persatuan-persatuan yang membawa kerajaan ke mahkamah seperti baru-baru ini persatuan taekwando, apakah kerajaan tidak bercadang untuk membuat satu dasar di mana persatuan-persatuan sukan tidak boleh membawa kerajaan ke mahkamah dalam sesuatu isu. Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tindakan-tindakan mahkamah yang dibawa oleh ahli-ahli persatuan, ini adalah hak mereka. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-

Pertua, berkenaan dengan taekwando, Akta Pembangunan Sukan 1997 telah digubal untuk membolehkan kerajaan mengawasi semua badan-badan sukan supaya tidak berbangkit keadaan-keadaan yang boleh memudaratkan sukan.

Dalam tindakan ini, bukan hanya sekarang tetapi pada masa-masa yang akan datang, dengan izin, *there might be a lot of unsatisfied organization* dan Kementerian Belia dan Sukan telah membuat keputusan untuk membuat walaupun keputusan-keputusan yang serius tetapi telah membuat keputusan untuk mengambil keputusan-keputusan tersebut.

Di dalam keputusan-keputusan tersebut, ini adalah berdasarkan kepada menggiatkan lagi sukan dan membenarkan Ahli-ahli Persekutuan untuk bergiat dalam sesuatu badan sukan. Dalam isu ini, untuk membuat sesuatu akta untuk tidak membolehkan persatuan-persatuan sukan untuk tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap Kementerian Belia dan Sukan ataupun kerajaan, buat masa ini tidak ada apa-apa perancangan dan saya tidak yakin perbuatan ini akan berlaku. Terima kasih.

**[Soalan No. 7 - Y.B. Puan Ooi Siew Kim tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan berikutnya ialah soalan Yang Berhormat Ooi Siew Kim. Saya diberitahu bahawa baru kita dapat tahu Yang Berhormat demam. Jadi, saya mohon maaf kepada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan kerana saya tidak dapat memanggil Puan Ooi Siew Kim. Saya mohon maaf Yang Berhormat, susah payah Yang Berhormat buat persiapan untuk menjawab tetapi dia bukan sengaja tidak hadir, dia demam.

Oleh sebab itu saya tidak gunakan perkataan 'uzur' lebih spesifik lagi demam. Sama ada dia demam kerana soalan timbul, saya pun tidak tahu. *[Ketawa]*

8. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah strategi kementerian untuk menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah sebagai antara 50 '*heritage city*' di dunia dan memastikan ia berupaya untuk menjadi legasi sejarah yang akan dikagumi serta dikunjungi pelancong.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah ditetapkan bahawa untuk sesebuah bandar atau tapak sejarah disenaraikan dalam senarai warisan dunia iaitu *The World Heritage List* oleh *United Nation Educational Scientific and Cultural Organization* iaitu UNESCO ialah perlu menepati kriteria yang ditetapkan seperti mana dalam

*Convention Concerning The Protection of The World Cultural and Natural Heritage*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan tempoh hari kita telah dengar kriteria UNESCO dikupaskan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya memang. Di antaranya perlu mewujudkan satu pelan pemuliharaan dan satu pelan pengurusan bandar tersebut secara bersepadu dan menepati garis panduan dalam bidang ini oleh The International Council on Monument and Sight (ICOMOS) bagi warisan budaya dan The World Conservation Union (IUNCN) bagi warisan alam semula jadi. Sehingga kini pihak kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah pun mengemukakan permohonan ini ke UNESCO berserta dengan cadangan kedua-dua pelan tersebut. Selain itu, pihak kementerian juga telah membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam usaha memelihara warisan dengan memberi peruntukan kewangan dan bantuan khidmat pakar. Bagi memastikan ianya tetap menjadi *legacy* sejarah, dikagumi serta dikunjungi pelancong, usaha-usaha mengembalikan dan mengekalkan kawasan bandar ini seperti asalnya adalah menjadi program utama.

Sungguhpun demikian, banyak cabaran dihadapi kerana ianya berlumba-lumba dengan pembangunan fizikal moden yang jika tidak akan ditangani secara berkesan akan memusnahkan bandar bersejarah ini. Oleh itu, bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM8 juta sedang dipohon bagi tujuan ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng, selepas itu Datuk Hajah Hazizah.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Dr. S. Vijayaratnam.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah garis panduan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan itu untuk bekerjasama dengan sesuatu kerajaan negeri untuk projek memasukkan dalam senarai UNESCO ini? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Melaka mengikut Enakmen No. 6/1988 iaitu Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988 yang diketuai oleh tidak lain dan

tidak bukan iaitu Ketua Menteri Melaka. Kita mesti ada satu pelan, perancangan yang menepati kriteria yang saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna, sebab utama Kerajaan Persekutuan bantu Negeri Melaka ini sebab Melaka ada satu enakmen yang spesifik.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah terdapat enakmen yang serupa bagi negeri-negeri lain?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Dua kriteria, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat datang dari Negeri Pulau Pinang, dia hendak dengar jawapan untuk Pulau Pinang walaupun dia tidak tanya.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Pulau Pinang tidak ada enakmen sedemikian ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Hajah Hazizah.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan Negeri Melaka merupakan negeri pelancong dan juga sejarah, adakah kementerian ini menyenaraikan Negeri Melaka di dalam setiap program lawatan kepada pelancong-pelancong daripada luar negara?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Melaka disenaraikan di *World Heritage list* memang ini akan disenaraikan di UNESCO maka itulah jadi satu tarikan pelancongan ke negara kita. Memang itu akan menarik banyak pelancong dari negara asing.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Fatanah baru bangun, sudah terlambat. Saya sudah beri peluang kepada tiga Yang Berhormat.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** ...dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum menjadikan satu *heritage city* - Melaka, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan dan taraf kebersihan di Kota Famosa, Bukit St. John dan juga Bukit Cina di Melaka? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab soalan ini iaitu satu pelan pemuliharaan dan satu pelan pengurusan untuk bandar tersebut secara bersepadu yang menepati garis panduan UNESCO akan dirancangan,

dan dalam pelan ini iaitu dalam zon utama, *core zone*, dengan izin, dan zon perantaraan iaitu *buffer zone*, di sini kebersihan ciri-ciri warisan dan sebagainya akan diambil kira dalam pelan ini. Saya pasti Kerajaan Negeri Melaka akan menyelenggarakan kedua-dua zon ini dengan tegas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf Tuan Fatanah, saya telah membenarkan tiga pertanyaan dan saya tidak boleh melebihi had yang diberikan kepada saya, kecuali saya lupalah kadang-kadang buat silap juga. Tuan Krishnan Maniam.

9. **Tuan M. Krishnan** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan bilangan estet yang masih tidak mempunyai bekalan air berpaip (SYABAS) di negara kita dan apakah usaha kementerian di dalam menaiktarafkan kemudahan asas tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang telah dijalankan pada tahun 2003, bilangan estet yang terdapat di negara ini ialah 1,878 dan bilangan estet yang tiada sambungan bekalan air awam ialah 1,299 atau 70%. Pada tahun 2005, bilangan estet yang berada di negara ini ialah 1,841 dan bilangan yang tiada sambungan bekalan air awam ialah 1,016 atau 55%. Terdapat beberapa sebab mengapa estet-estet ini masih tidak menikmati bekalan air berpaip dari sistem bekalan air awam. Antaranya:

- (i) lokasi estet terletak di kawasan terpencil dan jauh daripada sistem bekalan air awam;
- (ii) kos yang tinggi jika bekalan air awam disambung ke estet-estet ini tertakluk kepada lokasi dan muka bumi, skop kerja yang perlu diambil kira termasuk pemasangan tangki simpanan luaran yang besar sebelum disalurkan ke rumah-rumah dan rumah pam penggalak *buster*. Mengikut amalan, estet tersebut dikehendaki oleh pihak berkuasa air negeri untuk menyumbang kepada kos pembinaan ini. Pihak estet dan pekerja biasanya tidak sanggup untuk menanggung kos ini;
- (iii) pihak estet biasanya memberi bekalan air separa rawat kepada pekerja mereka secara percuma atau dengan bayaran minimum. Dengan ini, pihak pekerja menghadapi masalah jika dikenakan

bayaran air mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa air negeri. Pihak kementerian sentiasa menyelaraskan dengan pihak berkuasa air negeri supaya sentiasa memantau keadaan bekalan air ke estet-estet, khususnya untuk memberi sambungan bekalan air awam jika paip terdapat berhampiran kawasan estet-estet berkenaan. Pihak kerajaan kini sedang dalam proses menubuhkan satu kerangka *regulatory* di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Maka dengan adanya SPAN kelak semua bekalan air bersendirian estet yang tidak dapat disambungkan ke sistem bekalan air awam disebabkan bekalan air yang terpencil itu akan dikawal selia oleh SPAN. Pengurusan estet akan diberi lesen operasi bekalan air operasi bersendirian bersama dengan syarat-syarat tertentu. Dengan ini, adalah dijangkakan sekurang-kurangnya bekalan air yang diberikan kepada pekerja estet adalah terjamin dari segi kualiti demi kepentingan kesihatan pekerja dan keluarga mereka.

**Tuan M. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah dengan adanya SPAN, kelak harga air di ladang-ladang akan sama semuanya?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila dengan tertubuhnya SPAN kelak walaupun kadar air di antara satu ladang ke satu ladang itu agak berbeza tetapi setiap pengusaha yang akan diberikan lesen oleh SPAN nanti akan melalui satu proses yang terperinci, *same process*, dengan izin, untuk menentukan kadar air yang akan dikenakan kepada pengguna-pengguna di kawasan ladang tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** tidak sama tetapi harga munasabah.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Prosesnya, *same process*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Prosesnya sama. Tuan Hassan bin Haji Shukri.

**10. Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan tambang kenderaan awam seperti bas dan teksi. Setakat manakah kenaikan harga petrol mempengaruhi kenaikan tambang ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

**[Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri. Untuk makluman, sehingga Disember 2004 mengikut rekod kementerian lesen bas sebanyak 46,784 dan teksi 31,221 telah dikeluarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membuat komitmen terbuka untuk mengamalkan dasar penyemakan semula kadar tambang secara terbuka iaitu dengan mengkaji pengangkutan awam setiap lima tahun sekali bagi menyelaraskan kadar tambang dengan kos operasi semasa. Semakan terakhir bagi kadar tambang teksi telah dibuat pada tahun 1996 dan bas pada tahun 2000. Kenaikan kadar tambang yang diumumkan baru-baru ini adalah kerana sudah sampai masanya untuk semakan semula tersebut dan tidak ada kaitan dengan kenaikan harga minyak.

Penentuan kadar tambang dibuat dengan mengambil kira senario semasa dari segi yang pertama struktur kos operasi yang melibatkan gaji dan elaun pekerja, kos bahan pembakar dan minyak pelincir, pembaikan dan penyelenggaraan tayar dan tiup, susut nilai kenderaan dan lain-lain. Yang kedua kadar kenaikan kos secara keseluruhan yang diukur dengan menggunakan *index* harga pengguna, *index* pengangkutan dan komunikasi serta *index* petrol dan diesel. Yang ketiga prestasi pengusaha yang melibatkan margin operasi, keuntungan, pelaburan, usia kenderaan dan aliran tunai yang dialami oleh syarikat dan pengusaha.

Tuan Yang di-Pertua, petrol dan diesel adalah merupakan salah satu komponen dalam struktur kos operasi perkhidmatan bas dan teksi. Ia menyumbang di antara 20% hingga 30% kepada jumlah kos operasi sejak semakan tambang terakhir harga petrol dan diesel di pasaran telah meningkat secara purata di antara 19% hingga 29%. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru ini heboh diperkatakan tentang kos pengubahsuaian meter yang ditanggung oleh pemilik teksi tidak ditanggung oleh syarikat sedangkan teksi ini adalah dimiliki oleh syarikat. Mengapakah perkara ini berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab pengubahsuaian meter termasuk dalam kos operasi, jadi saya benarkan.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, mengikut rekod, sehingga sekarang ini sebanyak 18,489 teksi adalah milik syarikat dan 8,635 adalah milik individu dan koperasi. Dari segi persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator iaitu kadar yang telah diumumkan baru-baru ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan mengambil sehingga dalam tempoh 6 bulan oleh sebab masalah yang dikaitkan dengan berkaitan dengan penentu ukuran semula. *Calibration* dengan izin meter yang telah dibangkitkan. Jadi ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya Yang Berhormat diuruskan kerana kos pengubahsuaian meter itu adalah tanggungan pengusaha tetapi di antara pengusaha dengan pemandu kadang-kadang pengusaha dengan pemandu bukan orang yang sama, pertelingkahan berlaku siapa yang patut tanggung kos ini tetapi ini soal dalaman atau soal kerajaan?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kedudukan pemilikan teksi saya nyatakan tadi ialah milik syarikat dan juga individu. Bagi individu adalah menjadi tugas mereka untuk menanggung kos pemasangan sementara bagi syarikat adalah tugas syarikat untuk menanggung kos. Yang dimaksudkan yang antaranya RM70 hingga RM75 untuk pemasangan dan kita sedar dalam syarikat memang ada yang menyewa syarikat untuk membawa teksi berkenaan maka itu bukanlah menjadi tanggungjawab atau pemilik penyewa tersebut bagi memasang meter tetapi adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang memiliki permit tersebut.

**11. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah nama syarikat milik Singapura yang dibenarkan memiliki saham syarikat yang ada kepentingan strategik dan nasional seperti PROTON, TNB dan TELEKOM; dan
- (b) kenapa ia dibenarkan dan berapa peratuskah jumlah saham yang dikuasai oleh syarikat-syarikat asing tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Puad. Syarikat milik kerajaan Singapura yang membeli saham TELEKOM Malaysia dan PROTON Holding ialah Temasek Holding dan Government of Singapore Investment

Corporation. Temasek Holding telah membeli 5% daripada saham TELEKOM Malaysia manakala Government of Singapore Investment Corporation telah membeli 5% saham PROTON Holding. Pembelian saham-saham ini oleh pihak kerajaan Singapura adalah merupakan transaksi komersial. Walau bagaimanapun, kerajaan akan tetap memastikan bahawa apa-apa transaksi jual beli saham tidak akan menjejaskan penguasaannya atau control ke atas syarikat-syarikat yang strategik dan mempunyai kepentingan nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Baru-baru ini Temasek Holding telah menguasai pula City Square yang menjadi landmark di Johor Baharu dan banyak lagi. Adakah sebab-sebab Temasek Holding diberi banyak kelonggaran ini ialah kerana Temasek Holding dikuasai oleh isteri Perdana Menteri Singapura?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ada peraturan. Kalau hendak membeli saham kalau lebih daripada 5% kena *disclose*, kena beritahu BSKL ataupun kalau lebih daripada 33% ia melibatkan *minatory general offer* bermakna dia kena *disclose* dan mendapatkan persetujuan daripada kerajaan sebelum dapat beli bukan kerana seseorang individu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua ini di bawah kawalan Suruhanjaya Sekuriti lah Yang Berhormat? Adakah ia ....

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Jins.

**Datuk Jins Shamsudin:** Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sedar bahawa dengan menjual saham-saham milik PROTON dan TNB, TELEKOM yang mana kerajaan mempunyai kepentingannya bahawa kelihatan ekonomi kita mula dijajah oleh orang asing? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kerajaan memang sedar perkara ini. Bukanlah maksudnya apabila kita menjual syer kita bukan jual semua sekali tetapi sebahagian kecil sahaja itu yang dimaksudkan, ini maknanya orang lain ada keyakinan dengan syarikat kita sebab itu dia beli. Kalau tidak ada keyakinan dia tidak akan beli. Sebab itu tidak timbul masalah orang hendak menjajah syarikat kita, itu tidak berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita pun beli syarikat orang di Sudan, Iran dan lain-lain juga. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kita sedang menggalakkan pelaburan di Malaysia apakah kebaikan kalau kita benarkan semua pihak sama ada dia ke sana atau Singapura dimiliki oleh kerajaan Singapura dan lain-lain asalkan dia boleh menambah pelaburannya di Malaysia. Apakah pendapat Kementerian Kewangan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini digalakkan dan pelabur digalakkan untuk membeli saham-saham di syarikat Malaysia kerana ini menambahkan modal masuk ke negara Malaysia. Kita menggalakkan FDI dengan izin kerana bila syarikat-syarikat luar ataupun pihak luar masuk modal ke sini bermakna menambahkan lagi modal dalam pasaran kerajaan, sebab itu kita menggalakkan. Tetapi adalah syarat-syarat seperti yang saya sebutkan tadi. Ada *control* juga janganlah sehingga terlepas kawalan kita kepada syarikat pihak-pihak luar.

**12. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan untuk menjadikan mahasiswa dan mahasiswa cemerlang aduan IQ + EQ + SQ adalah penting. Bagaimanakah kementerian menyeimbangkan di antara mengejar kecemerlangan akademik dengan keluhuran budi agar dapat diadun di IPTA dan IPTS di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan keluhuran budi adalah penting untuk menghasilkan mahasiswa dan mahasiswi yang cemerlang yang dilakukan melalui adunan elemen dengan *Intellectual Quality* (IQ) dicampur dengan *Emotional Quality* (EQ) dan *Spiritual Quality* (SQ). Untuk mencapai hasrat ini kementerian akan melaksanakan dasar pengambilan pelajar ke IPTA pada sesi tahun hadapan 2006/2007 dengan menetapkan kriteria pemilihan sebanyak 10% untuk aktiviti kokurikulum pelajar di peringkat sekolah.

Pada masa ini kriteria pemilihan kemasukan ke IPTA berdasarkan 100% pada pencapaian akademik pelajar sahaja. Walau bagaimanapun, kementerian melalui penggubalan kerangka kenaikan Malaysia ataupun MQF (*Malaysian Qualification Framework*) dengan izin dengan mengadun ketiga-tiga elemen *intellectual*, *emosi* dan *spiritual* dengan menetapkan hasil pelajaran ataupun *learning out come* dan *competency*

yang mesti ditunjukkan oleh pelajar setelah menyempurnakan satu program.

*Competency* tergulung dalam *fundament* yang merangkumi:

- i. ilmu pengetahuan;
- ii. berkemahiran praktikal atau psiko motor;
- iii. kemahiran intelek iaitu daya pemikiran dan keupayaan membuat keputusan secara sendiri (autonomi);
- iv. kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan (*leadership*);
- v. kemahiran mengurus maklumat dan mampu belajar sendiri sepanjang hayat;
- vi. nilai etika dan keprofesionalan;
- vii. kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial dan agama; dan
- viii. keusahawanan dan pengurusan.

Dalam pada itu IPT dan IPTS akan terus mengukuhkan kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan pelajar mempunyai peluang menerap dan juga mengaplikasikan hasil pembelajaran yang telah ditentukan oleh IPTA dan IPTS. Terima kasih.

**13. Tuan Hii Tiong Kuoh** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jenayah kecurian harta benda awam, pecah rumah, ragut dan paksaan sering berlaku di beberapa kawasan di negeri Sarawak. Dapatkah kementerian menambah bilangan pegawai keselamatan atau polis ke kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Polis Diraja Malaysia telah mengemukakan kertas kerja untuk penambahan anggota di balai-balai polis bagi seluruh kontinjen Sarawak. Kementerian sedang mengkaji dan meneliti cadangan penambahan ini sebelum ia benar-benar dilaksanakan. Penambahan melibatkan anggota-anggota bit, ronda kawasan dan juga pasukan MPV ataupun Pencegahan Jenayah. Terima kasih.

**14. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perancangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk

membantu bekas-bekas tentera dari segi perumahan dan peningkatan ekonomi mereka melalui anak-anak syarikatnya.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tabung Angkatan Tentera adalah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan untuk menyediakan faedah, kuasa, syarat dan faedah-faedah yang lain anggota-anggota lain Angkatan Tentera Malaysia. Di samping itu menyediakan satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai ATM (Angkatan Tentera Malaysia) dan anggota-anggota Kerahan Angkatan Sukarela serta melaksanakan program-program Latihan Peralihan bagi anggota angkatan tentera yang akan bersara.

Berbagai-bagai latihan yang diberi kepada anggota tentera yang dalam masa untuk sampai kepada waktu bersara, sesuai dengan pemilihan yang dikehendaki oleh individu yang berkenaan di samping asuhan yang disusun oleh pegawai-pegawai yang terlibat supaya anggota tentera kita bila bersara nanti boleh menjalankan tanggungjawab dan kerja-kerja di samping tugas dan pengalaman yang mereka ada. Dalam masa yang sama ATM juga menjalankan program-program seperti memberi asuhan dalam perniagaan runcit dan perniagaan keperluan hidup seharian dan keperluan masyarakat awam yang lain.

Latihan-latihan profesion seperti ini dikendalikan dengan sesuai supaya anggota tentera yang bersara nanti dapat menggunakan masa lapang dan kemudahan untuk terus mencari pekerjaan dan pendapatan tambahan waktu mereka bersara. Dalam masa yang sama, kemudahan untuk mendapat tempat tinggal dan penyusunan untuk mengadakan tempat tinggal ini dibuat oleh DLP dan di samping itu kerajaan juga memberi peluang kepada perkara ini bagi mendapatkan tanah-tanah yang sesuai bagi mengadakan kemudahan pembangunan perumahan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Sehingga kini Lembaga Tabung Angkatan Tentera mendapat sokongan yang baik daripada anggota bekas tentera dan dalam masa yang sama Lembaga Tabung juga menyokong dan memberi kemudahan kepada anak-anak bekas tentera atau anak-anak tentera yang mendapat kemajuan dalam bidang pendidikan dan mendorong mereka untuk mendapat pelajaran yang lebih baik di masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Muhammad mewakili kepentingan bekas tentera, saya benarkan satu soalan tambahan.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Soalan tambahan saya, pada masa kini kedudukan ekonomi bekas-bekas angkatan tentera tidak begitu baik dan begitu juga kurangnya yang memiliki rumah sendiri. Apakah keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sama ada melalui LTAT ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Apakah keberkesanan langkah-langkah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Baik kurang baik tak baik....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sebenarnya saya tidak menyebut angka tetapi saya menyebutkan program dan *response* yang datang daripada anggota tentera. Saya hendak sebut angkanya umpamanya yang dijalankan oleh Mutiara Reni Skudai, Johor dan Mutiara Damansara, Selangor telah mengadakan kemudahan perumahan sebanyak 1,784 unit rumah kos rendah 3 bilik seperti yang dikehendaki oleh kerajaan. Dalam masa yang sama telah saya sebutkan tidak 110 ekar lagi di Kajang akan diadakan untuk pembangunan perumahan dan ini mestilah ada *response* daripada anggota-anggota bekas tentera tetapi dalam menjalankan program untuk bekas tentera ini LTAT juga memberi peluang kepada anggota rakyat biasa untuk menyertai pembelian rancangan kemudahan pembangunan perumahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**15. Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam membawa pulang saintis-saintis tempatan dari luar negara. Apakah insentif-insentif yang ditawarkan untuk menyemarakkan dan menginovasikan idea-idea mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan pakar-pakar sains dan teknologi (S&T) yang terdiri daripada saintis warganegara Malaysia sama ada di luar negara dan juga saintis asing supaya berkhidmat untuk negara Malaysia. Salah satu usaha ini ialah melaksanakan program penarikan balik saintis warga negara Malaysia di luar negeri dan pengambilan saintis asing pada tahun 1995.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beberapa langkah telah dikupas dengan terperinci dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Sebagai makluman, seramai 94 orang saintis telah diambil berkhidmat dengan institusi penyelidikan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu terdiri daripada 23 orang saintis warga negara Malaysia dan 70 orang saintis asing. Kebanyakannya diambil sebagai tenaga pengajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan bukannya pakar penyelidik. Ketika ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang melaksanakan satu kajian terperinci mengenai cadangan untuk mengadakan Program Brain Gain Kebangsaan. Program ini adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai saintis dan penyelidik yang berkepakaran di kalangan warga negara Malaysia di luar negara dan juga rakyat asing supaya berkhidmat untuk negara Malaysia.

**16. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian bercadang mengimplementasikan satu piawai seragam bagi petunjuk-petunjuk jalan di seluruh Malaysia agar mencerminkan satu standard serta dapat mengurangkan kekeliruan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menghargai kehadiran Yang Berhormat sebab itu saya mahu juga soalan ini timbul walaupun ia nombor 16.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pada amnya petunjuk-petunjuk jalan yang dipasang oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di jalan adalah mengikut garis panduan yang disediakan oleh JKR. PBT akan diperlengkapkan dari masa ke semasa untuk mengikut garis panduan tersebut bagi keseragaman di seluruh negara. Pihak kementerian di maklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya mempunyai rancangan untuk menyeragamkan papan tanda petunjuk jalan iaitu papan tanda arah, papan tanda destinasi dan petunjuk jalan atau *road marker*, dengan izin, bagi semua rangkaian jalan termasuk lebuhraya, Jalan Raya Persekutuan, jalan raya negeri dan jalan-jalan di dalam kawasan majlis perbandaran dan bandar raya. Satu jawatankuasa mengenai perkara ini telah pun ditubuhkan pada tahun 2004 dan sedang dalam peringkat mengubah satu garis panduan yang boleh diterima pakai oleh semua pihak penguasa jalan raya dan pihak berkuasa tempatan. Sekian.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Dato' Ikhwan selepas itu Timbalan Menteri jawab.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah penguatkuasaan dijalankan sekarang kerana ada juga petunjuk jalan ini yang terletak selepas simpang, sebelum simpang dan sebagainya, penguatkuasaannya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat berpuas hati bahawa *signage*, dengan izin, di Malaysia ini sudah masuk *world class*? Semua orang hendak jadi *world class* tetapi *signage* ini sudah *world class* atau belum?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Saya fikir walaupun kita masih belum mencapai tahap *world class* tetapi sudah dekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah langkah....

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** .... iaitu.....*[Dewan riuh seketika dengan Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan dan pertanyaan kepada Yang Berhormat adakah langkah-langkah kuat kuasa?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Langkah-langkahnya ya iaitu kerana sekarang ada satu jawatankuasa sudah ditubuhkan akan mengkaji dan apa langkahnya, kita akan menyingkap *signage* jalan raya di seluruh negara kita. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun. Selepas itu Dato' Dr. Puad.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk menyeragamkan warna tanda-tanda papan ini daripada hijau putih kepada biru putih, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cadangan yang barulah, saya fikir warnanya negara kita akan mengikut warna digunakan oleh negara-negara antarabangsa tetapi kalau Yang Berhormat Senator berminat boleh memberi cadangan bertulis kepada kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kajian sudah pun dibuat untuk menggunakan standard petunjuk jalan yang digunakan di Amerika itu dapat dilaksanakan di negara kita dan bila tempohnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak semestinya di Amerika tetapi di negara-negara majulah, bukan Amerika sahaja yang maju ya.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Amerika yang terbaik.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita atau kementerian saya pun akan menimbangkan apa itu sistem *signage* atau petunjuk-petunjuk jalan yang terbaik. Tetapi jalan lupa ya, di Amerika dia punya sistem *driving left-hand drive*, dengan izin, itu berbeza dari negara kita. Kalau ikutkan semua pun susahlah. Sekian. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]***

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[16 Mei 2005]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh sila sambung ucapan.

**11.27 pagi.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. dan salam sejahtera. Insya Allah, saya akan menyambung perbahasan saya berhubung dengan perbekalan tambahan iaitu tentang Kementerian Pertahanan yang telah diperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM311,790,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya ganggu sebentar? Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya diberitahu oleh Menteri Kewangan Kedua bercadang untuk menggulung dan menjawab pada petang ini. Jadi Yang Berhormat bolehlah terus berbahas sehingga kita berhenti rehat pada pukul 1.00 tengah hari dan mungkin sedikit masa selepas kita mesyuarat semula pada pukul 2.30 petang. Sila sambungkan Yang Berhormat.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Peruntukan yang diminta sebanyak RM311,790, 240 juta. Jadi, dalam soal ini saya telah membangkitkan berhubung dengan seorang

remaja kita iaitu Mohd. Hafizal yang telah pun dikenakan tindakan mahkamah kerana gagal untuk menghadiri diri kepada kursus Program Latihan Khidmat Negara. Jadi daripada kes ini kita dapat membuat beberapa *interpretation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu daripada apa yang telah pun dipaparkan di dalam akhbar.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah izin, tidak payah izin Yang Berhormat, tukar 'tion' itu jadi 'si'...tak payah minta izinlah.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ya, tidak payah, terima kasih. Kita dapat membuat bacaan, kita dapat mengetahui bahawa Mohd Hafizal ini adalah seorang *drop-out*, maknanya pelajar yang tercicir daripada persekolahan dan sudah tentulah dia merupakan seorang yang tidak dapat mengikuti perkembangan semasa tentang adanya Program Latihan Khidmat Negara ini dan sebagainya, itu satu.

Yang kedua, kita boleh lihat bahawa peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat di kampung tersebut kerana daripada kecil lagi, awal remajanya dia telah pun bertungkus-lumus membantu ibunya, seorang ibu tunggal. Jadi, apakah yang telah dibuat oleh Pengerusi JKK katakan dan bagaimana pula peranan yang dimainkan oleh JKN untuk memberi bantuan-bantuan dan untuk mengatasi kemiskinan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita melihat bahawa kewajipan untuk semua yang terpilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara ini tidak mengira keadaan seseorang itu. Sewaktu program ini begitu ghairah dilaksanakan iaitu di pertengahan tahun yang lalu, kita melihat juga di dalam akhbar bagaimana seorang ibu yang baru sahaja melahirkan anak kerana namanya dan dirinya terpilih untuk mengikuti latihan ini dikatakan terpaksa meninggalkan anaknya. Kita melihat daripada akhbar ini seolah-olah *as if* seorang ibu itu maknanya sanggup meninggalkan bayi yang kecil itu adalah satu pengorbanan yang besar, *is a great thing*, tetapi kalau kita melihat daripada aspek yang lain pula, apakah layak bagi seorang ibu meninggalkan bayi yang kecil, yang mana bayi yang kecil ini sangat memerlukan kehadiran ibu sepanjang masa untuk dari segi proses pertumbuhan, pembesaran anak ini, dari segi menyusu dan kita sendiri pun menggalakkan susu badan, itulah yang saya sebutkan susu badan. Dan juga bagaimana pasangan yang baru berkahwin dihighlightkan juga.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Susu badan atau susu ibu?

**Puan Safinah binti Jusoh:** Susu ibu, susu ibu..... *[Ketawa]*

Bagaimana pasangan yang baru kahwin, pengantin baru, seorangnya terpaksa berpisah memasuki latihan ini, jadi mungkin mereka ini dipisahkan. Maklumlah mereka ni baru berkahwin mungkin ada gurindam jiwalah, yang seorang di dalam kem, yang seorang lagi di luar daripada kem. Dan masa kita tahu, masa berada di dalam kem ini ialah selama tiga bulan. Jadi saya nak tanyalah.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Senator, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. Kita tahu Program Latihan Khidmat Negara ini telah pun mencapai kejayaan yang begitu cemerlang. Walaupun di sana sini terdapat kelemahan-kelemahan sebagaimana kita faham manusia boleh merancang tapi Tuhan yang menentukannya. Kita tidak dapat lari daripada kelemahan-kelemahan kecil sebagaimana kita lihat dua insiden ataupun tiga insiden yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Saya percaya konsep "*Rules of Law*" ataupun prinsip undang-undang harus kita pertahankan. Kalau dilihat kes di Perlis itu, pada anggapan saya mungkin telah digembar-gemburkan oleh banyak pihak sehingga seolah-olah prinsip asal untuk melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara itu yang merupakan tunggak ataupun perjuangan untuk ke arah perpaduan negara yang diharap-harapkan oleh kita hari ini. Dengan segelintir insiden-insiden kelemahan tersebut bolehkah kita pertikaikan Program Latihan Khidmat Negara dan saya percaya konsep "*Rules of Law*" yang dihormati di dalam negara dan oleh peringkat persada antarabangsa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat bangkitkan soal perpaduan dan menteri yang bertanggungjawab dalam perkara berkenaan pun hadir bersama kita pada pagi ini. Kita menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan negara. Terima kasih, sila sambung Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi telah kita nyatakan Program Latihan Khidmat Negara ini juga menjurus ke arah satu fakta yang amat penting iaitu mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Kes-kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, pada saya, janganlah kita jadikan

sebagai alasan untuk mencacatkan keseluruhan program utama negara. Saya percaya tindakan undang-undang harus diambil tanpa mengira siapa mereka namun pelaksanaannya mungkin pihak kerajaan boleh lihat menggunakan budi bicara dan telah pun banyak kita bahaskan.

Di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat juga, mungkin hampir 4,000 lagi kes yang akan dibawa ke mahkamah berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara ini. Adakah dengan insiden yang telah berlaku itu, ia akan menghalang tindakan undang-undang terhadap mereka. Saya percaya untuk menegakkan sesuatu dasar negara, kita tidak dapat lari daripada segi mempertahankan prinsip undang-undang. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Maknanya kita akan berhadapan dengan 4,000 kes lagi yang akan dibicarakan di mahkamah. Walaupun kita tidak dapat nafikan bahawa kita terikat dengan "*Rules of Law*" tapi kita mengharapkan supaya kita tahu bahawa Program Latihan Khidmat Negara ini menjadi satu kewajipan, wajib bagi mana-mana yang terpilih.

Kemudiannya menteri menyatakan kalau ada yang tak dapat mengikutinya, kita akan melihat *on the case by case basis*, maknanya atas dasar *case by case*. Mungkin yang 4,000 ini ada alasan-alasannya dan juga hakim ini dari segi membuat *judgement*, keputusan bukanlah merupakan satu yang mandatori yang tegas, maknanya adalah *leniency* - kelonggaran-kelonggaran berdasarkan kepada kes-kes yang mungkin bagi mereka yang dihadapkan di mahkamah itu, dia ada alasan-alasan yang munasabah yang akan diberikan kepada pihak *judgement*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita tahu bahawa Menteri Pertahanan, dia bersifat disiplin ketenteraan. Maknanya dalam peraturan dia dan sebagainya, apakah dalam membuat dasar latihan ini tidak dirujuk kepada pihak-pihak yang memahami psikologi remaja, memahami psikologi orang-orang yang baru kahwin - begitu. Maknanya sebaik-baiknya dibuatkan suatu khidmat ini, suatu latihan ini sebagai suatu peraturan yang wajib, satu perkara yang wajib, seelok-eloknya pandangan daripada pihak-pihak yang arif tentang emosi, yang arif tentang kerohanian mesti juga diambil kira. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga .....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan Yang Berhormat?

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ya, sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini kita mendapat makluman daripada beberapa ibu bapa mengatakan, anak-anak mereka yang telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara terutama dari pelajar lelaki, ada yang mengeluh masalah mereka tidak dibawa untuk mengerjakan solat Jumaat hampir sepanjang tempoh kursus sebab tidak ada kenderaan disediakan untuk mereka. Banyak yang mengatakan di kalangan mereka yang tidak di disiplin sehingga mereka mematuhi disiplin sembahyang terutama bagi pelajar-pelajar Islam terutama di waktu Subuh apabila mereka didesak supaya di awal pagi berada di padang untuk kawad dan sebagainya.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah modul sukatan Program Latihan Khidmat Negara ini perlu dikaji balik supaya dimasukkan pendidikan agama dan peraturan-peraturan agama dalam Program Latihan Khidmat Negara. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih, jadi kalaulah maknanya perkara ini, rungutan ini daripada mereka yang di dalam kem itu sendiri, jadi kita terimalah apa yang dilaporkan kepada ibu bapa mereka. Kadang-kadang anak-anak kita ini, apa-apa hal di sekolah, apa-apa hal yang mereka mengikuti ini, orang Terengganu kata dengan penuh mulut dia bercerita balik kepada ibu bapa mereka, sesuatu perkara yang terjadi, dan sehinggakan kita tidak perlu pergi ke sekolah itu, tidak perlu berjumpa dengan guru itu, tidak perlu melihat kem itu, kita boleh *visualize*, kita boleh bayangkan keadaan itu. Maknanya hendak gambarkan kepada kita betapa pandainya, betapa bijaknya mereka yang bercerita ini menggambarkan, melakarkan satu-satu keadaan itu.

Jadi kita terima dan saya rasa tidak wajarlah maknanya dengan kita berbelanja begitu banyak, hampir setengah bilion, lebih RM500 juta, kita tidak mampu, terlepas pandang, terlepas kira hendak menyusun, hendak mengatur bagaimana hendak membawa pelatih-pelatih ini keluar sembahyang Jumaat ataupun bagaimana dari segi *schedule* yang begitu ketat itu, kita hendak memberi laluan kepada sembahyang Subuh. Mana penting? *Training* pagi ataupun sembahyang Subuh.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun meneliti tentang modul Program Latihan Khidmat Negara ini di mana antara perkara

pokok yang diberi prioriti termasuklah modul berkaitan dengan agama. Bukan sahaja agama Islam, tapi termasuk juga agama-agama lain, diberi kelonggaran.

Saya minta kalau boleh pada pandangan Yang Berhormat, kita tidak mahu membuat tuduhan yang kabur kerana ia boleh menjurus ke arah fitnah dan kalau boleh kita minta Yang Berhormat kalau setujulah, dengan izin *be specific each case* seperti mana yang disebutkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kita boleh membuat satu pembetulan andai kata soal pelaksanaan itu mungkin telah berlaku kelemahan, tidak menyeluruh Tuan Yang di-Pertua tetapi kita tidak mahu tohmahan-tohmahan yang berunsur fitnah itu boleh merosakkan matlamat murni kerajaan sebagaimana yang telah dirancangkan.

Apa pandangan Yang Berhormat, ini mungkin berkaitan dengan pelaksanaan tapi saya yakin dan percaya Kementerian Pertahanan telah pun menjadikan modul program untuk agama bukan sahaja Islam tetapi agama lain telah diberi perhatian. Apa pandangan Yang Berhormat? Kalau boleh minta *dispecific*, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menjawab apa yang dilaporkan dan diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Siti Zailah dan atas pandangan itu saya kata kalau benar perkara itu berlaku, saya rasa saya fikir pada pendapat saya tidak wajar dan sebenarnya dari segi pelaksanaan, hendak tahu pelaksanaan sebenarnya di satu-satu kem itu, elok juga rasanya bagi kita ini iaitu Ahli Dewan Negara ini kalau diberi peluang untuk melawat ke dalam kem itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Dewan Negara patut bantu cari penyelesaian. Kita negara berbilang kaum dan kita mempunyai tuntutan agama masing-masing yang bukan sahaja berbeza-beza tetapi kadang-kadang bertentangan dan bercanggah. Sementara itu kita ada matlamat yang sama dan di antara matlamat yang sama kita yang tertinggi mungkin ialah perpaduan negara. Bagaimanakah kita boleh aturkan program atau modul-modul dan matlamat perpaduan negara dalam konteks kita, masyarakat dan negara berbilang kaum dan keagamaan yang dijamin di bawah Perlembagaan kita sendiri. Mungkin Dewan Negara boleh membantu mencari penyelesaian yang jitu dalam dilema tersebut.

**Puan Safinah binti Jusoh:** *[Bangun]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin di antara keraguan kita ialah kerana kita selaku Ahli Dewan dan juga mungkin selaku ibu bapa tidak mengetahui sebenarnya apakah isi modul yang diberikan kepada anak-anak kita. Mungkin Yang Berhormat boleh bersetuju sekiranya kita beri cadangan kepada kementerian supaya senaskhah modul diberikan untuk tatapan kita bersama supaya kita dapat memberi pandangan dan cadangan supaya boleh diperkemas dan diperbaiki lagi sekiranya terdapat kelemahan di dalam satu-satu modul. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat menjawab, biarlah saya tukar giliran dengan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah itu adalah sebaik-baik jalan keluar untuk menyelesaikan segala perkara yang berlaku di dalam kem sana yang kita tidak mendapat maklumat yang tepat. Berhubung dengan PLKN ini, selama setahun telah pun dijalankan kursus latihan ini...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Puan Safinah binti Jusoh:** ...kita hendak tahulah bagaimana keberkesanan program ini. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh kembali isu solat tadi. Saya memang amat tidak bersetujulah jika sekiranya ada bukti yang boleh menunjukkan bahawa ada tempat-tempat kem ini yang langsung tidak membenarkan para pesertanya untuk melakukan solat Jumaat.

Jadi saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat, maksudnya kalau kem latihan ini kedudukannya adalah di tempat yang jauh dan kadang-kadang melebihi dua marhalah yang boleh memberikan kemudahan kepada peserta untuk melakukan solat jamak, Zuhur dengan Asar. Jadi tidak bolehkah maksudnya perkara ini tidak berbangkit sebagai satu isu kerana bukankah Islam itu memberi kemudahan terutama di tempat yang jauh begitu rupa, kita pun kadang-kadang bila pergi satu-satu kursus di hotel yang jauh pun kita solat jamak sahaja. Jadi ini hendak tahulah pandangan daripada Yang

Berhormat. Sebab itulah barangkali, bukanlah hendak menghalang tetapi kerana ada kemudahan itu, maka tidaklah disediakan bas tersebut.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ini timbul dari segi hukumlah. Jadi kita kena faham bahawa peserta-peserta, *the trainees* ini, mereka ini menetap di situ dengan jangka masa yang panjang iaitu tiga bulan, bukannya sehari dua. Kalau sehari dua boleh dianggap sebagai musafir, boleh jamak dan boleh qasar. Sebab itulah kita menggesa supaya diberi laluan untuk kebebasan mereka...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan lagi. Tidakkah dalam Islam itu jika sekiranya niat kita memang musafir, tidak kiralah berapa hari ke, tetapi kerana niatnya musafir, sebab ini banyak pandangan, maka kita dibenarkan juga untuk melakukan jamak.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tetapi kita di Malaysia ini kita ada urufnya, maknanya kebiasaannya, musafirnya dalam masa tiga atau empat hari dan lebih daripada itu ada pihak yang mengatakan 18 hari. Maknanya kalau sepanjang itu ada, tetapi tidak tahulah selama kita di Malaysia ini mungkin tidak berapa diguna pakailah. Dan saya rasa untuk maknanya melatih pelajar ini sembahyang berjemaah, maknanya bila keluar mereka ini dapat bergaul di dalam masyarakat, maknanya bertemu dengan masyarakat setempat itu. Bukan kata kem ini tersorok di dalam, tetapi kem ini di dalam ladang, di dalam *agro resort* kalau di Terengganu, di Setiu Agro Resort, hendak keluar itu sejauh empat kilometer, memang berjumpa dengan masyarakat.

Jadi seelok-eloknya dengan itu mereka pada hari Jumaat dapat juga melihat suasana kampung, bertemu dan melihat orang tua dan maknanya di situ boleh berlaku interaksi kemasyarakatan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Sila.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah:

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah kita perlu berada di masjid untuk melaksanakan solat Jumaat ataupun boleh solat itu dilakukan di padang di mana terdapatnya kem-kem tersebut. Sekiranya boleh, maka tidak timbul masalah yang memerlukan kepada pengangkutan, cuma perlu

kepada pihak pengurusan yang peka di atas kepentingan dan keperluan solat Jumaat bagi pelatih-pelatih lelaki terutamanya. Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Soal ini saya rasa perlu ada kira bicara atau perbincangan dengan pihak pengurusan, dengan pihak agama di tempat itu sama ada hendak buat di padang ataupun mungkin maknanya lebih elok lagi dibawa keluar ke masjid yang berdekatan. Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rangkaian tiga sahabat ini menjuruskan ke arah soal sembahyang Jumaat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Semacam ada satu pakatan ya. *[Ketawa]*

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, nampaknya macam itulah tetapi niat mereka suci, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya yakin. Namun berbangkit kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh rangkaian ketiga-tiga Senator tadi, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat kerana mungkin saya kurang begitu pakar berbanding dengan tiga Yang Berhormat Senator tadi dari segi agama, tetapi yang realitinya Yang Berhormat, tentang kriteria untuk mewujudkan sebuah pusat untuk sembahyang Jumaat, adakah kriteria-kriterianya ditetapkan oleh Majlis Agama Negeri masing-masing dan saya pasti untuk dijadikan sembahyang Jumaat, tidaklah sewenang-wenangnya kita boleh adakan tempat untuk diwujudkan dengan syarat-syarat tertentu yang membolehkan khutbahnya dibaca dan jemaahnya berjumaat pada hari tersebut.

Jadi mungkin perkara-perkara yang dibangkitkan ini, kalau Yang Berhormat boleh bagi pandanganlah tentang untuk mengadakan satu fatwa jemaahnya, sembahyang Jumaat ini boleh diadakan di mana-mana. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya kata tadi, maknanya perkara tadi itu perlu kepada perbincangan di antara pihak pengurusan dengan jabatan agama dalam negeri yang berkenaan.

Dan seterusnya saya beralih kepada.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Kita teliti.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat beralih kepada perkara yang lain, saya rasa terpanggil untuk turut serta memecahkan rangkaian tiga Senator wanita ini. Masalahnya kalau boleh, saya rasa dan adil kepada Yang Berhormat Menteri kita yang hadir dalam hal ini, dinyatakan secara khusus, di manakah berlakunya perkara yang ditimbulkan tadi, itu satu perkara. Kemudian pandangan saya yang kedua Yang Berhormat, kalau saya tidak salah, Jawatankuasa Pilihan atau *Select Committee* yang mewakili Dewan Parlimen kita ada mengadakan pertemuan dengan orang ramai dan sebagainya. Di situ, saya rasa bolehlah kita menyediakan memorandum, cadangan-cadangan untuk dikemukakan kepada jawatankuasa ini mengenai perkara-perkara tadi, terutama perkara-perkara yang ada hubungan dengan agama. Itu sekadar pandangan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Itu satu cadangan yang baik pada pandangan saya. Seterusnya kepada B.09 iaitu berhubung dengan.....

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Safinah binti Jusoh:** ..... badan pencegah rasuah.....

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Boleh saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri minta laluan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ..... terpaksa ganggu.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya. Sekadar untuk masuk untuk penjelasan tadi. Sebenarnya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dibentuk pada tahun lalu dan saya sebenarnya pengerusi jawatankuasa tersebut iaitu berkaitan dengan perpaduan dan khidmat negara. Ia telah memulakan pendengaran awam sebagai sebahagian daripada prosedur untuk mengutip maklumat dari pihak awam dan pihak Senator-senator Yang Berhormat, walau secara individu ataupun gabungan, boleh mengemukakan pandangan dan memorandum kepada jawatankuasa tersebut. Mesyuarat keduanya akan diadakan di Sarawak dan seterusnya di Sabah tetapi, tarikh-tarikh pendengaran awam tersebut ada dalam website Parlimen kita. Jadi, saya ajak, sebenarnya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat atau Senator-senator mengemukakan pandangan-pandangan termasuklah perihal modul-modul dan seterusnya supaya pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen itu, yang berfungsi selama dua tahun boleh

mengambil kira dan membuat perubahan-perubahan yang perlu. Terima kasih. Adakah Yang Berhormat sedar mengenai perkara ini?

**Puan Safinah binti Jusoh:** Ya. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kepada B.9 iaitu berhubung dengan badan pencegah rasuah, yang mana perbelanjaannya sebanyak RM1,310 dan ini mungkin maknanya sebagai permulaan kepada dasar integriti yang dicadangkan oleh kerajaan. Saya hendak kaitkan integriti ini dengan Tsunami yang telah pun melanda kita pada 26 Disember tahun lepas, yang mana saya sendiri dari segi pengalamannya, saya berada di tempat itu dua minggu selepas daripada peristiwa itu dan saya berkesempatan bertemu dengan mangsa-mangsa Tsunami. Mereka ada bersungut bahawa dalam masa seminggu, kawasan mereka disea/ oleh pihak keselamatan. Dia kata pihak keselamatan menjaga keselamatan, habis barang kami “diselamatkan”. Maknanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat beritahu tempat Yang Berhormat pergi tadi?

**Puan Safinah binti Jusoh:** Di Kuala Muda itu sendiri. Maknanya habis barang kami “diselamatkan”. Jadi, di sini kita hendak membersihkanlah. Maknanya pasukan keselamatan kita, adakah perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, ada barang-barang yang diambil dan sebagainya. Ada juga sungutan mangsa Tsunami ini, dia kata, bila buka sekolah, kita melihat dalam televisyen, anak-anak ke sekolah dengan baju biasa kerana tidak ada baju sekolah lagi dan diberikan baju-baju sekolah kepada pelajar-pelajar ini.

Ada seorang pelajar itu ditanya, “Adik dari sekolah mana?” “Dari sekolah agama”. Bila sebut sekolah agama, dia minta supaya maknanya memberi balik baju. Maknanya, implikasinya sekolah SAR tidak layak menerima bantuan. Jadi, kita dalam suasana yang begini *desperate*, makna orang perlu kepada bantuan kecemasan dan sebagainya, apakah soal-soal ini boleh, ini tidak boleh. Maknanya, ada berlaku macam itu. Kita lihat maknanya betapa hati seorang pelajar ini, orang lain dapat baju, orang lain boleh ke sekolah dengan baju sekolah, alih-alih maknanya dia dah pakai elok-elok, dia minta supaya dipulangkan balik. Kita mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah pun berupaya mengeluarkan begitu banyak bantuan kepada mangsa tsunami ini. Cuma, kita hendak tahu juga apa sungutan mereka, daripada itu, adakah tidak

maknanya kesan-kesan dari segi ada trauma, ada kesan emosi dan sebagainya kepada mangsa-mangsa tsunami ini. Sebab kita tengok hal tsunami ini tiap-tiap bulan nampaknya ada. Maknanya kita tengok April ada gegaran. Cuma dari segi *scalanya* itu, tinggikah rendah.

Kalau di Terengganu sendiri, awal Februari tidak silap saya, dalam air yang tenang itu, di Pantai Peranginan Merang, selepas daripada kursus, pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Tok Jiring hendak balik dah, sudah hendak balik dah, sudah tamat dah kursus ini. Berenang di pantai yang tenang airnya, tiba-tiba datang ombak yang besar. Maknanya, perkara-perkara ini berlaku. Jadi, kita hendak tahulah apakah tindakan-tindakan susulan dari segi kaedah-kaedah penenangan hati yang telah pun diberikan kepada mangsa-mangsa Tsunami iaitu di Kuala Kedah dan juga di Teluk Bahang di Pulau Pinang itu.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Senator Puan Safinah. Perkara yang dibangkitkan, menyentuh fokusnya isu tsunami.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya juga terlibat secara langsung di Kedah, khususnya sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi tentang Kuala Muda. Apabila berlakunya bencana tsunami, gerak gempur Barisan Nasional terdiri daripada Pemuda UMNO, Puteri UMNO, Wanita UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasionallah yang di antara paling awal sampai bagi membantu Tsunami, mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tentang tindakan pantas dan begitu cepat diambil oleh pasukan polis di dalam mengawal harta benda mangsa-mangsa Tsunami. Memang apabila berlakunya sesuatu bencana dan pihak polis di antara lainnya menyabung nyawa masuk ke kawasan yang ditimpa Tsunami. Bayangkanlah pada ketika itu, keadaan yang begitu kelam-kabut dan pihak polis mempertaruhkan nyawa mereka untuk mengawal, bukan sahaja nyawa di samping harta benda dan tidak dapat dinafikanlah kesempatan diambil oleh mereka yang mengambil kesempatan untuk turut membantu membersihkan harta-harta ke tempat lain.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan polis yang saya lihat siang malam tanpa mengira risiko, mereka merempuh masuk dalam lumpur semata-mata untuk sama-sama bantu. Kita tidak bolehlah selepas tsunami berlalu, kita lupa, “kacang lupakan kulit” kepada pasukan polis. Sebagaimana yang dinyatakan, pasukan polis telah membuat “kawasan-kawasan larangan” tetapi tidak dikawal. Bencana, kita harus mengambil kira akan perkara-perkara di luar jangkaan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian menyentuh soal kecil-kecil remeh yang dibangkitkan tadi itu, saya rasa tidak perlulah kita bangkit dalam Dewan yang mulia ini kerana satu dua insiden dijadikan sebagai kes. Saya rasa, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan begitu serius telah turun tidak berhenti-henti termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkali-kali turun di kawasan-kawasan yang ditimpa tsunami.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, wakil daripada Kerajaan Amerika telah turun ke tapak tsunami di Kedah, Pulau Pinang dan Langkawi. Mereka terpegun, terkejut dan tidak terfikir kerajaan di bawah Barisan Nasional bertindak begitu cepat di dalam menangani masalah tsunami dengan memberi gantian-gantian dalam bentuk harta benda, pakaian sekolah, rumah diganti dengan begitu rupa dan saya yakin perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini perkara kecil-kecil saya rasa. Yang baik kita berilah penghargaan dan janganlah benda kecil-kecil itu di bawa dalam Dewan yang mulia ini, seolah-olah kerajaan tidak sensitif, tidak bertindak dengan lebih serius ke atas masalah-masalah tsunami. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih, saya memang tidak dapat menafikan usaha besar yang dibuat oleh pasukan keselamatan dan juga kerajaan. Tetapi kadang-kadang perkara-perkara yang kecil ini pun, kita kena ambil kira juga. Makna kepuasan hati rakyat kita supaya kadang-kadang insiden yang kecil kita rasa tidak mengapa. Tetapi bagi orang yang benar-benar terkena benda itu, dari segi dia akan membawa perasaan dia itu selama-lamanya. Sebab itu saya kata adakah tindakan yang dibuat. Saya hendak tahulah adakah tindakan susulan yang dibuat untuk kita kaji, untuk cari apakah ada kesan-kesan traumanya-emosinya kepada masa-masa Tsunami itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang terakhir ialah berhubung dengan isu kenaikan harga barangan. Dalam permintaan untuk ditambahkan perbekalan ini, kita

ada melihat bagi Maksud B3 Jabatan Audit, B7 Jabatan Perkhidmatan Awam, B15 antara contoh-contohnya. Iaitu bagaimana B3 tambahan sebanyak RM20,870 adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran anjakan gaji di bawah sistem saraan Malaysia dan kenaikan kos percetakan laporan tahunan audit.

Yang saya hendak tekan di sini iaitu dalam B3 dan B7 ada maknanya permintaan kepada penambahan Bekalan ini disebabkan oleh kenaikan. Yang mana secara *paradoks* secara anehnya pihak kerajaan mengatakan bahawa kenaikan diesel tidak memberi kesan kepada harga barang.

Tetapi bagi kita yang berada di peringkat akar umbi, kita tahu bahawa perkara ini sebenarnya sekarang kita berhadapan dengan zaman inflasi. Seingat saya zaman inflasi tahun 70an, inflasi kegawatan ekonomi tahun 1997, 1998 dan sekarang 2004, 2005 *next inflation*. Maknanya datang sekali lagi inflasi. Satu inflasi kenaikan iaitu harga barang yang mana di peringkat kampung, di pasar-pasar kita melihat kalau dahulu sesuatu barang itu, memang saya menimbulkan benda yang kecil, tetapi dahulu barang itu ditanding, dijual dengan harga RM2 tetapi sekarang kerana inflasi RM2.50. Dengan suri rumah berbekalkan RM10 untuk duit pasar, apa yang mereka dapat? Kita dapat kadang-kadang kepada orang ramai dikatakan bahawa kadar kenaikan diesel yang terakhir RM0.20 satu liter, tidak terasa apa-apa.

Sebab kita ini liter ke apa tidak berapa faham, tidak berapa hendak dapat gambarkan. Tetapi kalau kita kata RM0.80 satu gelen baru dia nampak, 'oh, naik harga'. Naik harga diesel dan lain-lain barang turut naik. Walaupun harganya tidak naik, tetapi dari segi kuantiti barang itu dikurangkan. Kalau dalam tahun 70an, inflasi zaman Tun Abdul Razak dahulu diadakan bumi hijau untuk mengatasi inflasi. Zaman kegawatan ekonomi 90an saya tidak nampak ada bagaimana cara kita hendak *counter* inflasi ini. Kita mengharapkan tahun 2005 ini, dengan inflasi harga kenaikan barang, perkhidmatan, bas sekolah naik, tambang bas naik, bas ekspres tidak berhenti-henti naik dan, teksi pun naik. Apakah rancangan-rancangan strategi yang diatur untuk membantu orang-orang kampung, rakyat-rakyat yang miskin khususnya dan untuk berhadapan dengan kenaikan harga barang melambung sekarang.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Safinah.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sependapat dengan pandangan Yang Berhormat Senator tentang pengawalan kenaikan harga barang-barang. Yang mana pihak swasta tidak begitu terutamanya yang mengambil kesempatan tidak begitu perhatian di atas saranan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi tentang mereka seharusnya sama-sama memikul tanggungjawab untuk tidak mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat diberi kuasa apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap mereka yang ingin mengambil kesempatan. Sila beri langkah-langkah dan strategi kepada Dewan yang mulia ini supaya kerajaan boleh mengambil pandangan Yang Berhormat untuk diambil tindakan, terima kasih.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih di atas persetujuan Yang Berhormat. Menjadi suatu kehairanan kepada kita dalam suasana barang naik dan sebagainya. Antara langkah yang dibuat oleh kerajaan ialah membenarkan, kerajaan juga yang membenarkan kenaikan tambang teksi, tambang bas yang mana perkara ini dalam kekuasaan kita, dalam kekuasaan kerajaan sendiri. Apa kata kalau kerajaan untuk mengutuhkan, untuk *stabilize* keadaan ini. Biarkan dahulu kos tambang, jangan naik dahulu harga tambang.

Maksud saya ialah perkara ini strategi maknanya harus difikirkan apabila kerajaan ini mana yang berada di dalam kekuasaan kita, cuba kita *hold on*. Kita tunggu dahulu, tengok dahulu dan juga cuba kita berikan saranan-saranan kepada rakyat kiat untuk kita mungkin, ini pandangan saya seoranglah. Makna kembali semula kepada bumi hijau. Maknanya gerakan bumi hijau. Sebab kita tengok banyak tanah kosong, padi tanam sendiri, sara diri cuba macam mana. Itulah antara pandangan sayalah.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tadi tentang kenaikan harga barang. Yang Berhormat mengatakan bahawa kenaikan tambang bas dan yang lain itu patut dibekalkan. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat. Harga petrol diesel telah pun meningkat. Kita lihat hari ini, kos-kos baik dari segi nelayan dan petani. Sudah

tentu hasil mereka juga, kalau dijual dengan murah, sudah tentu mereka akan mengalami kerugian. Jadi bagi kita hendak mengatasi masalah ini kalau masalah hasil-hasil mereka dijual di pasaran dengan kos yang mereka dapat sudah tentu akan menurun. Adakah kita mahu nelayan kita menjual barangan mereka dengan harga yang murah? Ini akan merugikan mereka. Begitu juga dengan tambang-tambang bas. Kiat hari ini petrol diesel sudah naik. Pendapatan bas, kalau kita lihat, pendapatan drebar-drebar teksi kita lihat. Begitu kecil sekali, kalau dibandingkan dengan yang lain. Jadi sudah tentu kos mereka ini sudah melipat ganda. Bagaimana kita mahu mengatasi masalah ini? terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Kita tahu bahawa Yang Berhormat kenaikan harga diesel ini kerana kerajaan sendiri maknanya melepaskan tanggungan subsidi di atas diesel sebanyak RM 2 ribu juta.

Sekiranya dari awal kerajaan sendiri mengambil inisiatif tidak melepaskan subsidi ini, tidak membiarkan rakyat membayar harga diesel dengan tidak ada subsidi mungkin sekurang-kurangnya boleh meredakan suasana inflasi ini. Orang kampung juga dapat membaca, kerana kita Malaysia ini negara pengeluar minyak. Kita mengeluarkan petrol dan diesel, tetapi mengapa kita sebagai negara yang mengeluarkan diesel dan petrol harga petrol kita mahal. Mengapa kita tidak boleh membeli harga diesel dan harga petrol dengan kadar sebagai kita negara pengeluar diesel? Saya rasa itu sahaja daripada saya. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong perbekalan tambahan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak minta laluan ataupun hendak bahas?

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Hendak bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan.

**12.01 tgh.**

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Kewangan Kedua.

Di sini saya ingin menyentuh dua aspek yang penting yang telah dibentang oleh Menteri iaitu mengenai pembangunan pendidikan, ekonomi dan infrastruktur. Sektor yang penting, yang menjadi isu semasa pada hari ini ialah mengenai pendidikan tinggi, iaitu masalah yang dihadapi oleh siswazah-siswazah, mengikut laporan yang sering ditimbulkan ialah kira-kira 50,000 orang siswazah dilaporkan menganggur. Pada suku pertama tahun 2004 dijangka sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada siswazah-siswazah sosial sains dan sastera. Bidang pengajian Islam, pengajian Melayu dan juga ekonomi dikatakan antara bidang-bidang pengkhususan yang memperlihatkan kadar pengangguran siswazah-siswazah ini.

Di samping itu juga terdapat siswazah-siswazah dari aliran sains dan teknologi termasuklah dalam bidang kejuruteraan dan bidang teknologi maklumat iaitu ICT yang menganggur, tetapi angkanya adalah rendah. Baru-baru ini Menteri Pengajian Tinggi telah menegaskan bahawa sebab-sebab pengangguran di kalangan siswazah-siswazah tersebut ialah kerana bidang-bidang yang mereka ambil itu kebanyakannya tidak memenuhi kehendak pasaran pekerjaan hari ini. Sementara itu Menteri Sumber Manusia pula telah menegaskan bahawa kebanyakan siswazah-siswazah yang menganggur ini tidak mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi dan juga keyakinan diri.

Saya adalah penyokong penuh terhadap Menteri Pengajian Tinggi dan juga Menteri Sumber Manusia ini. Tetapi kita juga harus ingat bahawa soal pengangguran di kalangan siswazah itu bukan sahaja mesti dilihat dari aspek siswazah itu sahaja, tetapi hendaklah pada keseluruhan perancangan pembangunan negara. Kita tidak dapat menafikan bahawa pekerjaan sekarang melalui Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain agensi yang mempunyai perancangan yang rapi termasuklah dari segi perancangan sumber manusia itu. Tetapi perancangan itu tidak menyeluruh dan tidak bersepadu. Sementara kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA ataupun IPTS banyak yang tidak relevan dengan kehendak-kehendak pasaran pekerjaan pada hari ini.

Oleh yang demikian, kementerian yang berkenaan dan juga agensi-agensi seperti Unit Perancang Ekonomi hendaklah mempunyai perancangan tenaga manusia yang bersepadu, menyeluruh dan jangka panjang. Sementara itu kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS berkenaan juga hendaklah mengikuti keperluan pasaran

pekerjaan. Kita sememangnya menyedari bukan mudah untuk membuat unjuran dalam perancangan sumber manusia ini. Tetapi setidaknya-tidaknya sekiranya kita dapat memenuhi 80% daripada kehendak pasaran.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan bin Haji Shukri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada peruntukan yang diperakukan oleh Yang Berhormat, peruntukan tambahan yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran ialah RM960,024,800. Oleh kerana permit perbahasan Yang Berhormat banyak menyentuh tentang pelajar-pelajar yang menganggur. Adakah pada anggapan Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada peruntukan itu akan diagihkan kepada pelajar-pelajar yang menganggur ini sama ada daripada IPTA ataupun IPTS, walaupun sebenarnya dalam maklumat yang diberikan oleh Kementerian Kewangan ianya bukanlah untuk tujuan itu tapi oleh kerana ianya dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya mohon penjelasan kalau sekiranya Yang Berhormat ada maklumat-maklumat tertentu bahawa wang sebanyak yang dipohon itu untuk tujuan-tujuan yang saya sebutkan tadi. Kalau tidak maknanya tentulah yang kita bahaskan ini sekadar kita bahas sahaja.

Yang kedua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, adakah permohonan yang telah dibuat oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dalam perbekalan tambahan ini telah dibelanjakan ataupun ianya masih belum dibelanjakan lagi kerana kita tahu peruntukan ini untuk tahun 2004, cuma ianya dipohon pada tahun 2005 sebagai meminta supaya Dewan ini meluluskan perbelanjaan yang kurang peruntukan pada tahun 2004. Jadi saya hendak tahu juga wang yang dipohon ini agak-agak Yang Berhormat, adakah telah dibelanjakan ataupun masih ada lagi? Itu saya hendak mohon penjelasan, terima kasih.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa wang ini masih ada lagi. Diperlukan lagi, sebab itu dia minta tambahan. Jadi oleh kerana wang ini perlu, maka saya mencadangkan supaya mengambil kira apa-apa perkara yang telah saya cadangkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, di antara cadangan-cadangan yang sekarang ini sedang dibahaskan oleh orang ramai ialah untuk memberi latihan semula kepada siswazah

berkenaan di dalam bidang-bidang tertentu, yang dikehendaki oleh bakal-bakal majikan yang juga untuk memberi latihan bagi mempertingkatkan kemahiran para siswazah di dalam aspek kepimpinan, berkomunikasi, berinteraksi dan keyakinan diri. Para siswazah yang berkenaan bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran seperti di atas, tetapi juga perlu menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu yang betul. Bahasa yang lain terutamanya bahasa Inggeris, dengan adanya kemahiran tersebut pihak bakal-bakal majikan akan lebih yakin kepada mereka.

Di samping itu saya juga menyokong pendapat yang menyarankan nilai-nilai tambahan dalam kokurikulum, pengajian sains sosial, dan sastera juga perlu diberikan. Menteri Pengajian Tinggi tidak lama dahulu menyarankan kepada pihak universiti supaya menawarkan dua kursus kepada pelajar-pelajar dalam bidang berkenaan. Ini menurut beliau bagi meningkatkan lagi kemahiran pelajaran yang berkenaan setelah mereka lulus dari universiti.

Di sini saya ingin menyarankan supaya pelajar-pelajar dalam bidang sains dan sastera selain daripada mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam kursus-kursus yang diambil, mereka juga perlu mengambil satu kursus yang lain sama ada di peringkat diploma ataupun sijil. Bidang-bidang yang selalu ditekankan pada masa ini dan akan datang yang penting ialah bidang profesional seperti bidang undang-undang, perniagaan, pengurusan, pemasaran, perbankan, insurans, industri pembuatan dan juga teknologi maklumat.

Di samping itu bahasa-bahasa antarabangsa yang utama, khususnya bahasa Inggeris selain bahasa Melayu iaitu bahasa rasmi negara ini mestilah diberikan penekanan. Dengan adanya pengurusan bahasa tersebut khususnya bahasa Inggeris mereka akan lebih mudah untuk menjalankan tugas dan berinteraksi sesuai dengan kehendak era globalisasi pada masa ini dan masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa saya ini Ahli Dewan negara dari negeri Melaka, izinkan Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyampaikan beberapa rayuan daripada Kerajaan Negeri Melaka melalui saya. Kita amat bersyukur kepada pertumbuhan ekonomi negara yang semakin memberangsangkan. Di samping itu kadar pertumbuhan ekonomi negeri Melaka pada tahun 2003 ialah sebanyak 1.2% lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan KDNK. Pencapaian iaitu 5.3% oleh negara, pada tahun

2003 KDNK negeri Melaka - 6.5%. Pada tahun 2004 KDNK negeri Melaka dijangka berkembang kepada 7.4% iaitu lebih 1% tinggi daripada kadar tahun 2003.

Berasaskan pada kadar indicator ekonomi tahun 2004 pertumbuhan kadar ekonomi Melaka dijangka berada pada landasan yang betul ke arah mencapai tahap negara maju 2010.

Di samping itu saya juga bersyukur kerana pengurusan kewangan negeri Melaka adalah mantap, saya bersyukur kerana penyata akaun awam Melaka telah menerima sijil bersih daripada teguran pantomim, dua tahun berturut-turut 2003 dan 2004. Kedudukan kewangan negeri Melaka tidak termasuk dalam senarai negeri hampir muflis yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai objektif Melaka untuk menjadi negeri maju 2010 Melaka sangat memerlukan bantuan Kerajaan Persekutuan. Ini memandangkan Melaka di antara negeri yang kecil dan tidak mempunyai sumber-sumber asli seperti sesetengah negeri lain. Penekanan, pembangunan kerajaan negeri Melaka pada masa ini ialah dalam bidang industri, pelancongan, pendidikan, pertanian dan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua sukacita dimaklumkan bahawa pelancongan pada masa ini merupakan antara struktur yang penting bagi negeri Melaka. Jumlah kedatangan pelancong ke negeri Melaka di tahun 2003 ialah 3.6 juta orang. Kerajaan Negeri Melaka menyasarkan kedatangan pelancong bagi tahun 2005 meningkat kepada 4 juta orang.

Sumbangan bidang pelancongan kepada negeri amatlah besar, oleh itu dalam mempertingkatkan lagi bidang pelancongan ini Kerajaan Negeri Melaka memerlukan pembangunan infrastruktur yang tinggi sama seperti dengan negeri-negeri yang lain. Kerajaan Negeri Melaka berterima kasih kepada kerajaan pusat, Kerajaan Persekutuan kerana telah bersetuju untuk memperbesarkan lagi lapangan terbang. Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka supaya membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat. Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM8.5 juta untuk tujuan ini pada tahun 2005.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman RM12 juta bagi membiayai kos pengambilan balik tanah. Kerajaan Negeri Melaka menyeru agar projek menaikkan taraf Lapangan Terbang Batu Berendam ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera. Dengan adanya pembesaran lapangan terbang ini saya sudah pasti ramai pelancong-pelancong dari negara-negara lain tempat dapat berkunjung ke negeri Melaka.

Satu lagi projek yang berkaitan dengan pelancongan juga pembangunan negeri Melaka ialah projek pemuliharaan Sungai Melaka yang melibatkan projek pengindahan Sungai Melaka. Sungai Melaka ini mempunyai sejarah yang lama semenjak abad ke-15 lagi. Pada masa itu Sungai Melaka telah menjadi tumpuan pada pelancong sama seperti Venice di Itali.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM143 juta untuk tujuan mengindahkan Sungai Melaka. Projek fasa pertama yang berjumlah RM91 juta telah hampir siap, oleh yang demikian saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka merayu pada Kerajaan Persekutuan agar projek ini dapat disegerakan dan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua di samping juga mengucapkan setinggi ribuan terima kasih yang telah meluluskan peruntukan projek rangkaian jalan dan lebuh raya daripada Sungai Udang - Ayer Keroh.

Seterusnya berjumlah RM205 juta dan lebuh raya Simpang Empat Melaka Muar menelan belanja RM505.6 juta. Pada masa ini sebahagian projek ini telah siap, bermaknanya sudah siap separuh perjalanan jalan ini, kadang-kadang banyak rungutan daripada masyarakat kenapa tidak disiapkan kerana menjadi masalah kepada masyarakat di negeri Melaka. Oleh kerana itu saya melalui Kerajaan Negeri Melaka sangat-sangat berharap projek ini dapat disiapkan dalam keadaan yang segera.

Kita juga mengucapkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan peruntukan jalan raya di sepanjang Selat Melaka dan juga merentasi pantai negeri Melaka. Kami berharap projek ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di dalam rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang.

Dengan siapnya projek-projek besar di atas, Kerajaan Negeri Melaka yakin pembangunan, ekonomi, pelancongan negeri Melaka akan bertambah pesat dan terus meningkat dan ini dapat memberi sumbangan yang besar bukan sahaja kepada negeri Melaka tetapi juga kepada kerajaan pusat sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini semacam utusan khas daripada Ketua Menteri Melaka ini.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan:** Sebenarnya saya adalah wakil daripada negeri Melaka, jadi suara saya suara rakyat negeri Melaka, ini yang saya sampaikan, sebelum ini saya tidak tahu saya ambil dulu maklumat-maklumat daripada Unit Ekonomi Negeri Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat adalah ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Melaka.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan:** Ya betul. Dengan kata-kata itu saya dengan ini turut menyokong Rang Undang-undang bekalan yang telah dibentangkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Puan Halimah binti Hamzah bersedia dan selepas itu Tuan Tan Cheng Tee.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004. Daripada ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini kita lihat betapa pertumbuhan ekonomi yang begitu baik. Namun kita sekarang sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Safinah binti Jusoh tadi kita diancam bahaya inflasi yang bakal mengancam ekonomi sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah bagi membendung kenaikan harga kesan daripada kenaikan harga petrol dan diesel yang akhirnya kita lihat sekarang oleh kerana kurang kawalan kita bimbang akhirnya rakyat yang akan dibebani harga-harga barang yang begitu melambung tinggi.

Di mana kita lihat sekarang harga tambang teksi, tiket bas dan sebagainya telah pun naik dengan begitu mendadak. Kos yang meningkat ini akhirnya akan menyusahkan rakyat yang kita tahu yang rata-rata terutamanya bagi orang Melayu yang kadar kemiskinannya masih di tahap yang tinggi bagi rakyat di luar bandar yang pada kadar 11.4 peratus. Dan kita lihat harga pengguna sebelum kenaikan harga minyak pun indeks pengguna telah meningkat daripada 1.2 peratus dalam 2004 kepada 2.5 peratus pada tahun 2005, ini sebelum kenaikan harga diesel Tuan Yang di-Pertua.

Kalau selepas kenaikan ini kita tidak tahulah berapakah indeks yang sebenarnya. Begitu juga dengan indeks harga pengeluar yang sebelum kenaikan harga minyak telahpun meningkat daripada 4.4 peratus dalam 2002 kepada 5.7 peratus 2003 dan 8.8 peratus dalam 2004, belum mengambil kira kenaikan harga diesel yang terbaru ini. Jadi kita bimbang perkara-perkara ini sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil langkah untuk membendung harga akhirnya yang akan menyusahkan rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan Kementerian Pelajaran yang kita lihat sentiasa menerima peruntukan yang paling tinggi, dalam budget pun menerima peruntukan sebanyak RM20.2 bilion dan peruntukan tambahan sebanyak RM960 juta dan kita tahu Kementerian Pelajaran adalah merupakan asas kepada pembinaan akhlak dan rakyat yang berkemahiran dan akhirnya rakyat inilah yang diharapkan dapat melahirkan generasi yang mampu menjana kemajuan negara dan seterusnya membina generasi yang akan datang.

Namun, dukacita, hasil daripada sistem pendidikan ini kita lihat terutamanya di peringkat remaja semakin lama semakin menurun kualiti remaja-remaja yang dihasilkan daripada sistem pendidikan ini di mana kita lihat remaja-remaja sering dilanda pelbagai masalah dan yang paling membimbangkan ialah mengenai dengan masalah dadah. *Emolument* tambahan sebanyak RM960 juta untuk Kementerian Pendidikan ini adalah terlalu besar dan kita mengharapkan para guru, saya tidak tahulah *emolument* ini untuk tambahan kepada pengambilan guru yang baru ataupun untuk bayaran tambahan, bayaran bonus dan sebagainya.

Seharusnya pihak guru memberikan komitmen yang lebih tinggi bagi mendidik anak-anak dalam negara supaya asas yang baik dapat ditanam di peringkat yang rendah sebab kita membelanjakan satu jumlah yang begitu besar Tuan Yang di-Pertua seharusnya persediaan di peringkat awal itu dapat menghindar banyak masalah untuk mereka seterusnya naik ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya menjadi tenaga kerja yang berwibawa dalam negara kita.

Sebab kita tahu daripada laporan akhbar, saya lupa, The Sun kah, apakah baru-baru ini menyatakan bahawa lebih 75 peratus daripada perkerja-pekerja dalam negara kita mempunyai masalah penagihan dadah. Sekiranya perkara ini berterusan, jadi kita bimbang satu hari nanti sudahlah kita dilanda masalah remaja lelaki yang sering mempunyai pencapaian akademik yang begitu rendah.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Kemudian yang bekerja pula dijangkiti ataupun menghidapi ataupun sengaja mencari masalah dadah, jadi akhirnya di mana sumber pekerja yang akan kita cari di masa yang akan datang. Silakan Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah. *Statement* Yang Berhormat nyatakan tadi iaitu antara lainnya dukacita dengan sistem pendidikan negara hari ini yang mana menjurus ke arah remaja-remaja melibatkan diri di dalam dadah. Jadi, saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat kerana masalah dadah ini masalah negara, masalah utama.

Saya ingin mendapat pandangan ataupun strategi yang ada pada Yang Berhormat khususnya bagaimana untuk membendung masalah sosial, masalah dadah khususnya di Kelantan, khususnya di Pengkalan Chepa sendiri telah pun disenarai hitamkan sebagai kawasan dadah. Bagaimana strategi untuk menangani masalah dadah di Kelantan sendiri yang begitu meningkat di bawah pemerintahan Kerajaan PAS kerana mungkin kita boleh jadikan contoh andai kata Kerajaan PAS di Kelantan berjaya menangani masalah dadah yang semakin meningkat, mungkin Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional boleh tiru. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormatlah kalau Yang Berhormat sendiri boleh bagi strategi-strategi yang lebih baik daripada strategi yang ada, kita akan cuba ikut. Sila beri pandangan dan strategi untuk mengatasi masalah sosial khususnya dadah di Kelantan di bawah pemerintahan PAS, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Wan Ubaidah.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini telah pun timbul banyak kali. Masalah dadah ialah masalah negara sebab kita berada dalam satu negara Persekutuan di mana semua masalah ini adalah masalah kita bersama. Jadi, yang saya nyatakan ialah kegagalan sistem pendidikan, mesti ada sesuatu yang tidak kena dalam sistem pendidikan kita yang mana kita mendidik anak-anak kita selama berapa? Sebelas tahun sehingga ke tingkatan 5, akhirnya anak-anak ini masih lagi cenderung untuk melakukan kesalahan-kesalahan.

Memang saya menyatakan bukanlah semata-mata kesalahan Kementerian Pendidikan, bukan seratus peratus tetapi anak kita menghabiskan masa 11 tahun dalam sistem pendidikan dan akhirnya masih lagi menjadi masalah kepada negara. Memang peranan ibu bapa, sila.....

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Minta laluan Yang Berhormat

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dibincangkan, kita lihat bagaimana dalam kajian PIN, laporan PIN baru-baru ini mengatakan bahawa 35 peratus daripada pelajar-pelajar memberi kesanggupan untuk memberi rasuah apabila mereka berada dalam perkhidmatan kerajaan dan kita lihat walaupun dalam negara kita ini mempunyai universiti yang banyak sama ada IPT atau IPTS tetapi kita lihat semakin banyak universiti dibina, semakin banyak pusat-pusat pengajian tinggi masalah moral, masalah akhlak semakin meningkat dalam negara kita.

Apakah pada pandangan Yang Berhormat universiti kita ini tidak ada kaitankah pendidikan berkaitan dengan agama, akhlak dan moral diajar kepada pelajar-pelajar dan apakah sistem kita ini terputus sebenarnya hubungan dengan Allah S.W.T., apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, mungkin saya akan sampai ke bahagian itu sebentar lagi. Mengenai pendidikan di universiti yang saya rasa ada mata-mata pelajaran yang telah dikurangkan mungkin pihak Kementerian Pendidikan Tinggi boleh menjawab tentang bahagian ini. Berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob tadi, saya melihat dalam *web site* Agensi Dadah Kebangsaan itu sendiri ada menyenaraikan selain daripada agensi dadah dipanggil sebagai Senarai A disebutkan hampir semua kementerian yang seharusnya bekerjasama bagi membasmi gejala dadah ini.

Maknanya tidak boleh diletakkan, tetapi apa yang saya timbulkan di sini ialah asasnya 11 tahun kita mendidik, mengajar anak-anak kita tetapi hasilnya kita melihat masih ada peras ugut, masih ada gejala-gejala yang berlaku mesti ada sesuatu yang tidak kena dalam sistem yang memerlukan satu pengajian yang benar-benar serius dan ikhlas untuk melihat di manakah silapnya dalam sistem pendidikan kita, mungkin kerana kelas yang terlalu besar. Bayangkan seorang guru yang hendak mengawal 50 orang pelajar terutamanya di peringkat rendah, sepatutnya kelas itu dia dikurangkan untuk satu pembelajaran yang berkesan kepada mungkin 25 orang, dengan peruntukan yang begitu besar, dengan keadaan sekolah yang saya lihat begitu selesa sekarang dengan *air condnya*, sepatutnya kerajaan juga memberi peruntukan untuk mengurangkan bilangan kelas dan menambah lagi guru supaya interaksi antara guru dan pelajar itu lebih baik dan lebih mesra. Kalau kita lihat pengalaman-pengalaman guru yang dahulu dia ada

*personal touch*. Guru tidak hanya mengajar tetapi guru itu juga sebagai Murabbi ataupun pendididik dan ada hubungan, kadang-kadang anak murid datang ke rumah guru dan hubungan yang begitu yang akhirnya dapat membimbing anak-anak dan membawa mereka menjadi anak-anak yang lebih baik.

Kalau boleh kementerian pertimbangkan supaya bilangan pelajar di dalam kelas itu boleh dikurangkan supaya guru boleh mengenal anak-anak itu di peringkat yang lebih *on personal basic* ataupun lebih rapat lagi supaya bila ada interaksi, jadi mudah-mudahan anak-anak itu ada rasa segan kepada guru.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat Wan Ubaidah, saya ingin mendapat penjelasan sedikit, apakah Yang Berhormat merasa akhlak ini diajar di universiti. Bukankah akhlak ini patut dipupukkan di masa umur anak kita masih lagi dalam lingkungan jagaan ibu bapa dan adakah tanggungjawab akhlak anak-anak kita ini Yang Berhormat serahkan pada pihak sekolah dan kerajaan sahaja, apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya sangat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Dato' memanglah bukanlah di sekolah semata-mata, semua pihak mesti memainkan peranan, sebagaimana yang saya hendak sebut tadi dalam *web site* Agensi Dadah Kebangsaan ada menyebutkan selain daripada Agensi Dadah Kebangsaan terdapat disenaraikan semua agensi yang seharusnya memainkan peranan termasuklah Peguam Negaranya, polisnya, pihak penjaranya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia Dan Sukan, Jabatan Agama, Jabatan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri, RELAny, semuanya termasuk Kementerian Pembangunan Keluarganya, maknanya semua institusi mesti bergerak serentak.

Kita tidak lihat setakat ini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa tahun 2004 diisytiharkan sebagai tahun perangi dadah sehabis-habisan kita tidak lihat satu gelombang, satu kesepakatan semua agensi bekerjasama untuk membasmi, memerangi dadah ini secara habis-habisan. Kita lihat apa yang ada ialah usaha-usaha yang bersendirian untuk menghadapi masalah ini. Kenapa kementerian ataupun pihak kerajaan tidak memikirkan untuk dalam jangka

masa mungkin tiga tahun, semua kementerian, semua pihak, semua peringkat daripada kerajaan hinggalah kepada peringkat unit masyarakat yang paling kecil, unit ibu bapa itu sendiri, fokus betul-betul untuk membasmi gejala dadah.

Saya ingin menekankan perkara ini kerana saya bimbang sebab daripada 260,000 remaja yang menghadapi dadah, satu angka yang kalau kita bandingkan dengan populasi ataupun kependudukan negara mungkin nampak kecil, tetapi ini adalah 70 peratus daripada bilangan remaja dalam negara kita, 70 peratus adalah satu angka yang besar, dan di mana kita hendak harapkan masa depan negara kita sekiranya 70 peratus daripada remaja-remaja kita semua sudah dijangkiti penyakit dadah dan kita tahu dadah bukan berhenti di situ tetapi akhirnya akan membawa kepada HIV dan akhirnya mati akibat.....

**Datuk Jins Shamsudin:** Assalamualaikum.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Jins Shamsuddin sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bersama-sama melihat permasalahan remaja yang sedang menimpa ke arah kita sekarang ini. Dalam masa yang sama saya memohon pandangan daripada Yang Berhormat. Tadi kata Yang Berhormat, kalau tidak salah fahaman saya, setelah 11 tahun anak-anak kita belajar di sekolah, selepas 11 tahun tetapi menghadapi pelbagai masalah. Pertama sekali ialah masalah gejala sosial yang menimpa remaja-remaja kita, saya melihat bahawa sekolah tidak pernah ajar, sekolah tidak pernah ajar dan selama 11 tahun suruh anak-anak hisap dadah. Sekolah tidak juga pernah mengajar untuk melakukan gejala sosial. Jadi barangkali persekitaran yang berlaku di perkarangan sekolah itu yang menyebabkan mereka terlibat.

Jadi persekitaran inilah yang selalunya yang menyebabkan anak2 terlibat dalam gejala-gejala yang kurang sihat. Pertama sekali kita lihat sekarang ini banyak program-program televisyen, program-program yang melalui satelit, CD haram, CD lucah dan sebagainya. Kalau kita lihat juga gejala-gejala yang saya ada bawa bersama ini [*sambil menunjukkan dokumen untuk tuntutan dewan*] gejala-gejala sosial, sewaktu merayakan hari ulang tahun, hari ini menyebabkan di antara sebab-sebab yang kita harus lihat secara serius. Apa pandangan Yang Berhormat bahawa persekitaran sekolah itu sebenarnya haruslah dikawal selain daripada program-program televisyen dan program-

program yang menerpa ke arah anak-anak ini yang boleh dibeli di mana-mana. Hari ini, semua CD-CD lucah ini didapati di mana-mana. Ini adalah antara satu sebab persekitaran ini yang boleh kita kawal, apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat hendak menjawab, sukacita saya memaklumkan bahawa bersama-sama kita di dalam dewan yang mulia ini ialah *His Excellency Michele E. Nicholate, Deputy Chairman of the Council of Federation of the Federal Assembly of the Russian Federation* dan delegasi. *Your Excellency we would like to welcome you and your delegation to the Senate House of Parliament of Malaysia, thank you very much. [Tepuk dan sambil memandang ke arah delegasi dari Rusia di bahagian tempat duduk para pegawai]*

Delegasi ini akan berada di dalam negara ini dari 17 hingga 20 Mei, Selamat Datang diucapkan kepada tetamu-tetamu kita, terima kasih. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Datuk Senator Jins yang memberikan pandangan dan memang saya 100 peratus setuju sebab di sekolah kita perlu menanamkan akhlak, menanamkan tahap keimanan yang tinggi supaya apabila pelajar itu keluar ke dalam suasana dan suasana itu pula mestilah dikawal dan siapakah yang mengawal suasana ini dan perkara ini telah ditimbulkan dan siapa yang mengawal rancangan-rancangan dalam televisyen yang membiarkan kelab-kelab malam yang menggalakkan pesta-pesta rock dan sebagainya dalam suasana kita? Siapa yang membiakkan dan memberikan lesen-lesen kepada perkara-perkara ini yang berlaku dalam persekitaran?

Sebab itulah, oleh kerana anak-anak kita ini mempunyai masa yang terlalu banyak mungkin, mungkin kerajaan ataupun kementerian boleh mempertimbangkan supaya masa persekolahan ini dipanjangkan. Kita letak anak-anak di sekolah mungkin sampai pukul 4 dan pukul 5 dengan masa yang lebih panjang itu banyak perkara boleh dilakukan. Contohnya kita boleh menjimatkan 500 juta Tuan Yang di-Pertua, mungkin dengan anak-anak berada lama di sekolah tidak perlu lagi mereka menghadiri Program Latihan Khidmat Negara.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ismail Kassim, sila.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Ya, sila.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Wan atas laluan yang diberikan kepada saya, saya pada dasarnya saya bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat supaya masa yang lama untuk anak-anak kita berada di sekolah. Pada saya Yang Berhormat, walaupun kerajaan memberi masa yang lama di sekolah, kita melihat sekarang ini masa sebenarnya untuk perhubungan dan pembentukan penghargaan sendiri - *self-esteem* dengan izin bagi pelajar-pelajar ini dia sepatutnya berada di rumah dan di sekolah itu adalah sama banyak dan kadang-kadang kalau kita melihat segala permasalahan ataupun punca-punca yang berlaku terhadap gejala sosial dan apa sahaja masalah persoalan-persoalan negatif di kalangan masyarakat kita ini, kita selalu kaitkan dengan penglibatan kerajaan sepenuhnya.

Pada saya, saya mohon pandangan Yang Berhormat supaya dalam hal ini peranan ibu-bapa harus di lebih dan di banyakkkan daripada peranan pihak sekolah sendiri. Kerana kalau kita nampak kalau di sekolah, persoalan interaksi antara ataupun hubungan kemesraan dan juga pembentukan nilai-nilai mesra di antara anak-anak dan ibu-bapa itu dia makin berkurangan kalau seluruh masa itu - ini tidak termasuk masa yang mereka terpaksa pergi ke tuisyen dan sebagainya. Jadi ada beberapa jam *balance* ataupun baki masa untuk mereka bersama dengan keluarga, bersama dengan bapa, mak, adik-adik serta abang dan sebagainya serta ahli keluarganya bagi mereka membentuk hubungan erat dan membolehkan mereka berada dalam tahap yang cukup baik dalam membina sahsiah diri mereka.

Ini kerana kita lihat sekarang Yang Berhormat, banyak masa dihabiskan di luar dan apabila berlaku ibu bapa sendiri pun seolah-olah lepas tangan dan mereka selalu meletakkan seluruh kesalahan ataupun kepada *third party* dengan izin kerana mereka tidak pernah menyalahkan diri mereka. Sebab itulah pada saya walau apa pun keluarga mesti yang pertama barulah diikuti oleh pihak-pihak yang lain yang merupakan pelengkap, *to compliment* sahaja dengan izin kepada masalah yang berlaku sekarang. Kalau kita beri banyak masa sampai pukul 5 petang atau 6 petang dan balik rumah jam 8 malam mereka terpaksa ke tuisyen, kita rasa kadang-kadang masa terisi. Tetapi hubungan mereka dengan keluarga bagaimana? Yang inilah saya minta pandangan Yang Berhormat supaya kita dapat berkongsi satu masalah yang saya rasa cukup serius, masalah yang perlu diberi perhatian bersama di kalangan kita sebagai Ahli-ahli

Dewan dalam membahaskan perkara ini supaya memastikan gejala dan perkara ini kita tangani dengan sebaik mungkin. Pada saya, saya bersetuju dengan sahabat saya Datuk Syed Ali yang mengatakan ibu bapa yang pertama bukan pihak-pihak yang lain, apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Ismail. Memang ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk akhlak dan jati diri anak-anak tetapi bagaimana hendak mengajar ibu bapa ini sebab kita tengok contohnya masalah yang ketara berlaku di peringkat di Felda contohnya, bagaimanakah usaha-usaha untuk memberi penerangan kepada ibu bapa supaya mereka faham tentang tanggungjawab mereka dan bagi ibu bapa yang berpendapatan kecil mereka terpaksa meninggalkan rumah, yang bekerja di kilang, yang bekerja di ladang terpaksa meninggalkan rumah seharian. Justeru itu mereka bukan tidak mahu menjaga anak-anak Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana masa dan mereka dihimpit kemiskinan yang perlu mereka luangkan masa mereka untuk mencari rezeki untuk memelihara anak-anak yang memerlukan mereka meninggalkan rumah seharian, sebab itulah apa yang saya cadangkan.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sekali lagi pohon laluan. Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat tapi sekarang ini saya nampak kalaulah kita nak kaitkan Felda, Felcra dan petani di kampung sendiri. Kebanyakan mereka sekarang bukan mengerjakan hasil tanaman mereka sendiri di ladang dengan mereka sendiri yang membuat perkara itu kerana banyak sekarang diberi peluang kepada buruh-buruh asing dan banyak ibu bapa memilih - ibu memang di rumah, bapa memilih untuk *relax*, sebab itu kalau nak timbulkan di Felda ataupun di kampung sendiri petani-petani, yang saya lihat sekarang ini tidak turun ke bendang pun.

Dan mereka mengerjakan sawah padi, sekarang ini kebetulan musim untuk memulakan pekerjaan di sawah, mereka hanya menjadi pemerhati-pemerhati dan setengahnya dengan telefon bimbit di atas jalan hanya memerhati sawah dan semua pekerjaan ini dilakukan oleh orang yang dibawa masuk daripada luar iaitu daripada Pattani, Yala atau Indonesia sekalipun. Dan masa mereka dihabiskan di kedai dengan berbual kosong dan sembang pandai tapi tanggungjawab mereka kepada anak, mereka tidak laksanakan.

Begitu juga dengan di Felda, kebanyakan peserta Felda, apa yang saya difahamkan dan apa yang saya biasa pergi ke tempat misalnya di Mempaga dan sebagainya di Pahang yang pernah saya hadiri di tempat-tempat berkenaan, saya lihat begitu juga. Pekerjaan di ladang diberi upah kepada pihak-pihak yang lain, kepada orang Indonesia dan sebagainya. Ibu bapa memilih masa, kadang-kadang membuat pekerjaan luar untuk menambah pendapatan tetapi selebih masa dihabiskan di kedai kopi. Tidak hairanlah kalau anak-anak yang mula bercampur dengan kumpulan-kumpulan yang tidak baik dan mereka memilih hutan-hutan kelapa sawit yang merupakan tempat mereka untuk melakukan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Sebab itu tidak hairanlah kalau Felda pernah dianggap tempat yang kedua selepas Chow Kit. Dari segi penyalahgunaan dadah dan melakukan gejala-gejala negatif.

Jadi saya tidak menafikan, bukan semua tapi kebanyakan perkara ini dan gejala ini ada berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator, sebab itulah pernah saya sarankan supaya ditubuhkan satu 'Jabatan Lelaki dan Kelelakian' kerana masalah bapa tidak mengambil tanggungjawab. Kalau semua orang lelaki dalam negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, mengambil tanggungjawab sebagai ketua keluarga, menjaga isteri, menjaga anak-anak, insya-Allah semuanya akan selamat. Tetapi kita tidak mahu menyalahkan hanya satu pihak, semua pihak perlu berganding bahu bersama-sama untuk membendung gejala yang melanda masyarakat kita ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Haji Hassan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu - perbandinganlah, kita ni anak kepada orang tua juga, jadi kita ini maknanya pernah mengalami sebagai seorang anak. Kenapa agaknya pada zaman kita ini, bapa-bapa kepada - barangkali kepada cicit-cicit kitalah atau cucu-cucu kita ni, lain daripada ayah-ayah kita dulu. Walaupun ayah kita dulu miskin, mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, tidak belajar di universiti. Tapi anak-anak mereka pada waktu ini ada yang tujuh, ada yang lapan, ada yang sepuluh belajar di universiti, bukan universiti di dalam negeri sahaja tapi di luar negeri lagi.

Jadi apa agaknya penyakit bapa-bapa dan ibu-ibu pada zaman kita ini.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Boleh saya minta laluan pada Ustaz, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya benarkan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Laluan atas laluanlah, nanti minta Yang Berhormat tolong jawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Ustaz Hassan tapi pandangan sayalah Ustaz dan saya ingat ini boleh dibetulkan oleh Dr. Haji Fuad kerana dia pensyarah dalam bidang dan pakar di bidang keluarga ini dan kita tidak pernah tahu bahawa Dr. Fuad.

Saya ingat macam ni Yang Berhormat Ustaz, ayah kita mendidik kita dengan kasih sayang tapi kasih sayang itu tidak pernah dizahirkan secara terbuka, dengan dia mengenakan peraturan dan disiplin tertentu kepada anaknya kerana dia tidak mahu anaknya menjadi insan yang tidak berguna. Tapi kalau Ustaz ada cucu, Ustaz zahir kasih sayang Ustaz terus kepada cucu 100%. Sebab itu cucu yang tinggal bersama dengan datuk dan nenek, kebanyakan rosak akhlaknya. Sebab dia diberi manja yang tidak ada batas dan hadnya. Ini berlaku dalam fenomena masyarakat kita. Kalau kita ada cucu, cucu itu kita bagi kebebasan yang luar biasa tapi dengan anak, kita takut anak kita rosak. Sebab itu kita meletakkan disiplin dan juga peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi kerana kita tidak mahu anak kesayangan kita, dia dibataskan dengan disiplin kerana kita mahu dia menjadi insan yang berguna. Apa pandangan Ustaz berhubung perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang meminta penjelasan tadi?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk perkara-perkara ini kepada Al-Quran, barangkali dulu ayah-ayah kita mendidik, dia perdengarkan di telinga kita ayat-ayat Al-Quran dan maksud-maksud daripada Al-Quran.

Misalnya sayalah, selalu ayah saya sebut [*membaca ayat Al-Quran*], ini bagaimana ayah mengingatkan anak dia kata, "jangan kamu kata kepada kedua ibu bapa kamu 'oh', kalau dalam bahasa Melayu nya mungkin 'Cis'", itu bahasa Melayunya. Iaitu maknanya sampai begitu dia didik supaya anak-anak jangan bersikap kasar dengan ibu bapa. Jadi ini terasa kepada anak-anak dia, saya ingin

mendapat penjelasan apakah pada waktu ini, pendidikan di rumah ini tidak begitu banyak dipusatkan sedikit sebanyak pada pendidikan yang bersifat rohani berlandaskan pada agama. Sama ada agama Islam ke, agama Hindu ke, agama Kristian ke, kalau dilandaskan itu mungkin anak-anak kita tidak seliar seperti yang kita lihat sekarang. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Memang tidak dinafikan suasana itu memainkan peranan yang penting, zaman saya dulu Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam suasana yang simple, masa itu televisyen pun hitam putih saja, tidak terlalu menarik. Dan pada hari ini, televisyen itu dengan ASTRO nya, dengan begitu banyak channel yang dipilih oleh anak-anak dan kebanyakan ibu bapa membiarkan televisyen itu mendidik anak-anak. Sedangkan zaman pendidikan saya dan generasi.....

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sebentar. Generasi yang dahulu, sebentar Datuk, maaf ya. Generasi yang dahulu kita menghabiskan masa kita bermain di kalangan dua tiga orang, di kampung dan juga banyak masa dihabiskan dengan belajar Al-Quran. Sebab itulah sekarang pun mungkin anak-anak banyak menghabiskan masa di luar dengan pergi ke tuisyen nya, dengan kokurikulum nya. Sebab itu saya menyarankan apakah boleh kementerian menimbangkan cadangan supaya dipanjangkan sesi persekolahan supaya selepas jam 4 atau 5, anak-anak pulang ke rumah tanpa *homework*, tanpa kelas tuisyen dan menghabiskan masa bersama dengan keluarga masing-masing. Dan kemudian ibu bapa itulah yang berperanan menjaga anak-anak, menjalinkan hubungan dengan anak-anak dan supaya tidak lagi anak-anak itu dibiarkan berkawan dan sebagainya.

Dan memang saya bersetuju dengan pandangan tadi yang menyatakan bahawa ibu bapa itulah yang memainkan peranan nombor satu dan ibu bapa ini pun adalah hasil daripada sistem pendidikan kita. Jadi di manakah silapnya? Sebab itulah saya menyarankan tadi supaya pihak kerajaan membuat kajian yang bersungguh-sungguh yang melibatkan semua bidang, mengkaji kerana masalah ini terlalu besar untuk diatasi oleh hanya satu agensi. Kalau masalah dadah untuk ditangani oleh agensi dadah saja untuk menangani, kita lihat sampai hari ini pun ia tidak berhasil.

Jadi mungkin salah satu caranya dengan meletakkan anak kita di sekolah dalam jangka masa yang panjang.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sebentar Yang Berhormat, saya nak habiskan. Ia menjimatkan masa anak-anak yang kita dengar semalam dibebani oleh buku-buku teks yang begitu berat dan ibu bapa pula perlu menghabiskan wang menghantar anak-anak ke tuisyen yang akhirnya masalah terus melanda.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, boleh saya, Yang Berhormat?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** *[Bangun]*

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Yang Berhormat, saya minta laluan yang dulu, bagi saya dululah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Syed Ali.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi laluan kepada saya. Saya amat tertarik dengan apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan peranan ibu bapa terhadap anak-anak ada cadangan untuk dipanjangkan masa persekolahan dan sebagainya. Saya nak berkongsilah kalau kita dapat imbas kembali zaman saya masih kanak-kanak lagi yang mana saya datang dari keluarga yang susah juga. Ayah saya terpaksa mengayuh basikal pergi ke Kedah membuat perniagaan dan sebagainya.

Punca hari ini yang saya lihat ibu nak bekerja, bapa nak bekerja. Ketika zaman saya dulu, bapa bekerja pagi petang, siang malam, ibu di rumah mengasuh anak-anak, membimbing anak-anak, maka mereka ni dapat hari ini kita lihat ramai yang telah berjaya pada ketika zaman itu.

Hari ini emak kerja, bapa kerja, yang jaga orang gaji. Jadi dia dapat didikan daripada orang gaji. Habis kita hendak salahkan siapa? Sebab itulah saya katakan kalau kita hendak bandingkan zaman sekarang mencabar, susah hari ini. Zaman dahulu pun begitu juga. Emak duduk di rumah, mengasuh, menjaga dan membimbing akhlak anak-anak itu.

Jadi kalau boleh, bukan kita tidak bagi wanita kerja, kita bagi kerja tetapi kenalah ada masa. Kalau kita hendak memanjangkan masa sekolah oleh kerana ibu bapa kerja, panjangkan masa sekolah, saya rasa perkara ini tidak akan selesai kerana kalau dalam bilik darjah pun kita lihat satu guru jaga 35 orang atau 40 orang murid. Kita di rumah hendak jaga lima orang anak di rumah pun susah, kena pakai orang gaji. Sekarang banyak yang pakai pembantu rumah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarlah Datuk Syed Ali habiskan dahulu. Sila duduk.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Banyak pakai pembantu rumah. Inilah masalah yang kita lihat. Jadi apa masalah yang kita lihat? Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang yang saya katakan tadi kebanyakan ibu bapa menggunakan khidmat pembantu rumah bagi mendidik anak-anak ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Saya ingin membuat sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat harus mengemukakan soalan itu kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah yang sedang berbahas.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya rasa ikut giliran tadilah untuk keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa lama lagi Yang Berhormat perlu masa untuk berbahas?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Ada satu perkara sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa lama agaknya?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mungkin jam 1.00, Insya-Allah, kalau tidak ada banyak gangguan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Gangguan-gangguan yang membina, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh soal perkara atau saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan

penubuhan kementerian ataupun “*Jabatan Lelaki dan Kelelakian*”, saya hendak minta pandangan Yang Berhormatlah. Jadi, Yang Berhormat secara universal dan menyeluruh, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah masalah lelaki dan kelelakian juga menjadi masalah di kalangan laki-laki PAS, yang mana pada pandangan saya selalunya ianya mungkin terdapat di kalangan Ahli Barisan Nasional sahaja. Jadi kerana Yang Berhormat mencadangkan penubuhan kementerian ini kerana pada pandangan Yang Berhormat, masalah ini juga berlaku di kalangan ahli-ahli lelaki PAS. Terima kasih.

**Dato’ Musa bin Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, boleh?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Ya, silakan.

**Dato’ Musa bin Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik juga dengan perbincangan tentang anak-anak ramai ini. Kalau kita lihat ibu bapa kita dahulu, anak begitu ramai sekali. Saya setuju dengan Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Syed Ali iaitu dahulu. – saya bukan kata wanita tidak boleh bekerja, boleh – adakah masalah susu ibu ini menjadi satu masalah kepada anak-anak kita. Dahulu wanita ini ada masa untuk menyusukan anak-anak mereka. Sekarang ini mereka bekerja. Jadi susu tepung menjadi bahan istimewa untuk anak-anak. Apakah ini menjadi fakta-fakta anak kita kenapa dahulu dengan sekarang ini berlainan? Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Saya minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. [*Ketawa*] Saya tidak mahu bahas pasal isu susu lagi. Nanti biarlah Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah akan menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita imbas balik isu yang kita dok berbincang hari ini adalah bersangkutan dengan kasih sayang. Pada diri saya, kasih sayang yang suci di dunia dan di akhirat ialah kasih sayang daripada seorang ibu bapa kepada seorang anak, itu kasih sayang yang suci. Saya amat setuju bahawa dengan Yang Berhormat Ustaz Hassan bahawa ajaran berlandaskan agama itulah sangat penting bagi membina ataupun menjadikan anak-anak kita ini sebagai seorang anak yang soleh dan seorang generasi muda yang berwibawa.

Di sini saya ingin menyentuh tentang perubahan dunia yang ada sekarang. Gejala sosial ini ibarat satu virus sebenarnya dan sekiranya kita boleh didik anak-anak kita sejak daripada kita masih mengandung supaya dia belajar dan dapat ilmu

pengetahuan yang baik untuk dirinya dan juga untuk masyarakat, kenapa kita tidak didik anak-anak kita memberi sepenuh kasih sayang seperti juga semasa anak-anak kita masih di peringkat bayi. Saya rasa perubahan ini bukan sahaja di kalangan remaja tetapi perubahan ini berlaku di kalangan ibu bapa juga. Perubahan, gejala atau virus ini, dia timbul di peringkat ibu bapa juga.

Jadi, saya rasa sekiranya ajaran dalam keluarga sudah sebatu dalam jiwa raganya, saya tidak menyatakan bahawa ajaran keluarga saya ini bagus tetapi semasa saya belajar di Amerika, semasa saya pergi ke sekolah itu, mereka ingat saya ini datang dari sebuah negara yang macam hutan. *"Is your country, Malaysia, just like a jungle?"* I say, *"Why?"* Dia kata, "You tidak tahu hisap rokok, you tidak tahu minum bir". Depa ingat saya ini datang dari negara yang dalam hutan. Jadi, saya kata, "Tidak tahu hisap rokok, tidak tahu minum bir, tidak bermakna kata negara saya dalam hutan."

Jadi, apa yang mengingatkan saya balik ialah ajaran ibu bapa saya dalam keluarga saya, sudah ditanam dengan sebatu di dalam jiwa raga saya bahawa hisap rokok bagi seorang perempuan itu tidak bagus, minum bir itu tidak baik. Padahal persekitaran di Amerika semuanya umur 15 atau 16 tahun sudah hisap rokok. Depa anggap minuman bir itu sebagai minuman air mineral. Jadi, saya rasa ajaran daripada keluarga itu bak kata pepatah Cina. *[Menyebut pepatah Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa itu maksudnya, Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *[Menyebut pepatah Cina]* Saya sebut ini betul, betul tak pihak MCA? Sekiranya kita tanam benih kacang, pokok dia ialah pokok kacang. Kalau kita tanam benih tembikai, ia tidak akan keluar tembikai susu, ia akan keluar tembikai kulit hijau. Itulah maksudnya.

Jadi, dalam hal ini saya rasa jangan kita salahkan sesiapa sahaja sama ada peringkat kerajaan ke ataupun persekitaran ke, itu bukan kesalahan mereka. Salah ialah salah ibu bapa dan juga tanggungjawab ibu bapa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya ingat...

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju agama itu seharusnya menjadi teras, bukan sahaja teras keluarga tetapi juga teras kerajaan. Keluarga mendidik di dalam rumahnya tetapi apabila anak-anak itu keluar, siapa yang menjaga persekitaran itu. Persekitaran itu dijaga oleh kerajaan dan apabila kerajaan itu berteraskan agama, maka seharusnya persekitaran itu tidak

mempunyai unsur-unsur yang menggalakkan kejadian-kejadian yang menjuruskan anak-anak kepada gejala sosial ataupun penagihan dadah sebab kita tahu persekitaran itu juga memainkan peranan yang sangat penting.

Bukan semua ibu bapa mempunyai keupayaan ataupun mempunyai kefahaman. Sebab itulah apabila saya sebut "*Kementerian Lelaki*" itu, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita dengar semalam ada yang menyatakan bahawa apabila diadakan kursus-kursus keluarga dan macam-macam jenis kursuslah kalau kita lihat, kehadiran pihak lelaki itu, pihak bapa itu amat berkurangan, maka segala beban hendak dipikulkan oleh si isteri apabila kaum itu mengambil tanggungjawab sebagai bapa, sebagai lelaki dan sebagai suami, maka Insya-Allah segala masalah dapat dibendung.

Tetapi itulah yang menjadi masalahnya, di manakah silapnya apabila si lelaki itu kadang-kadang ada masalah sendiri, apabila berlaku penceraian contohnya, di manakah si isteri itu hendak mencari nafkah sebab kita tahu masalah dalam negara kita, apabila berlaku penceraian, nafkah yang sepatutnya dibayar oleh pihak lelaki itu tidak dilaksanakan dan penguasaan untuk membayar saraan itu tidak begitu berkesan yang menyebabkan si ibu itu terpaksa keluar bekerja.

Jadi, kalau kita lihat dalam keluarga yang bahagia seperti Yang Berhormat Datuk kita itu [*Merujuk kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali*] yang amat bertanggungjawab, saya lihat cantik keluarganya, satu gambar keluar dalam satu majalah ataupun dalam surat khabar, saya lupa, tetapi saya lihat Datuk dan keluarga nampak begitu bahagia sekali dengan isteri yang cantik bertudung dan dengan anak-anak yang nampak begitu hebatlah. Jadi kalau semuanya begitu, Insya-Allah tetapi masalahnya tidak semuanya begitu apabila berlaku penceraian dan sebagainya, maka kita lihat yang menjadi mangsa itu adalah kaum wanita.

Masalah kita ini memang amat rumit sebab itulah segala permasalahan kita mengenai dengan isu gejala ini perlu ditangani oleh semua peringkat dan kerajaan mesti ada satu kementerian atau satu badan yang mengambil tanggungjawab untuk mengajak semua kementerian ini supaya sama-sama menggembleng tenaga...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** ...saya rasa... Sebentar, Yang Berhormat. Untuk satu jangka masa, mungkin tiga tahun ataupun lima tahun, satu jangka masa yang sederhana ini supaya benar-benar menginsafi gejala yang melanda masyarakat

kita supaya kita dapat memahami di manakah sebenarnya masalahnya yang berakar umbi supaya kita dapat sama-sama mengatasi gejala ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nampaknya banyak lagi perkara yang Yang Berhormat hendak perbahaskan. Oleh kerana masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung pada petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat di tempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menunggu untuk menjawab dan menggulung perbahasan. Saya beri masa 20 minit. Kalau Yang Berhormat hendak bagi peluang kepada orang lain pun boleh juga dalam masa 20 minit. Silakan.

**2.32 ptg.**

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit lagi perbahasan saya dan kepada sahabat-sahabat Senator yang telah memberi pandangan-pandangan tadi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana semua kita bekerjasama dan memberi pandangan untuk membina satu masyarakat yang insya-Allah akan menjauhkan daripada gejala-gejala yang sedang melanda remaja-remaja kita.

Pada pandangan Datuk Syed Ali tadi yang menyatakan bahawa ibu bekerja itu lebih baik, memang betul untuk ibu-ibu yang mempunyai suami yang bertanggungjawab. Tetapi sekiranya tidak ada lagi suami yang membantu, maka terpaksa ibu itu bekerja dan pada pandangan Dato' Musa mengenai dengan susu ibu, itu pun sangat penting terutamanya untuk enam bulan pertama.

Jadi, kena berusaha untuk memberi susu ibu kepada anak-anak sebab kita lihat trend pada sekarang ini, payah agaknya hendak memberi susu awal ibu. Yang mudah susu awal lembu, mungkin. Sebab itu yang diiklankan di dalam televisyen dan daripada.....

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *[Bangun]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan? Saya beri kepada rakan di sana. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Sharifah Azizah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya satu soalan. Adakah Yang Berhormat rasa sebenarnya masalah ini adalah berpunca daripada ibu bekerja yang menyebabkan anak terpaksa dididik oleh pembantu rumah? Bagi mengelakkan anak-anak dididik oleh pembantu rumah, adakah Yang Berhormat bersetuju cara yang terbaik adalah menggalakkan poligami? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri.....

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Syabas kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dapat tolong dalam perkara itu. *[Ketawa]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya memang sokonglah asalkan ianya dilakukan secara adil dan saksama. *[Ketawa]* Janganlah apabila kita tidak mampu, kita masih hendak melakukan poligami, kononnya dengan alasan hendak mengikut sunah Nabi. Itu sahaja yang hendak diikuti tetapi dalam hal lain, tidak dapat diikuti. Saya ingin beralih kepada perkara yang kedua, yang menyentuh mengenai dengan peruntukan keselamatan dalam negeri.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, pohon laluan. Saya ingin menyentuh tentang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum diberi laluan Yang Berhormat. Sekarang sudah diberi laluan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh perkara susu ibu ini. Saya amat tertarik kerana saya pernah membuat sebuah filem yang berkaitan dengan susu ibu pada awal enam bulan ini. Satu penyelidikan telah dibuat di sebuah universiti dan saya telah pergi ke sana melihat dan menyelidik kerana di antara perlakuan anak-anak ini berpunca daripada awal lagi, iaitu apabila seorang anak itu diberikan susu ibu pada peringkat awal lagi, maka dia akan mengikut apa yang diberikan oleh ibunya dan segala ajaran-ajaran ibunya itu akan menjadi ikutan dia.

Lagi seorang yang juga dibuat *research*, apabila dia memakan susu-susu yang berunsurkan haiwan, maka dia selalu mempunyai perangai-perangai yang agak sedikit

kasar begini. Dalam filem itu, saya telah terapkan kira-kira 10 tahun dahulu, sebuah filem *Tiada Esok Bagimu*. Daripada berdasarkan kepada *research*, jadi saya amat bersetuju bahawa anak-anak yang baru lahir mestilah sekurang-kurangnya enam bulan diberikan susu ibu kerana itu pengalaman saya sendiri. Saya tidak pernah melawan ibu saya kerana saya diberi susu ibu.

Susu yang berunsurkan haiwan itu, biasanya kalau dia hendak minta duit dekat emak dia, “emak minta sekupang”, dia kasar sedikit. Tetapi, kalau yang berpunca daripada susu ibu, dia “emak, minta sekupang,” dia lembut.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang saya buat dan saya telah letakkan dalam filem saya, *Tiada Esok Bagimu*. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, minum susu ibu ikut ibu. Minum susu lembu, ikut lembulah? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya amat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Jins sebab ada ungkapan Inggeris pun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you are what you eat, garbage in, garbage out*. Sebab apa yang kita makan dan dalam agama pun, memang menyarankan untuk makan makanan yang baik-baik. Mengenai dengan perkara keselamatan dalam negeri.....

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sila.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat kerana beri laluan kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang Asli pun minum susu tin juga?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Sama-sama minum susu ibu. Tuan Yang di-Pertua, saya teringat semasa saya belajar dahulu di universiti. Pandangan seorang psikologi yang bernama John Look mengatakan bahawa anak yang lahir itu dalam kekosongan dan dibantu pula dengan pandangan ‘Barbarian’ yang mengatakan bahawa anak yang lahir itu, persekitaran adalah membentuk kehidupan anak-anak. Ini juga kita lihat dalam Al-Quran pun kata, anak yang lahir seperti kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya sama ada menjadi Nasrani ataupun Majusi.

Dalam hal ini saya melihat bahawa peranan ibu bapalah atau peranan ibu bapalah yang amat penting dalam membentuk nilai-nilai murni dalam kehidupan anak-anak yang akhirnya membentuk jasmani, emosi, intelek dan juga rohani.

Di sini saya melihat amat penting dalam kita sebagai ibu bapa tidak perlu menyalahkan ibu dan kita kadang-kadang menyalahkan ibu, kadang-kadang menyalahkan bapa sedangkan itulah kerjasama kita untuk melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana anak-anak itu memang dilahirkan dengan atas dasar fitrah. Dasar yang suci, bersih dan akhirnya ibu bapa itulah yang mewarnai dan apabila sudah besar, persekitaran juga turut mewarnai anak-anak itu. Apabila anak itu berada di rumah, memang ibu bapa berkuasa penuh untuk mencorakkan pendidikan anak-anak di dalam rumahnya. Tetapi, apabila anak itu keluar ke dalam suasana persekitaran yang boleh dikawal oleh pihak kerajaan itu sendiri, pula akan turut mewarnai anak-anak itu. Kerajaan sebagai yang memegang kuasa dalam negara, mesti menggunakan kuasa itu untuk membentuk satu suasana supaya ianya mencerminkan juga suasana yang kita mahu di dalam rumah tangga yang diasaskan oleh para ibu bapa.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh perkara-perkara yang menjurus kepada gejala yang tidak baik itu boleh dikawal oleh pihak kerajaan dan kita tidak boleh membiarkan satu suasana yang dalam satu masa mengajar anak-anak untuk melakukan gejala-gejala yang tidak baik dan membiarkan hanya iman mereka semata-mata untuk menentukan apa yang baik apa yang buruk. Sedangkan kekuasaan itu ada pada kerajaan.

Saya ingin menyentuh pula perkara keselamatan dalam negeri yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM3.4 juta. Saya ingin tahu adakah RM3.4 juta ini adalah untuk bayaran pekerja-pekerja dalam keselamatan dalam negeri seperti polis dan sebagainya atau hanya untuk tambahan bonus dan sebagainya. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji seperti pihak-pihak polis dan kastam supaya dapat dihindarkan daripada penyakit rasuah yang begitu berleluasa dalam negara kita.

Apa yang kita dapati hari ini Tuan Yang di-Pertua, pihak polis atau pihak Suruhanjaya Diraja telah pun mengeluarkan satu buku mengenai dengan kajian mengenai dengan penambahbaikan perjalanan dan perkhidmatan polis. Apakah buku itu tidak diedarkan kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia bukan buku Yang Berhormat, ia bukan juga kajian. Ia merupakan laporan Suruhanjaya Diraja.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah laporan itu tidak diedarkan juga kepada ahli-ahli dalam Dewan Negara ini kerana saya merasakan bahawa kita juga turut sama untuk membaik pulihkan perkhidmatan polis, kerana kita tidak mahu nama baik negara turut terjejas sebagaimana kita dapat imbasan daripada laporan tersebut bahawa kes jenayah yang naik dengan begitu mendadak kepada 29% turut menjejaskan nama baik negara dan apa yang membimbangkan ialah mungkin akan memberikan gambaran bahawa negara kita tidak lagi menjadi satu negara yang selamat.

Langkah-langkah cadangan-cadangan yang telah dicadangkan di dalam laporan tersebut, kita amat harapkan agar dapat membendung gejala-gejala yang begitu berleluasa terutamanya rasuah di kalangan polis sehingga ada yang bertanya-tanya siapakah polis misteri yang bernilai RM34 juta itu. Ini mungkin pihak kerajaan ada membuat kajian terhadap orang-orang yang terbabit.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah Tuan Yang di-Pertua, selain daripada polis, apakah tidak mungkin satu kajian yang terperinci juga turut dibuat ke atas pusat-pusat serenti di mana penagih-penagih dadah ini ditempatkan. Kita lihat 28 pusat serenti yang memuatkan lebih kurang 11 ribu penagih yang menelan belanja lebih kurang RM328.5 juta pada tahun 2003, tetapi kadar relax, kadar pengulangan penagihan dadah ini terlalu tinggi sehingga mencapai 70%. Kita bimbang dan kita rasa terkilan kerana ini adalah satu amaun yang amat besar di mana kita seolah-olah mencurahkan air di daun keladi. Tidak ada keberkesanannya. Sedangkan kita dapat laporan bahawa terdapatnya pusat-pusat pemulihan swasta yang lebih kurang kalau dalam web agensi dadah, saya dapati lebih kurang 187 tetapi ada setengah pihak mengatakan tidak sampai 100.

Jadi pusat-pusat swasta ini boleh merawat penagih-penagih yang begitu berkesan sehinggakan boleh dikatakan pengulangan penagihan dadah ini kurang daripada apa yang berlaku di pusat serenti. Ini perlu dikajikan.

Mungkin perlu kepada satu suruhanjaya juga untuk mengkaji keseluruhan perjalanan pusat serenti ataupun dalam permasalahan adalah ini sendiri sehinggakan kita boleh menjumpai perkara-perkara yang membantu kita untuk benar-benar menangani penyakit ini dengan secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai cerita kita dengar dalam pusat serenti. Contohnya pengedaran dadah yang begitu berleluasa bagaimana yang pernah disebutkan oleh ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bagaimana seorang pelatih yang terpaksa dipindahkan ke pusat serenti yang lain tidak mahu pindah ke sesuatu pusat kerana ditakuti kembali menagih dadah sebab dadah begitu mudah diperolehi dalam pusat-pusat tersebut.

Begitu juga keadaannya dalam penjara. Ini kita dengar melalui rungutan orang-orang ramai dan juga daripada setengah-setengah ibu bapa yang mempunyai anak-anak dalam tempat-tempat yang begitu. Adakah satu kajian yang bernama terperinci dibuat untuk mengkaji keberkesanan pusat serenti dan penjara. Sekiranya tidak ada kajian, maknanya kita akan mengulangi satu perkara yang sama dan membuang duit dan akhirnya tidak ada apa-apa kesan. Apa yang kita lihat hanyalah kes penagihan berterusan setiap tahun. Setiap tahun kita mendengar tidak ada, tidak pernah turunnya kes penagihan dadah. Ini adalah satu masalah yang sangat besar yang menunjukkan bahawa memang pusat serenti gagal memulihkan penagih-penagih dalam negara kita. Maka satu kajian terperinci perlu dibuat oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin bertanya mengenai dengan hutang negara. Daripada jumlah bayaran hutang sebanyak RM11.7 bilion, berapa peratuskah yang dibayar untuk pokok dan berapa peratus pula untuk bunganya dan daripada jumlah hutang negara saya ingin tahu berapa peratuskah hutang luar negara dan berapa peratus pula hutang di dalam negara. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tujuh minit lagi. Ada sesiapa hendak ambil peluang. Yang Berhormat, silakan.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Bismillahir Rahmanir Rahim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Halimah.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Saya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan saya sedikit masa dalam membahaskan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tujuh minit itu banyak Yang Berhormat. Akad nikah 30 saat. *[Ketawa]*

**Puan Halimah binti Hamzah:** Saya tahu, tetapi kadang-kadang soalan tambahan itu, soalan yang datang itu menjejaskan pengucapan seseorang. Saya dalam

membahaskan sama-sama peruntukan tambahan ini ialah saya hendak menyentuh dari segi 'Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat'. Tadi kalau kita dengar perbahasan-perbahasan bermacam-macam isu telah dibangkitkan. Tetapi jangan kita lupa keadaan negara kita pada hari ini telah mencapai tahap yang lebih baik, pentadbiran pemerintahannya. Saya nampak kalau dari segi kewangan dia tidak jadi masalah kepada sesuatu pentadbiran kerajaan pada masa ini. Sebab itulah penambahan peruntukan itu diminta diluluskan pada masa Dewan kita bersidang hari ini.

Jadi kalau kita balik semula kepada pentadbiran di peringkat akar umbi, saya suka membawa kepada kebajikan masyarakat di tiap-tiap daerah, terutama sekali saya hendak sentuh berkenaan dengan ibu-ibu tunggal yang telah - cuba kita bayangkan ibu-ibu tunggal itu ada beberapa yang diperlu disentuh mengenai ibu tunggal ini, iaitu ibu tunggal yang telah ditinggalkan suami, diceraikan, ibu tunggal yang kematian suami, ibu tunggal yang terus tidak berkahwin sampai umur seterusnya 'andartu'lah, yang terus tidak kahwin sampai menjangkau warga emas.

Saya hendak menyentuh kembali dalam kebajikan masyarakat. Kesian kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita duduk dalam Dewan ini kita rasa memanglah kita nampak akan kejayaan kerajaan kita hari ini. Tetapi kalau kita turun ke akar umbi, saya selaku sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, ketua wanita misalannya, tidak apalah Alhamdulillah sekarang jadi senator, kalau sedikit banyak mengadu adalah juga peluang. Tetapi ketua-ketua wanita yang duduk di peringkat bawah yang tiada apa-apa tugas yang tidak boleh hendak bantu ibu-ibu tunggal atau ataupun warga emas ini.

Kadang-kadang hendak minta bantuan itu cukup susah Tuan Yang di-Pertua khususnya kepada Kebajikan Masyarakat. Kebajikan Masyarakat ini untuk makluman kementerian, kalau hendak mendapatkan sesuatu sumbangan ataupun peruntukan misalnya hendak mendapatkan bantuan, minta sumbangan daripada Kebajikan Masyarakat peruntukan yang RM70, RM120 dan RM150 kepada ibu-ibu tunggal termasuk juga warga emas yang ada tanggungjawab dan tanggungan.

Saya tidak menyalahkan kepada kerajaan, tetapi yang pergi menyiasat itu. Yang pergi menyiasat kepada yang hendak diberikan kepada peruntukan-peruntukan itu. Penyiasatan itu terlalu halus sehinggakan "macam mana ya makcik keadaan makcik" misalannya. Saya sentuh kepada wanita. "Macam mana makcik, makcik ini ada rumah besar, ada pula nampak peti ais, ada TV, ada macam-macam." Habis itu benda yang

dahulu yang telah ditinggalkan oleh suami yang merupakan pencarian masa dahulu. Tetapi kalau tidak ada rumah macam mana, lagi teruk kerajaan hendak bantu. Ini yang minta ini yang dah ada rumah. Hanya hendak mendapatkan sumbangan daripada kerajaan. Itu adalah dari segi memberi peruntukan itu.

Tetapi kalau diteliti sangat sampai hendak mendapatkan pemberian yang sebanyak seperti yang saya katakan RM70, RM120 dan RM150 itu sampai begitu teliti soalan-soalan yang dikemukakan. Selepas itu dah dapat soalan-soalan begitu menunggu pula hendak mendapatkan pemberian itu. Terseksanya ibu-ibu tunggal dan juga warga emas ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuba Tuan Yang di-Pertua fahamkan kadang-kadang ibu tunggal ini ditinggalkan suami ada anak. Kadang-kadang lima enam orang. Sudahlah ibu tunggal, menjangkau umur 60 tahun dah jadi warga emas, ada pula anak. Kadang-kadang dalam lima enam orang itu yang betul-betul tidak sihat. Kita jangan fikir memandangkan kita boleh bantu dalam RM120 atau RM150 itu besar. Tetapi tanggungan kepada ibu tunggal ini.

Sekarang kita dah ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tolonglah beri perhatian kepada warga tua iaitu ibu tunggal dan warga emas ini. Janganlah kami mengharapkan di peringkat kementerian ataupun.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan. Sekejap sahaja.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Boleh, silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya hendak.....

**Puan Halimah binti Hamzah:** Itulah saya kata tujuh minit Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya setengah minit sahaja.

**Puan Halimah binti Hamzah:** .....dah jadi 30 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, saya beri masa untuk gangguan. Saya ganti.

**Tuan Ismail bin Kasim:** *Injury time*. Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Halimah. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat atas dua perkara. Bermakna dari segi cepatnya proses memberi bantuan ini. Pada saya, saya membahagikan ibu tunggal ini kepada dua, ITT dan ITM iaitu ibu tunggal tua dan ibu tunggal muda.

Pada saya ITM tidak berapa ada masalah sangat sebab dia masih muda. Tapi kalau ITT itu dia masalah sebab pegawai-pegawai ini pun kadang-kadang mereka adalah kriteria-kriteria pemilihan yang kadang-kadang sukar untuk diterjemahkan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini saya faham dia hendak tanya tadi mesti hendak kenakan. Dia hendak tanya yang muda dahulu. *[Ketawa]* Haa. Sebab itu saya sentuhkan ibu tunggal yang muda itu saya kata lepas itu ibu tunggal warga emas. Yang mengharapkan sangat bantuan ini saya kata ialah ibu tunggal yang warga emas ini. Yang warga emas ini kadang-kadang dia ada juga dalam 60 tahun itu dah warga emas Yang Berhormat. Warga emas ini maknanya dia ada upaya hendak bekerja, boleh buat kerja tetapi kalau ada dalam tanggungan dia itu, saya kata saya tidak sempat sentuh tadi, kalau anak yang dia jaga itu ada masalah. Ada penyakit sedikit, macam di tempat saya contohlah saya kata. Seorang ibu tunggal warga emas umur baru 60 tahun kalau dia hendak kahwin boleh lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Siapa hendak?

**Puan Halimah binti Hamzah:** Ada yang hendak. Macam Datuk Haji Karim Ghani memanglah tidak hendak. *[Ketawa]* Tetapi orang kampung dia hendak untuk jadikan teman hidup. Kadang-kadang ibu tunggal warga emas ini perempuan ini dia masih lagi kesetiaan kepada suami. Lain dengan orang lelaki. Tetapi lelaki dalam ini tidaklah. *[Ketawa]* Lelaki yang luar sana. Lelaki dalam ini semua baik-baik. Jadi yang ibu tunggal warga emas yang jaga anak kurang upaya misalannya. Anak kurang upaya yang tidak bangun ini Tuan Yang di-Pertua, saya tengok yang hendak tukar pakai lampin buang ini, yang tidak boleh bangun langsung, yang kena angkat. Kalau warga emas atau ibu tunggal ini dapat cari duit sedikit sebanyak cara lain kadang-kadang, kalau kita dapat bantuan daripada Kebajikan Masyarakat itu bolehlah untuk menampung membelikan apa yang perlu untuk anak-anak di bawah jagaan dia. Itu pun kadang-kadang susah hendak dapat sumbangan ataupun daripada Kebajikan Masyarakat ini.

**Tuan Ismail bin Kasim:** *[Ketawa]*

**Puan Halimah binti Hamzah:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ketawa-ketawa tidak apa, nanti saya sentuh Yang Berhormat nanti. Selepas.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta saya ganggu sebentar.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sedang semak senarai tanggungjawab di antara - sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk sebentar. Saya sedang semak senarai tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri-kerajaan negeri di dalam jadual Perlembagaan negara kita, jadual kesembilan disenaraikan sama ada Kebajikan Masyarakat itu masuk bawah senarai Persekutuan atau senarai negeri ataupun senarai bersama sebagai panduan untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam menjawab dan menggulung kerana beliau sebagai pengurus utama kewangan negara. Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah jelas perkara itu. Yang Berhormat boleh gulung sekarang dan.....

**Puan Halimah binti Hamzah:** Jadi saya hendak sentuh sedikitlah. Maknanya sudahlah hendak dapatkan itu lambat, bayaran kadang-kadang memakan masa sebulan dua bulan baru itu. Jadi cuba.....

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Setahun.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Kadang-kadang kata Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah, seathun tapi saya tahu tempat saya tiga empat bulan. Kadang-kadang yang jauh di pedalaman nanti jabatan datang menghantar pun memakan masa. Cubalah bertindak di atas perbekalan tadi antara kementerian dengan jabatan yang ada di tiap-tiap daerah dalam negeri. Jadi itu satu.

Tadi kata Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim ibu tunggal yang muda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis pukul 3.00 ya.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Insya-Allah, saya cuba. Kalau lima minit tambah tidak apa Tuan Yang di-Pertua ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** 3.03 minitlah.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Okey, 3.03 minit? 3.03 minit, okey, okey. Jadi ibu tunggal yang muda. Saya memang faham ibu tunggal yang muda ini dia ada kerja boleh kerja. Tapi kadang-kadang ibu tunggal yang muda ini pun dia ada anak Yang Berhormat. Ada tinggal anak.

**Datuk Haji Karim Ghani:** *[Menyampuk]*

**Puan Halimah binti Hamzah:** Datuk Haji Karim memanglah. Dia ada anak tetapi kadang-kadang ibu tunggal yang muda ini pun terseksa Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Agama Islam terutama sekali Pejabat Kadi daerah-daerah ini. Dahlah

ditinggalkan suami, gantung kawan itu tidak bertali entah berapa lama. Ada orang yang hendak pun, tapi tidak lepas dah gantung tidak bertali macam mana hendak kahwin dengan orang lain. Masa itu tengah muda. Daripada muda ditinggalkan sampai ke tua sampai orang dah tidak hendak. Jadi ibu tunggal warga emas. *[Ketawa]*

**Puan Halimah binti Hamzah:** Itu pun masalah. Cuba ambil tindakan, Jabatan Agama Islam kepada jabatan kadi daerah-daerah. Tolong jangan lama sangat gantung kawan itu tidak bertali. Daripada tengah manis, cantik cun semua begitu begini dah jadi ibu tunggal warga emas. Dah tidak ada orang hendak lagi. Jadi masalah lagi. Dah tua kawan itu baru hendak lepas tali. Jadi satu lagi masalah. Saya hendak pendek sahajalah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, satu lagi berkenaan dengan ini kalau saya dengar jawapan-jawapan pagi saya pun malas sentuh soalan tambahan itu. Saya ingat saya hendak bercakap. Jadi Kementerian Kesihatan, kalau dengar daripada Kementerian Kesihatan menjawab semalam dia kata pemantauan berkenaan dengan denggi ini tiap-tiap hari ada kata dia. Itu pembohong, saya tidak percaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak kata tiap-tiap hari. Dia kata berterusan.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Tidak! Saya dengar dia kata tiap-tiap hari dan berterusan. Saya dengar. Saya hendak bangun saya malas. Saya kata saya hendak bercakap esok saya kata. *[Ketawa]* Jadi dia kata berterusan. Saya tidak percaya. Saya tahu tempat saya daerah saya denggi itu. Denggi itu apabila dah jadi baru hendak buat! Hendak sembur hendak apa, hendak begitu hendak begini. Betul tidak Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua tolong tengok percaya tidak saya cakap. Kalau dah jadi benda itu, dah ada hendak mati, dah sakit baru hendak sembur. Lepas itu saya pergi tanya apa pasal ini sembur lambat sangat. Tolonglah *check* sedikit kampung tempat saya ini. Tidak cukup pegawai katanya. Saya daerah ini ada dua orang sahaja pegawai. Ha? Saya kata dua orang? Yang itulah hendak *check* premis, yang itulah hendak pergi *check*, hendak pergi sembur.

Sembur pula dua kali, satu petang satu malam untuk *foging* ini. Tidak cukup kakitangan kita orang, dia kata. Hai, begitu punya ramai rakyat kita yang menganggur tidak kerja pilihlah orang, buatlah kerja, tuntutan kepada Jabatan. Kementerian tu menjawab semalam dia kata, "Kita ambil semua Jabatan-jabatan Kesihatan ini bawa ke tempat-tempat mana". Mana ada! Pegawai itu ada dua orang sahaja di setiap daerah.

Saya sudah *check*, saya sudah pergi tengok. Yang itulah yang pergi menyembur yang itu jugalah yang pergi *check* permis. Tolong tambahkan kalau tidak cukup dan adakan pemantauan sentiasa. Jangan ada yang sudah hendak mati sudah teruk sakit baru hendak pergi hantar orang pergi *check*. Jabatan Kesihatan jawab, tengok macam mana.

Lepas itu Jabatan Agama Islam begitu juga. Saya kata, "Mengapa lambat benar bertindak ni? Orang yang halal haram ini sudah panjang benar. Mengapa jadi macam ini?" "Tidak cukup kakitangan", katanya. Yang itulah yang hendak *check* orang berkhawat yang itulah yang hendak pergi *check* memantau makanan, ada dua orang pegawai sahaja katanya. Saya kata, "Begitu punya ramai budak-budak universiti yang keluar dari UIA, carilah. Tambahkan lah petugas supaya dapat kita selaraskan".

Ini orang kampung Tuan Yang di-Pertua, saya ini pemimpin peringkat kampung, peringkat bawah dan satu tahu rungutan orang. Dengan sebab itu kepercayaan mereka terhadap kepimpinan itu hilang apabila kita tidak menjalankan tugas yang baik. Kerajaan tolong bertindak, tolong ambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya biarkan Yang Berhormat panjang-panjang lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain akan menyangka saya di bawah pengaruh dan penguasaan Yang Berhormat, malulah saya. *[Ketawa]*

**Puan Halimah binti Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kadang-kadang saya dengar dia orang bercakap Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya kata Tuan Yang di-Pertua ini macam-macam benda sudah saya buat untuk menarik hati suruh saya bercakap panjang sikit. Saya puji daripada luar sampai ke dalam tak dapat juga kalau macam tu macam tulah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasihlah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Jadi begini Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan....berbalik semula kepada akar umbi maknanya saya ini ke pihak kepimpinan masyarakat bawah yang terus datang ke mari diberi kepercayaan untuk menyampaikan apa juga yang tersirat dan tersurat daripada ahli-ahli kita yang menyokong kerajaan hari ini. Yang telah memberi terutama sekali pada Parlimen saya, 22922 itu kalau boleh saya hendak mempertahankan yang itu supaya 22922 jadi 33933, *insya-Allah* di pilihan raya yang akan datang tetapi kenalah buat yang terbaik dan pemantauan yang baik, apa juga yang mereka hendak saya kena bawa ke mari untuk

sama-sama kita pertimbangkan. Jangan kita salahkan antara kerajaan sahaja kita kena juga perbetulkan pemimpin kita di peringkat masyarakat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Halimah binti Hamzah:** Jadi saya rasa saya sudah terlebih, saya faham. Tuan Yang di-Pertua memang sudah pandang kepada saya supaya berhenti. Jadi saya sama-sama menyokong juga apa juga Perbelanjaan Tambahan ini supaya kita dapat selaraskan antara kerajaan dengan pengundi atau pun pentadbir di peringkat bawahan. Wabillahaufik, assalamualaikum warahmatullahi taala wa barakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada tujuh minit menjadi tujuh belas minit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua selaku pengurus utama kewangan negara untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

**3.03 ptg.**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh. Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu-ibu khususnya ibu-ibu yang berada di Dewan yang mulia ini yang telah begitu banyak berkorban dan berjasa kepada keluarga dan negara.

Saya berpendapat kita harus sentiasa mengingati jasa ibu sepanjang tahun dan sepanjang hayat. Jasa ibu memang tidak terbalas namun dengan berbuat baik kepada mereka sekurang-kurangnya kita dapat menggembirakan hati-hati mereka. Alangkah untungnya bagi mereka yang masih mempunyai ibu yang masih dapat merasakan belaian kasih ibu yang tidak mengenal batasan itu. Kaum wanita terutama ibu sentiasa mempunyai tempat yang istimewa dalam sejarah tamadun manusia malah kedatangan Islam telah membebaskan dan mendaulatkan kedudukan wanita dalam masyarakat Arab ketika itu.

Sejak dari kecil ibulah yang telah mendidik kita akan apakah ertinya kasih sayang, ketenangan, keselamatan dan kegembiraan. Ibu menatang kita ibarat menatang minyak yang penuh. Merekalah kawan, merekalah penasihat dan merekalah guru. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk membaca sebuah sajak oleh Allahyarham Sasterawan Negara Allahyarham Osman Awang yang dikarang pada tahun 1955, lima puluh tahun dahulu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** ....di bawah tajuk:

**“KE MAKAM BONDA”**

*Kami mengunjung pusara bonda  
Sunyi pagi disinari suria  
Wangi berseri puspa kemboja  
Menyambut kami mewakili bonda  
Tegak kami di makam sepi  
Lalang-lalang tinggi berdiri  
Dua nisan terkapar mati  
Hanya papan dimakan bumi  
Dalam kenangan kami melihat  
Mesra kasih bonda menatap  
Sedang lena dalam rahap  
Dua tangan kaku berdakap  
Bibir bonda bersih lesu  
Pernah dahulu mengucup dahiku  
Kini ku rasakan kasihnya lagi  
Meski jauh di batasi bumi  
Nisan batu kami tegakkan  
Tiada lagi lalang memanjang  
Dan doa kami pohonkan  
Air mawar kami siramkan  
Senyum kemboja menghantar kami  
Meninggalkan makam sepi sendiri  
Damailah bonda dalam pengabdian  
Insan kecil menghadap Tuhan  
Begitu bakti kami berikan  
Tiada sama bonda melahirkan  
Kasih bonda tiada sempadan  
Kemuncak murni kemuliaan insan*

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 ini. Banyak perkara telah dibangkitkan sama ada pertanyaan, sasaran, cadangan dan teguran. *Insya Allah*, kerajaan akan memberi perhatian atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan tersebut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah menyarankan supaya kerajaan menguruskan hutang negara secara berhemah. Memang dari sejak dahulu lagi kerajaan telah menguruskan kewangan negara dengan berhemah.

Saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang *supplementary bill* yang dipohon pada hari ini. Dari jumlah RM15 bilion yang dipohon, RM8 bilion adalah untuk dipindahkan dari Kumpulan Wang Pengurusan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, sebab sejak dari merdeka dahulu - sejak tahun 1957 kerajaan tidak pernah meminjam dari dalam negeri atau pun dari luar negeri untuk urusan pengurusan, tidak pernah. Hasil yang dikutip oleh kerajaan oleh negara sentiasa melebihi semua perbelanjaan pengurusan dan lebih inilah dipindahkan ke dalam Tabung Pembangunan untuk menjalankan urusan-urusan pembangunan.

Pada hari ini kita minta kelulusan dari Dewan yang mulia ini untuk memindahkan RM8 bilion yang telah di jimat oleh kerajaan dari hasil untuk dipindahkan ke dalam tabung dan tabung inilah digunakan oleh kerajaan untuk kegiatan pembangunan negara. Kerajaan memang meminjam tetapi kerajaan meminjam untuk aktiviti-aktiviti pembangunan sahaja dan itu pun kerajaan meminjam hanya dari dalam negara dan yang dipinjam dari luar negara hanya merupakan satu *residual* yang begitu kecil sebagai butiran, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 2004, jumlah pembayaran balik hutang ialah RM32.1 bilion ringgit dan dari RM32.1 bilion ringgit hanya RM2.8 bilion ringgit merupakan pembayaran balik luar negara yang baki RM29.3 bilion ringgit merupakan pembayaran balik dalam negara.

Kerajaan juga bukan sekali tetapi banyak kali telah membayar balik pinjaman luar negara sebelum tamat tempoh yang disebut sebagai *pre-payment*. Kerajaan telah membuat *pre-payment* dalam tahun 80an lagi sehingga sekarang. Saya telah memberi

sedikit butiran tentang perkara ini dalam Dewan Rakyat bulan lalu dan saya ingin mengulangi cerita ini di sini, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 80an bila *reserve* Bank Negara Malaysia meningkat ke RM10 bilion dan RM10 bilion pada waktu itu dianggap sebagai satu jumlah yang besar, kerajaan telah membuat keputusan untuk membayar balik lebih awal pinjaman-pinjaman luar negara.

Saya pada waktu itu bertugas di Bank Negara dan diberi tanggungjawab untuk membuat urusan membayar balik dan saya telah pergi ke merata tempat, ke UK, ke Amerika, ke Jepun untuk membayar balik, membayar balik pada waktu yang lebih awal dan banyak juga yang terima pembayaran balik. Tetapi di Jepun ada sebuah bank yang tidak bersetuju kita membayar balik dan kita pun hairan juga sebab selalu ada negara yang tidak bayar balik langsung, ada negara yang minta hutang dihapuskan, ada negara yang minta hutang dijadualkan semula. Tetapi kita ini hendak bayar balik hutang sebelum tempoh tetapi ditolak oleh bank Jepun.

Bila kita tanya sebab apa dia tolak, dia kata, dia begitu gembira, dia begitu bangga sebab nama Malaysia ada dalam dia punya senarai, dia punya buku, jadi dia tidak terima kita punya pembayaran balik awal. Saya pun balik dan menceritakan perkara ini kepada bos saya, pada waktu itu Allahyarham Jaafar Hussein, Gabenor Bank Negara dan Tan Sri Jaafar perasaannya begitu gembira sebab Malaysia dianggap, Malaysia diberi, diiktiraf sebagai sebuah negara yang begitu boleh dipercayai sehingga air mata mengalir dan dia begitu gembira. Jadi, dalam dunia Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang boleh dipercayai, yang boleh mendapat pinjaman sebanyak yang kita perlu dan banyak bank-bank datang minta supaya kita membuat pinjaman tetapi kita memang tidak berhemat dan kita memang kalau boleh gunakan hasil yang ada dan kalau terpaksa meminjam setakat boleh saya ingin meminjam dari dalam negara dan bukan dari luar negara.

Dari RM15 bilion, Tuan Yang di-Pertua, RM8 bilion ialah untuk memindahkan dari akaun pengurusan kepada akaun pembangunan, RM3 bilion ialah untuk membayar balik cukai yang telah terbayar oleh pembayar cukai. Di banyak negara, susah untuk mendapat balik cukai yang dibayar, seperti kata Dato' Dr. Chin Fook Weng semalam bila hasil Jabatan Hasil Dalam Negeri minta kita bayar iaitu keras tetapi bila kita minta balik duit susah hendak dapat, tetapi ini amalan biasa dalam mana-mana negara tetapi di Malaysia lain sedikit sebab kita buat satu tabung RM3 bilion hanya untuk membayar

balik pembayaran yang telah terbayar oleh pembayar cukai dan kita akan sentiasa mengawasi kegiatan ini supaya kita dapat membayar balik secepat mungkin.

Sejumlah lagi, RM1.7 bilion, Tuan Yang di-Pertua ialah untuk membayar balik pinjaman dan RM1.3 bilion lebih pula untuk membayar bonus kepada kakitangan kerajaan dan kita memastikan bahawa kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah mendapat bonus yang lebih tinggi, itu adalah aspek dari keprihatinan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang akan terus mengambil langkah-langkah penambahan secara berterusan terhadap sistem pengurusan kewangan yang sedia ada. Antara langkah tersebut adalah:

- (i) meningkatkan lagi keberkesanan proses pemantauan dan penyeliaan oleh ketua jabatan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan kewangan;
- (ii) mengkaji cara-cara penggunaan sumber-sumber kewangan secara optimum supaya dapat mengurangkan kos operasi dan memperkukuhkan peranan dan fungsi unit audit dalam di agensi-agensi kerajaan dan membantu pegawai-pegawai untuk memastikan sistem kewangan yang mantap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk memastikan mengurangkan defisit secara beransur-ansur yang akan memastikan ia akan berada pada paras boleh diurus. Bagi mencapai matlamat tersebut kerajaan telah membuktikan bahawa defisit boleh dikurangkan. Pada tahun 2002, defisit merupakan 5.6 peratus, pada tahun 2003, defisit telah menurun kepada 5.3 peratus. Pada tahun 2004 sasaran kita ialah 4.5 peratus kurang dari 5.3 peratus, tetapi kita telah mencapai satu angka yang lebih baik iaitu 4.3 peratus. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga telah mencadangkan supaya jumlah cukai yang terlebih bayar akan dibayar terus oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tanpa perlu dipohon terlebih dahulu oleh pembayar cukai. Kita akan melaksanakan cadangan ini.

Tentang projek penyusunan semula Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang (INSPAK). Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga ada menyentuh mengenai program penyusunan semula Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang (INSPAK), sama ada ianya telah berjaya menyusun semula sistem pengangkutan di Lembah Klang. Untuk makluman Yang Berhormat, projek penyusunan semula Sistem Pengangkutan

Awam Lembah Klang yang merupakan projek perintis akan dikembangkan ke seluruh negara. Masalah pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas adalah paling ketara di kawasan Lembah Klang dan segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini akan dicontohi di bandar-bandar utama yang lain seperti di Johor Bahru dan di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Puan Safinah Jusoh membangkitkan mengenai isu ibu menyusu anak mereka yang baru berkahwin telah terpaksa menjalani Program Latihan Khidmat Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sangat prihatin terhadap kes-kes seperti ibu mengandung atau yang menyusu anak menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Ikut akta pelatih yang menanggung kesusahan yang luar biasa boleh memohon penangguhan daripada menjalani Program Latihan Khidmat Negara. Mengandung dan menyusu anak termasuk di dalam kategori menimbulkan kesusahan luar biasa.

Mungkin juga saya hendak sebut bahawa pelatih yang baru berkahwin dalam tempoh *honeymoon* terpaksa juga perlu mengikuti Program Latihan Khidmat Negara dan tidak diberi pengecualian. Pasangan masing-masing, kenalah bersabar beberapa bulan. Tempoh ini mungkin boleh dianggap sebagai tempoh bertenang. *Blink of period* dan bila mereka balik nanti dari Program Latihan Khidmat Negara boleh sambungkan *honeymoon* dengan lebih cergas lagi. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga telah membangkitkan kos yang tinggi serta isu kos tinggi untuk membuka kedutaan baru dan beliau juga telah mencadangkan supaya seorang duta dapat menyelia beberapa buah negara dengan dibantu oleh seorang pegawai yang dilantik untuk mewakili beliau di negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan perwakilan Malaysia di luar negara adalah berdasarkan kepada beberapa pertimbangan termasuklah kepentingan hubungan politik dua hala, potensi perdagangan dan memberi bantuan dan perlindungan kepada rakyat Malaysia di luar negara. Penubuhan perwakilan dibuat setelah kajian terperinci dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri dan setelah mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri, Kementerian Luar Negeri juga menggunakan amalan tauliahkan serentak. Di mana seorang duta ada juga bertanggungjawab kepada beberapa negara lain selain dari negara tauliahkan utamanya. Di samping itu kerajaan juga ada melantik Kaunsil Kehormat, Honorary Council dengan izin untuk menjaga kepentingan negara

dan rakyat Malaysia di beberapa negara atau bandar tertentu tanpa melibatkan implikasi kewangan kepada negara.

Untuk penubuhan sesebuah perwakilan sebarang implikasi kewangan akan dibincangkan terlebih dahulu dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan kos yang terlibat tidak membebankan negara dan setimpal dengan faedah yang akan diterima. Tentang isu garis panduan yang jelas untuk memberi sumbangan kepada negara-negara yang ditimpa bencana dan sebagai contoh mengapa kemalangan kereta api di Jepun tidak diberi. Soalan ini telah disebut dan ditanya mengapa kemalangan kereta api di Jepun tidak diberi bantuan tetapi kemalangan di Korea Utara diberi bantuan?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak mempunyai garis panduan yang khusus untuk menetapkan sebarang bantuan kepada negara-negara yang ditimpa bencana ataupun kemalangan. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah berdasarkan kepada prinsip peri kemanusiaan dan kemampuan negara-negara yang terbabit. Bantuan juga diberikan jika terdapat permintaan daripada negara-negara yang terlibat.

Contohnya Malaysia telah memberi bantuan kepada Korea Utara semasa kemalangan kereta api yang berlaku di negara tersebut kerana Korea Utara adalah di antara negara termiskin di dunia pada masa ini dan tambahan pula Korea Utara telah memohon bantuan daripada kita. Dalam kes kemalangan kereta api di Jepun kita tidak memberi bantuan kerana Jepun merupakan antara negara yang terkaya di dunia dan mereka mampu menangani tragedi ini sendiri tanpa bantuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah Mohd Yusoff telah membangkitkan perkara komponen, kerohanian Program Latihan Khidmat Negara. Mulai Kumpulan Siri 2, 2005 sudah ada komponen kerohanian secara berstruktur iaitu untuk melatih;

- (1) Kuliah subuh.
- (2) Aktiviti kerohanian iaitu membantu dari segi amalan.
- (3) Bacaan Yasin dan Tahlil.
- (4) Kelas Nilai Sejagat untuk semua pelatih Muslim dan bukan Muslim.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga telah menyebut tentang pelatih yang berada di padang dan tidak sempat menunaikan Solat Subuh mengikut keterangan yang

diberikan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara, para pelatih memang sentiasa diberi masa untuk Solat Subuh sebelum menjalankan aktiviti pagi.

Soalan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah ingin yang tahu mengenai peruntukan kepada Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM3.4 juta. Peruntukan sebanyak RM3.4 juta tersebut adalah untuk aktiviti dakwah iaitu untuk memberi penerangan tentang Islam.

Satu lagi isu yang telah ditimbulkan ialah tentang pelatih lelaki tidak dibawa untuk Sembahyang Jumaat. Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak kem yang telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk mendirikan solat Jumaat. Bagi kem-kem yang tidak mendapat kelulusan pelatih di bawa dengan bas ke masjid-masjid berhampiran. Adalah tidak benar pelatih tidak diberi kemudahan untuk menunaikan kewajipan Solat Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan negara dari segi makro ekonomi. Alhamdulillah, berkat daya usaha perpaduan dan kerjasama seluruh rakyat di negara tercinta, Malaysia sebenarnya telah mencapai satu tahap pembangunan ekonomi yang begitu membanggakan. 25 tahun dahulu pada tahun 1980, pendapatan per kapita kita Malaysia hanya berjumlah RM3,730. Kini 25 tahun kemudian per kapita kita telah bertambah 445 kali ganda kepada RM16,538. Keluaran dalam negara kita bertambah sebanyak 887 kali dalam tempoh 25 tahun. Daripada RM51.3 bilion dalam tahun 1980, kepada RM447.5 bilion pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, dari banyak segi, kerajaan negara kita telah mencapai kemajuan. Saya ingin menyebut satu, dua angka.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma teringat akan satu laporan dalam *website* Aliran yang menyatakan bahawa negara kita Malaysia mempunyai satu jurang pendapatan di antara miskin dan kaya yang terbesar di kalangan negara-negara ASEAN. Saya terlupa indeksinya, jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, semasa Malaysia negara kita merdeka pada tahun 1957, lebih dari 50% penduduk Malaysia tergolong dalam kumpulan orang miskin. Dalam tahun 1980 angka ini telah turun ke 37.43% *poverty rate* iaitu dari setiap 100 orang, 37 bilangan rakyat adalah merupakan kaum miskin. Tetapi dalam tempoh 25 tahun sejak tahun 1980, angka ini telah turun dan kini

hanya lebih kurang 5% sahaja penduduk Malaysia yang merupakan penduduk yang boleh dianggap sebagai penduduk miskin.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin bukan satu kenyataan yang keterlaluan sekiranya kita menyatakan bahawa dalam dunia, Malaysia mungkin boleh dianggap sebagai negara nombor satu dari segi *upward mobility*. Tidak banyak negara dapat mencapai kejayaan di mana begitu banyak penduduk Malaysia, penduduk negara tercinta kita ini boleh diangkat dari satu tahap yang dianggap tahap miskin kepada satu tahap yang dianggap sebagai *middle class* dan juga ada dalam sesetengah generasi anak-anak petani, anak-anak nelayan kita telah menjadi *upper middle class* dengan izin ataupun *millionaire*. Dan begitu banyak kumpulan profesional telah diwujudkan dalam negara kita dalam jangka masa yang begitu singkat.

Satu dari faktor Tuan Yang di-Pertua, satu dari faktor yang menyebabkan kita dapat mencapai kejayaan yang memang cemerlang ialah pendidikan. Di banyak negara yang membangun, rakyat sungguhpun rakyat miskin terpaksa membayar untuk pelajaran. Di negara-negara jiran kita hari ini pun rakyat-rakyat miskin terpaksa membayar tapi sejak dulu lagi kita telah beri pendidikan dengan percuma. Bukan sahaja telah memberikan pendidikan dengan percuma, kita telah mengambil ikhtiar untuk menghantar anak-anak kita pada luar negeri di universiti-universiti yang terkemuka, United States, United Kingdom, Australia dan merata tempat untuk mendapat pendidikan yang begitu baik.

Dan mereka sekarang telah pun balik dan mereka inilah yang mengetuai Khazanah, GLC, menjadi pemimpin-pemimpin di tempat-tempat lain di *private* sektor dan juga bertugas di kerajaan. Saya berpendapat tidak ada negara lain yang boleh, yang dapat mencapai tahap yang negara kita telah mencapai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di sini saya ada minat sedikit. Sudah tentu cabaran utama di depan kerajaan sama seperti mana-mana pemerintah. *The central* dengan izin *growth vs. distribution*, pilihan-pilihan di antara pertumbuhan ekonomi dan pengagihan atau taburan. Di mana letaknya pegangan atau pendirian Kerajaan Malaysia selaku pengurus ekonomi negara.

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu satu isu yang begitu penting dan saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sebut tentang perkara ini. Dari tahun 1957 ke tahun 1970, tempoh 13

tahun Kerajaan Malaysia banyak memberi tumpuan dan keutamaan kepada pertumbuhan. Tetapi mulai tahun 1970, kerajaan telah mengambil satu pendirian, pada masa ini pendirian itu masih relevan iaitu pertumbuhan ekonomi ialah satu perkara yang baik, satu isu yang baik, satu objektif yang baik tetapi ia tidak mencukupi. Selain dari pertumbuhan kita mesti mempunyai satu visi, satu objektif untuk mencapai dengan izin *distribute justice*. Kita bukan sahaja harus mesti mendapat, perolehi pertumbuhan ekonomi, menjana ekonomi tetapi juga memastikan juga bahawa kekayaan negara diagihkan dengan adil dan saksama. Itu dari tahun 1970.

Memang perkara ini adalah satu perkara yang baik sebab isu yang timbul bukan isu sama ada kita harus memberi keutamaan bukan hanya ekuiti dan hanya pertumbuhan atau pertumbuhan dengan *distribute justice*. Sebab di negara seperti Malaysia, kalau kita tidak mencapai *socio economic, socio political stability*, kalau kita tidak mempunyai satu keadaan yang stabil, kita tidak dapat, kita tidak boleh mencapai pertumbuhan, jadi soalnya bukanlah soal kita hendak atau tidak *distribute justice*. Untuk memastikan pertumbuhan, kita mesti beri penekanan kepada pengagihan ekonomi yang adil dan saksama. Dan kerajaan telah mengambil begitu banyak langkah untuk memastikan pengagihan ini adil. Dan oleh sebab kita telah mengambil langkah ini, oleh sebab misi kita termasuk *Vision 2020*, mempunyai *distribute justice*, mempunyai objektif yang unik ini. Persoalan ataupun isu tentang jarak antara kaya dan miskin tidak timbul sebab yang miskin dulu telah menjadi *middle class* dan juga seperti yang saya katakan tadi anak-anak petani telah menjadi profesional, telah menjadi *millionaire* dan ini satu perkara yang baik sebab untuk menjana ekonomi pada masa hadapan, satu faktor yang penting ialah kita mesti mempunyai *middle class* dengan izin yang kuat dengan bilangan yang banyak.

Perkara ini sedang berlaku dalam negara China dan negara India sebab kita nampak negara-negara ini makin lama makin maju dan satu faktor yang penting dalam kemajuan negara-negara ini ialah *middle class* di dalam negara-negara ini makin lama makin bertambah. Tapi di Malaysia kebanyakan kita merupakan di dalam *middle class*, yang dalam golongan miskin seperti saya sebut tadi hanya 5%. Yang kaya itu ada tapi kekayaan itu telah diagihkan oleh kerajaan setakat boleh dengan begitu saksama dan begitu adil.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang telah dicapai yang telah menjadi objektif kerajaan ialah membangunkan Sistem Kewangan Islam, dan Sistem Kewangan Islam telah diberi penekanan dan dalam masa akan datang akan juga diberi penekanan oleh kerajaan. Malaysia merupakan negara yang pertama mengambil langkah untuk melaksanakan Sistem Perbankan Islam dalam tahun 1980. Mungkin kita tidak sedar bahawa satu keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri kita pada masa itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad bila menjadi Perdana Menteri, satu keputusan awal ialah untuk mewujudkan Sistem Perbankan Islam.

Pada masa itu iaitu awal tahun 80-an, kerajaan-kerajaan di negara-negara lain tidak berani langsung untuk melaksanakan sistem perbankan. Ini termasuk negara-negara Arab sendiri tidak berani untuk melaksanakan Sistem Perbankan Islam oleh kerana mereka khuatir sistem baru ini yang dianggap, dengan izin, sebagai *exotic*, akan *upset* sistem konvensional yang terdapat. Tetapi Tun Dr. Mahathir Mohamad memang berani dan telah mengambil langkah untuk mewujudkan Sistem Perbankan Islam dan kita telah mula dengan hanya sebuah bank dalam tahun 1983, Islamic Bank, Bank Islam Malaysia dan kini kita mempunyai satu rangkaian yang begitu sofistikated, satu rangkaian yang begitu lengkap di Malaysia untuk memajukan Sistem Perbankan Islam.

Saya juga ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Sistem Perbankan Islam dalam Malaysia ini unik sebab kalau kita tengok, kalau kita mengambil 57 negara-negara OIC dan 57 negara ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Satu yang tidak ada perbankan Islam langsung, satu lagi yang ada perbankan Islam tetapi hanya di pinggir sistem kewangan dan di dalam sistem kewangan dan ada satu, dua negara yang hanya mempunyai Sistem Perbankan Islam, tidak mempunyai sistem konvensional tetapi sistem yang ada tidak begitu canggih dan hanya negara Malaysia yang mempunyai dua sistem - Sistem Perbankan Islam dan Sistem Perbankan Konvensional yang selari, yang kedua-dua ini sofistikated, yang kedua-dua sistem begitu lengkap, mempunyai rangkaian yang begitu.

Saya sebut tentang perbankan Islam sebab oleh kerana harga minyak sudah naik, negara-negara Teluk dan negara-negara Arab telah menjadi begitu kaya dan mempunyai begitu banyak hasil daripada minyak dan mereka sedang fikir dan bertimbang untuk melaburkan harta dan aset yang telah diperolehi dalam tempoh waktu yang singkat ini. Dan oleh kerana masalah telah timbul akibat daripada 11 September,

banyak negara Teluk dan negara Arab kini menimbangkan untuk melaburkan dana dan aset ini di negara-negara lain dan alhamdulillah, Malaysia merupakan sebuah negara yang dapat memberi kemudahan kepada jutawan Arab ini untuk memberi kemudahan, untuk mendapat dan menarik pelaburan dari negara-negara ini untuk dilaburkan di Malaysia. Jadi, kita mempunyai satu kelebihan yang tidak terdapat pada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penggulungan saya dan saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini...

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berhubung dengan soalan saya semalam yang saya minta penerangan yang mana pihak kastam mentaksirkan sesuatu barang setelah dipersetujui, kena bayar maka kita bayar. Selepas itu datang pula minta suruh bayar cukai lagi. Ini menunjukkan seolah-olah kalau ada dalam undang-undang, undang-undang kita tidak begitu telus. Oleh itu, saya mintalah penerangan dan juga kalau sekiranya kesilapan berlaku, tidak sepatutnya kena kepada pembayar cukai itu, tetapi terkena kepada pegawai yang mentaksirkan dengan tidak betul itu dengan apa yang telah berlaku.

Ini juga menggalakkan rasuah berlaku kerana kemungkinan ada sesuatu rasuah yang menggalakkan ada ruang untuk menerima dan memberi. Dan setelah pihak yang berkenaan tidak dapat membayar sebab tidak ada wang ke ataupun dia merasai dia tidak bersalah, selepas itu pihak kastam hantar pula surat bantahan dagang, tidak boleh niaga, tidak boleh masuk barang dan tidak boleh bayar cukai. Ini bererti merugikan kerajaan juga.

Apa salahnya kalau dia bersalah, ambil tindakan undang-undang terhadap tahan dagang itu tidak payah ditahan supaya dapat pendapatan negara bertambah dari masa ke semasa dan tindakan undang-undang perlu diambil kepada pembayar cukai kalau mereka bersalah. Dan kalau mereka tidak bersalah, kita ambil tindakan kepada yang menerima dan yang mentafsir cukai dengan tidak betul. Sepatutnya pihak kastam meletakkan orang yang mentaksir itu betul-betul orang yang mahir dari segi pentaksiran. Terima kasih dan saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari segi prosedurnya, perkara ini telah dikemukakan masa pertanyaan ya. Adakah benar ingatan saya bahawa perkara yang sama telah dikeluarkan dalam masa pertanyaan atau dalam masa ucapan?

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Dalam masa ucapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam masa ucapan ya, maka...

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Tetapi saya ucap pendek supaya hendak suruh jawab yang satu ini sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali gus, ya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin penjelasan tentang pendapatan hasil negara. Saya dimaklumkan bagaimana Kementerian Kewangan telah meluluskan 1,833 buah lesen judi di seluruh negara. Jadi saya hendak tahu apakah dari segi jangka panjang kerajaan bercadang untuk mengurangkan lesen-lesen judi ini dan banyak manakah pendapatan negara daripada hasil ini dan apakah dasar kerajaan sebenarnya, manfaat daripada pengeluaran lesen-lesen judi ini. Bukankah itu bercanggah dengan dasar kerajaan Islam itu sendiri? Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi?

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Boleh saya tanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini tentang enam kedutaan baru yang dicadangkan. Bolehkah saya tanya di negara-negara manakah cadangan penubuhan enam kedutaan baru tersebut? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat, sekali harung.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kastam, saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang taksiran yang dibuat. Taksiran memang dibuat oleh Jabatan Kastam berasaskan kepada invois yang diterima untuk sesuatu barang termasuk kereta dan barang-barang yang lain. Tetapi kadang-kadang kita lihat, kadang-kadang kita ternampak satu keadaan yang aneh. Katakan barang yang diimport dari sebuah negara di dalam invois dapat jumlah RM20. Tetapi kita tahu di negara yang

diimport itu harganya RM30. Di negara jiran, Singapore katakan, harganya RM45. Jadi ada sesuatu yang tidak kena dengan harga RM20.

Jadi dalam keadaan seperti ini, kaedah yang digunakan yang disebut dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *uplift*. Jadi ini bermakna pegawai kastam diberi kuasa untuk *uplift*, untuk naikkan taksiran.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara ini harus dibuat dengan cekap oleh pegawai-pegawai yang mahir, yang tahu tentang industri yang terlibat, tahu tentang harga-harga yang terlibat dan harus dilaksanakan sedemikian rupa untuk tidak mengakibatkan banyak masalah kepada industri dan taksiran ini tidak boleh dibuat dua, tiga kali dalam satu tempoh yang singkat. Saya bersetuju dan saya akan berbincang dengan Ketua Pengarah Kastam tentang perkara ini dan kita akan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara hasil judi, memang terdapat kedai-kedai judi, TOTO, Magnum dan lain-lain yang telah diberi lesen dan masih menjalankan pengurusan. Tetapi, kita tidak lagi memberi lesen judi, tidak lagi. Tidak timbul isu kerajaan akan memberi lesen perjudian yang baru, tidak timbul dan tidak akan memberi lesen baru. Lesen yang ada akan terus menjalankan urusan tetapi kita tidak akan memberi lesen baru.

Tuan Yang di-Pertua, tentang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa kedutaan, nama-nama kedutaan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya tidak ada maklumat. Saya akan memberi jawapan secara bertulis.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Ya, sikit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau saya benar.....

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Tentang hal dagang tadi, kalau boleh saya hendak tahulah bolehkah dagang dan sebagainya? Kalau sekiranya pihak yang dikenakan tidak membayar, maka dia tahan perniagaan daripada kastam, tidak boleh keluar barang dan sebagainya dan *hard list* tadi memang sudah *hard list* dah, tiada nilai. Selepas kita bayar nilai, bayar macam itu.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi, kita harus melaksanakan peraturan ini dengan sedemikian supaya tidak menjadi

masalah kepada industri. Saya akan berbincang dengan Ketua Pengarah Kastam supaya pengurusan tidak dihentikan. Pengurusan dan perniagaan harus diteruskan semasa kita memastikan pihak-pihak yang terlibat membayar cukai yang lebih, tetapi pada masa yang sama, kita harus memastikan bahawa perniagaan diteruskan.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Ada sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah tamat laluan. Biarlah satu lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua. Dalam tajuk *growth distribution justice* tadi, saya tertarik semasa kita di Malaysia. Adakah Yang Berhormat fikir *growth* itu terlampau cepat berbanding dengan pembangunan manusia? Itu satu. Itulah sebabnya kita nampak jurusan di antara *high income* dengan *low income* dengan izin. Bila *income* itu *small percentage* dan mengatasi yang saya sebut tadi, saya rasa kita di atas landasan yang betul Yang Berhormat. Pada pemikiran saya, elok kita mencari jalan bagaimana kita dapat buat kajian untuk meneliti sebab mengapa yang *middle income* tidak dapat dinaikkan taraf daripada *low income* dan *middle income*. Adakah disebabkan pendidikan? Adakah disebabkan *growth* itu terlampau cepat berbanding dengan pembangunan manusia? Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir pertumbuhan atau *growth* dengan izin terlalu cepat ataupun angka terlalu besar. Sebab, semasa kita mewujudkan polisi ekonomi baru dalam tahun 1970, kita telah membuat satu prinsip dengan begitu jelas. Prinsip ini ialah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we will not take from Peter to give to Paul* iaitu bermaksud kita tidak akan mengambil harta atau aset dari si A untuk diberikan kepada si B. Apa yang akan kita lakukan dalam tahun-tahun hadapan ialah untuk memastikan pertumbuhan ataupun ada pertumbuhan adalah dalam kadar yang begitu munasabah supaya pertumbuhan ataupun lebih diagihkan dengan sedemikian rupa yang miskin atau golongan yang perlu mendapat lebih dari golongan yang lain.

Jadi, untuk mengagihkan kekayaan, kita harus mewujudkan kekayaan, oleh kerana kalau kita tidak mewujudkan kekayaan, kita hendak agih apa kalau kita tidak ada kekayaan untuk diagihkan? Jadi, berasaskan kepada prinsip kita bahawa kita tidak akan ambil dari A untuk memberi kepada B dan kita hanya akan mengagihkan kekayaan yang kita wujudkan akibat dari pertumbuhan. Jadi, lebih tinggi kadar pertumbuhan, lebih baik untuk negara kita. Dari segi visi 2020, untuk mencapai visi 2020 untuk menjadi sebuah negara membangun, untuk menjadi sebuah negara yang boleh dianggap sebagai dengan izin *develop nation*, kita sudah menghitung, kita sudah mengira mesti mencapai kadar pertumbuhan tahunan sedemikian, ada dia punya kadar dan oleh yang demikian, adalah terlalu penting bagi kita memastikan bahawa tiap-tiap tahun kita mencapai tahap pertumbuhan yang munasabah.

Sebab itu, pada suatu masa dahulu, ada pihak yang membuat syor bahawa kita harus menghapuskan defisit bajet, hapuskan dan tidak digalakkan untuk mengadakan sebarang defisit. Tetapi, kita telah mengambil pendirian bahawa ini adalah satu cadangan yang tidak sebegitu baik sebab yang penting sekali ialah pertumbuhan ekonomi. Kita harus mencapai pertumbuhan ekonomi. Kalau dalam objektif mencapai pertumbuhan ekonomi, kita terpaksa mengalami sedikit defisit, itu tidak menjadi satu masalah yang rumit, sebab bajet defisit kalau dikawal dengan baik, boleh dianggap sebagai *sustainable deficit*. Tetapi walau bagaimanapun, kita telah memberi satu komitmen bahawa kita akan mengurangkan defisit dan kita telah pun lakukan. Dari 5.6 jadi 5.3, selepas itu jadi 4.3 dan tahun ini insya-Allah, kita yakin akan dapat mengurangkan defisit ke tahap yang lebih rendah iaitu 3.8.

Seperti Yang Berhormat sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bahawa semasa dan selari dengan pertumbuhan ekonomi, kita dapat menjana *human capital* dengan izin. Kita dapat mewujudkan golongan profesional di dalam semua bidang dan golongan profesional ini juga harus terdiri dari semua kaum, khasnya kaum bumiputera. Tetapi, ini kita telah capai Tuan Yang di-Pertua dan dalam tahun-tahun yang akan datang, kerajaan akan memberi keutamaan kepada bidang *human capital* dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyebut beberapa kali tentang *human capital*. Tetapi, saya ingin memberi sedikit penerangan tentang kadar ataupun pencapaian kita sejak tahun 80.

Dalam tahun 80-an, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tidak percaya arkitek bumiputera dalam tahun 80-an hanya 57 orang, sekarang lebih dari 1000. Akauntan bumiputera 120, sekarang melebihi 3000. Doktor bumiputera tahun 80an, 341. Doktor bumiputera dalam tahun 80an ini termasuk Tun Dr. Mahathir dan isterinya. Kalau tolak, kurang dari 340 tetapi sekarang lebih dari 5000. Begitu juga dengan arkitek Cina, arkitek India, pada suatu masa dahulu arkitek India tujuh orang sahaja pada tahun 80an, sekarang hampir 50. Melalui sistem pendidikan kita, kita telah dapat mewujudkan satu golongan profesional yang begitu kuat dan penting. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita harus memastikan bahawa kita tidak, dengan izin, *complacent*, kita harus terus mengambil tindakan untuk memastikan bahawa pewujudan golongan profesional selari dengan kadar pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat jawapan untuk soalan yang ditujukan tadi tentang kedutaan baru. Kedutaan baru, enam kedutaan baru ialah, Tuan Yang di-Pertua, di Korea Utara, Nepal; Kuming, China; Belgrat, Bahrain dan Elsinky. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.04 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1993 akta 275 baca kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sekuriti kerajaan berprinsipkan Islam di keluarkan mengikut Peruntukan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1993 ataupun APK. Akta ini merupakan akta yang membolehkan kerajaan menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) iaitu satu sekuriti yang melandaskan konsep syariah untuk membolehkan institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam melabur dalam sekuriti berasaskan konsep syariah. Ini adalah kerana institusi perbankan dan kewangan Islam tidak boleh terlibat dalam aktiviti pelaburan yang mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah seperti riba, bunga atau faedah, haram ketidaktentuan dan hasil perjudian seperti yang terdapat *instrument-instrument* kewangan konvensional.

Pada masa kini TPK ataupun Terbitan Pelaburan Kerajaan dikeluarkan menurut konsep Bai'al Inah ataupun jualan dan belian semula, di mana kerajaan menjual asetnya pada pelabur dan pelabur dikehendaki membayar secara tunai. Kerajaan selepas itu akan membeli semula aset tersebut pada harga yang lebih tinggi dengan bayaran dibuat

pada masa hadapan. Dengan itu, TPK menjadi *instrument* kewangan tanpa apa-apa pun yang boleh diperdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2004, kerajaan telah menerbitkan sejumlah RM185 bilion kertas-kertas kerajaan di pasaran tempatan yang mana RM9.1 bilion daripadanya adalah sekuriti Islam. Namun begitu, jumlah ini hanya mewakili 4.9% daripada keseluruhan sekuriti kerajaan. Jumlah ini adalah amat kecil bagi memenuhi keperluan pelabur yang memerlukan sekuriti Islam. Keadaan ini menjejaskan usaha kerajaan untuk menjadikan pasaran kewangan Islam sekurang-kurangnya setaraf dengan pasaran konvensional.

Antara penghalang utama kepada usaha ini ialah ketiadaan rangka kerja perundangan yang komprehensif bagi membolehkan penerbitan dan penawaran *instrument-instrument* pelaburan dengan jangka matang yang pelbagai dan selaras dengan konsep syariah yang boleh dipelbagaikan secara fleksibel bagi memenuhi keperluan pasaran. Berdasarkan perundangan yang sedia ada adalah jelas bahawa masih belum ada rangka kerja perundangan yang khusus bagi membolehkan penerbitan sekuriti Islam jangka pendek.

Dengan sebab itu sekuriti Islam kerajaan yang terdapat di pasaran pada masa ini hanya terdiri daripada jangka sederhana dan panjang sahaja. Bagi menangani masalah ini usaha-usaha perlu dibuat bagi meminda rangka kerja perundangan sedia ada bagi membolehkan penerbitan sekuriti Islam secara lebih fleksibel. Pelaksanaan usaha-usaha di atas memerlukan sokongan perundangan yang mantap.

Oleh yang demikian, APK perlu dipinda dan dikemaskinikan dengan sewajarnya bertujuan antara lain adalah seperti berikut:-

- (i) membolehkan kerajaan mendirikan *instrument* kewangan dengan pelbagai tempoh matang terutamanya *instrument* yang jangka pendek;
- (ii) bagi menjadikan struktur dan mekanisme penerbitan *instrument* Islam yang lebih fleksibel;
- (iii) bagi mewujudkan satu sumber rujukan prinsip-prinsip syariah yang formal; dan
- (iv) pembaharuan-pembaharuan yang mengambil kira amalan-amalan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, *instrument-instrument* Islam jangka pendek, sederhana dan panjang adalah perlu bagi menyediakan lebih banyak *instrument-instrument* kewangan di pasaran, terutamanya kepada pelabur-pelabur yang memilih pelaburan Islam. Kepelbagaian pilihan *instrument* pelaburan yang menepati syariah adalah penting bagi pembangunan pasaran modal di Malaysia. Oleh kerana peruntukan APK sedia ada hanya membenarkan kerajaan untuk menerbitkan *instrument-instrument* Islam jangka sederhana dan panjang sahaja telah dijalankan supaya APK dipinda bagi membolehkan penerbitan *instrument-instrument* Islam dalam pelbagai tempoh matang terutamanya bagi tempoh matang yang kurang dari satu tahun.

Pasaran wang dan modal Islam sedang mengalami perkembangan yang pesat. Dengan itu, rangka kerja perundangan yang fleksibel adalah penting untuk pembangunan pasaran, menggalakkan inovasi struktur dan mekanisme *instrument* pada masa hadapan. APK telah digubal untuk kaedah transaksi yang spesifik iaitu *instrument* pelaburan dan pembayaran dividen bagi mengelakkan kaedah pinjaman yang melibatkan riba.

Walau bagaimanapun, ia tidak mengambil kira penerbitan *instrument* berdasarkan prinsip syariah yang melibatkan transaksi sewaan ataupun Ijarah, perkongsian keuntungan - Musyarakah, pemberian hadiah - Ibah ataupun lain-lain transaksi yang boleh digunakan pada masa hadapan.

Bagi membolehkan perkembangan dan pembangunan pasaran wang dan modal Islam pada masa hadapan adalah dicadangkan supaya instrumen-instrumen berlandaskan prinsip syariah yang berdasarkan transaksi tersebut dimasukkan ke dalam akta ini untuk memberikan fleksibiliti kepada kerajaan untuk menerbitkan pelbagai sekuriti berdasarkan prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, rujukan status kepada satu sumber yang diiktiraf bagi prinsip-prinsip syariah adalah penting bagi menyediakan satu sumber rujukan pematuhan syariah dalam penerbitan sekuriti-sekuriti Islam pada masa hadapan. Pengiktirafan satu badan tunggal ke atas prinsip-prinsip syariah dalam APK adalah amat penting untuk memastikan keseragaman serta meningkatkan keyakinan terhadap integrasi instrumen-instrumen Islam di Malaysia.

Meskipun infrastruktur bagi sumber rujukan prinsip-prinsip syariah yang diiktiraf telah pun wujud dengan tertubuhnya Majlis Penasihat Syariah (MPS) pada tahun 1997

yang mana ahli-ahli dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia. APK sekarang tidak merujuk kepada mana-mana prinsip syariah tertentu kerana ketiadaan rangka kerja syariah yang menyeluruh untuk penerbitan sekuriti-sekuriti Islam. MPS ditubuhkan untuk bertindak sebagai Badan Penasihat Syariah Tunggal dengan objektif utamanya seperti berikut:

- (i) menasihati Bank Negara dan institusi-institusi kewangan Islam dalam tempoh operasi perbankan Islam dan takaful;
- (ii) menyelaraskan isu-isu syariah dalam perbankan Islam dan takaful;
- (iii) menganalisis serta menilai aspek-aspek syariah dalam produk atau skim baru yang dirancang oleh institusi-institusi perbankan dan syarikat takaful.

Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan supaya APK dipinda supaya instrumen-instrumen yang dikeluarkan berdasarkan prinsip-prinsip syariah mestilah diluluskan oleh MPS. Ini akan memberi keseragaman dan meningkatkan integriti pasaran kewangan Islam. Dengan pelaksanaan beberapa sistem elektronik yang canggih seperti *fully automated system for issuing in tendering - Fast* dan *real time electronic transfer of fund and securities – Rentas*, transaksi-transaksi tidak lagi berasaskan dokumen fizikal seperti mana pada masa yang lepas. Notis dan resit dalam bentuk dokumen fizikal sudah tidak diperlukan lagi pada masa sekarang. Sebaliknya peruntukan sedia ada di bawah APK masih mengekalkan peruntukan-peruntukan berhubung transaksi berasaskan dokumen fizikal.

Oleh itu dicadangkan supaya beberapa keperluan dan prosedur yang tidak lagi diguna pakai pada masa ini tapi masih terdapat dalam APK dimansuhkan selaras dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci fasal-fasal yang dicadangkan dalam cadangan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan Pindaan 2005;
- (ii) Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang APK Akta 275 bagi mencerminkan tujuan akta yang dicadangkan yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menerbitkan instrumen-instrumen

- Islam menurut pelbagai prinsip syariah untuk tempoh matang berlainan;
- (iii) Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen (1) bagi menamakan semula Akta 275 sebagai akta pendanaan kerajaan 1983;
  - (iv) Fasal-fasal 4, 10, 14, 15, 16, dan 17 bertujuan untuk meminda akta 275 bagi mencerminkan amalan terkini dalam dagangan dan pindaan instrumen-instrumen Islam yang dikeluarkan oleh kerajaan di bawah sistem tanpa skrip;
  - (v) Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 bagi memotong takrif resit pemakluman status dan penyata bulanan status dan seterusnya memperkenalkan beberapa takrif baru seperti instrumen, pemberitahuan dan Majlis Penasihat Syariah;
  - (vi) Fasal 6 bertujuan untuk memperkenalkan Seksyen 2A supaya mana-mana instrumen yang dikeluarkan di bawah akta ini hendaklah diterbitkan selaras dengan pemakaian prinsip-prinsip syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah;
  - (vii) Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 3 untuk membolehkan kerajaan mewujudkan dan menerbitkan instrumen dan menerima wang atau menerima pelaburan di Malaysia dengan pengaturan tertentu dengan memasuki mana-mana transaksi dengan mana-mana orang dan dengan membuat dan menerbitkan apa-apa instrumen yang disifatkan perlu oleh Menteri;
  - (viii) Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 5 bagi membolehkan penerbitan instrumen jangka pendek, sederhana dan panjang di bawah pindaan akta yang dicadangkan;
  - (ix) Fasal 9 bertujuan untuk memperkenalkan Seksyen 5A bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menentukan terma dan syarat bagi instrumen atau pembayaran bagi setiap instrumen yang diterbitkan di bawah akta yang dicadangkan;
  - (x) Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 bagi memperuntukkan pembayaran pulangan ke atas instrumen Islam

yang diterbitkan oleh kerajaan di bawah mana-mana konsep yang dibenarkan oleh syariah;

- (xi) Fasal 12 dan 13 bertujuan meminda Seksyen 9 dan 9A masing-masing bagi membolehkan pembayaran instrumen yang dikeluarkan di bawah Akta 275 dilakukan mengikut terma dan syarat instrumen tersebut; dan
- (xii) Fasal 18 bertujuan untuk memperuntukkan sebarang rujukan kepada akta pelaburan kerajaan 1983 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Akta Pendanaan Kerajaan 1983 selepas akta yang dicadangkan ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 tidak akan melibatkan kos tambahan kepada kerajaan. Sebaliknya ia akan menyediakan suatu rangka perundangan yang lengkap bagi membolehkan kerajaan memperluaskan instrumen pelaburan secara Islam melalui penerbitan sekuriti-sekuriti Islam jangka pendek, sederhana atau panjang mengikut konsep-konsep yang bersesuaian.

Pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan matlamat kerajaan bagi menggalakkan kemajuan sistem perbankan dan kewangan Islam terutamanya dalam aspek sekuriti Islam kerajaan. Pindaan akan membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan untuk menerbitkan sekuriti Islam jangka pendek, sederhana atau panjang. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa permintaan yang tinggi terhadap sekuriti Islam kerajaan dan pasaran wang antara bank dapat dipenuhi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**4.18 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta 275. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua semasa beliau menggulung perbahasan tentang perbelanjaan tambahan 2004 itu dan penjelasan beliau ialah berkenaan dengan perbankan syariah dan peluang-peluang yang wujud di dunia sekarang kerana keadaan-keadaan tertentu yang telah berlaku sejak apa yang telah terjadi sejak 11 September 2001 itu dan akibat daripada itu maka adalah banyak orang dan juga kerajaan-kerajaan di negara-negara Arab yang mahu melabur duit mereka di tempat-tempat lain dan satu daripadanya ialah di Malaysia.

Dan untuk kita menyesuaikan sistem perbankan kita supaya pihak ini dapat keyakinan dan mereka dapat ke sini untuk mengadakan pengurusan kewangan mereka dan kita dapat memainkan satu peranan yang penting dalam satu pasaran yang saya dapati lumayan. Oleh kerana itu maka adalah sesuai untuk kita membuat pindaan kepada Akta Pelaburan Kerajaan 1983 supaya ia ada peruntukan bagi 'pemartabatan' dana oleh Kerajaan Malaysia mengikut prinsip-prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang yang ada kepakaran dalam hal-hal syariah kerana kerajaan mengikut satu Majlis Penasihat Syariah yang memberi pendapat tentang isu-isu yang patut diikuti oleh bank-bank yang akan terlibat dalam perbankan Islam itu. Jadi biar kita ikuti apa yang dicadangkan oleh MPS iaitu Majlis Penasihat Syariah itu dan di bawah Akta Bank Islam 1983 maka kita sudah memperkenalkan perbankan Islam dan satu daripada cadangan yang ada dalam pindaan yang dimaksudkan iaitu di bawah pindaan seksyen 2, subseksyen (1) itu iaitu dengan satu tambahan AA subseksyen 2(1)(aa) ditambahkan yang berbunyi "mana-mana institusi yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 iaitu Akta 276."

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada pindaan ini oleh kerana kita dapati di negara kita sekarang ada 10 buah bank yang utama atau anchor bank di Malaysia selepas kita ada penyusunan semula di mana kita menggalakkan bank-bank yang kecil pada masa dahulu supaya bergabung dan kemudian Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan 10 lesen perbankan. Tetapi kalau kita meninjau keadaan kita dapati

bukan semua 10 ini mempunyai satu bank atau satu urusan niaga yang melibatkan perbankan Islam.

Memandangkan setahu saya bukan sahaja orang-orang Islam menggunakan perkhidmatan bank-bank seperti Bank Islam tetapi orang bukan beragama Islam juga menggunakan perkhidmatan dalam bank-bank Islam. Oleh kerana itu mengapa kerajaan tidak membuka ruang lagi bagi 10 bank yang terdapat yang masih tidak mempunyai pengurusan perbankan Islam itu supaya mereka dapat berbuat demikian dan kemudian mereka boleh terlibat juga dalam apa yang dicadangkan dalam pindaan ini.

Saya dapati baru-baru ini pada ingatan saya mungkin 3 sahaja atau 2 lesen baru dikeluarkan dan untuk perbankan Islam dan ini tidak diberikan kepada bank-bank tempatan pada ingatan saya ada satu pada senarai yang baru diumumkan itu ialah dari negara lain bukan dari Malaysia. Dan mereka telah diberi peluang untuk masuk ke negara kita untuk beri perkhidmatan perbankan Islam dan saya berharap kerajaan akan mengkaji perkara ini supaya keutamaan diberikan kepada semua institusi perbankan yang ada di Malaysia ini supaya mereka diberi peluang untuk mengadakan pengurusan perbankan Islam sekiranya mereka memohon. Kerajaan jangan mengehadkan jumlah lesen yang akan dikeluarkan untuk tujuan ini. Kalau ini dibuat maka mungkin 10 bank yang kita ada di Malaysia ini semuanya akan terlibat dalam aspek perbankan yang dicadangkan ini supaya semua dapat menyumbang kepada sistem perbankan Islam di Malaysia. Ia akan memperkukuhkan lagi hasrat kerajaan supaya kita lebih 'berpendapatan' dana di Malaysia yang mengikut prinsip-prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu aspek yang penting bagi saya. Untuk seksyen-seksyen lain pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah mengikut nasihat dari Majlis Penasihat Syariah dan itu saya tidak ada komen cuma pada aspek mengeluarkan lebih lesen kepada semua 10 bank yang ada di Malaysia. Mereka yang belum dapat lagi diharap mereka boleh diberi supaya mereka dapat menjalankan pengurusan mengikut peruntukan-peruntukan syariah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dibentangkan ini pada pandangan saya adalah akan membawa kesan yang begitu buruk sampai kita mesti memikirkan Rang Undang-undang ini patut diluluskan atau tidak. Rang undang-undang yang dibentangkan ini sudah mengehadkan Malaysia menerima pelaburan dari kehadiran perbankan secara konvensional. Adakah tujuan rang undang-undang ini untuk mengehadkan Malaysia mendapat pelaburan yang secara sistem perbankan konvensional kerana rang undang-undang yang dibentangkan ini hanya mengehadkan Malaysia mendapatkan pelaburan dari sistem perbankan Islam sahaja.

Adakah kerajaan berhasrat begitu Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan dari mulanya pindaan yang diminta itu, pertama, tajuk pindaan tajuk panjang Tuan Yang di-Pertua yang di Fasal 2, ia berkata; Akta Pelaburan Kerajaan 1983, Akta 275 yang disebut akta ibu dalam akta ini dipinda dengan menggantikan tajuk panjang menggantikan, bermakna yang tajuk panjang dahulu itu sudah tidak sahkan dan tidak dipakai lagi, digantikan dengan yang berikut Tuan Yang di-Pertua. "Satu akta untuk mengadakan peruntukkan bagi pendapatan dana oleh Kerajaan Malaysia mengikut prinsip syariah dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara yang bersimpangan atau berkaitan dengannya."

Bermakna akta ini hanya untuk mengadakan peruntukkan bagi mendapatkan dana oleh Kerajaan Malaysia mengikut prinsip syariah sahaja yang prinsip-prinsip konvensional itu tidak disebut. Tajuk sudah mengehadkan Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan pelaburan yang secara konvensional. Ianya juga kalau kita tengok, pindaan-pindaan yang seterusnya dalam seksyen-seksyen yang disebutkan dalam pindaan ini di mana saya *quote*, umpamanya; "Seksyen 8. pindaan seksyen 8 Tuan Yang di-Pertua; Akta Ibu dipinda dengan menggantikan bermakna yang dahulu itu sudah tidak sahkan dan menggantikan Seksyen 8, dengan seksyen yang berikut. Yang dahulu itu tidak sah dan ini hendak dipindahkan iaitu pulangan iaitu Seksyen 8; "Pulangan yang dikena dibayar atau kena diberikan atas apa-apa pelaburan yang diterima hendaklah mengikut terma dan syarat surat cara itu."

Apa yang dicatatkan dalam surat cara, apakah terma dan *condition* itu syarat-syarat yang terdapat di surat cara, *the instrument* surat cara itu Tuan Yang di-Pertua. Kita juga tengoklah surat cara itu telah disebut juga di pindaan akta ini, yang ini disebut di Fasal 5 maka ia ada satu seksyen bahawa seksyen baru 2(a) yang berbunyi dalam Fasal 5, Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 yang berikut: "Surat cara yang diterbitkan hendaklah mengikut prinsip syariah." Itu tajuknya untuk seksyen baru 2(a) yang seksyen 2(a) berbunyi: "Mana-mana surat cara yang diterbitkan di bawah akta ini hendaklah mengikut prinsip syariah sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah."

Dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, yang Seksyen 2A) berbunyi:

*"Instrument issued to be in accordance with Syariah principles.*

2A. *Any instrument issued under this Act shall be in accordance with the Syariah principles as approved by the Syariah Advisory Council."*

Mana-mana surat cara, *any instrument* setiap *instrument* itu mesti mengikut prinsip-prinsip syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah maka tiadalah *instruments* yang boleh diberi dalam akta ini untuk pelaburan sistem perbankan konvensional.

Macam mana kita dapat membentangkan dengan mengehendkan Malaysia mendapatkan pelaburan-pelaburan yang mana kita tahu di negara kita ini ada dua sistem - Sistem Konvensional dan Sistem Perbankan Islam dan juga antarabangsa. Ada dua sistem - Sistem Konvensional dan juga Sistem Perbankan Islam. Dengan pindaan-pindaan yang diminta, saya tidak tahu pasal apa dia minta begini tetapi kalau diluluskan maka pelaburan yang hendak kita terima itu adalah terhad. Kalau itu tujuan kerajaan, saya tidak tahu macam mana ada tujuan yang semacam ini? Ini adalah satu perkara yang serius kalau rang undang-undang ini diluluskan. Saya tahu itu bukan seksyen-seksyen yang saya baca itu macam itu sahaja, ada juga seksyen-seksyen lain. Umpamanya, Seksyen 9 yang diminta dipinda itu, Seksyen 9, Tuan Yang di-Pertua.

Seksyen 9 yang dahulu itu *repayment*, sekarang ini ditukar kepada *payment* Tuan Yang di-Pertua. Pindaan Seksyen 9, akta ibu dipinda dengan "digantikan", huruf itu dipakai. Digantikan dengan Seksyen 9 dengan seksyen yang baru. Ini bermakna seksyen yang lama sudah tidak dipakai. Seksyen 9 yang baru ini berbunyi:

**“Bayaran**

9. *Pada tarikh matang sesuatu pelaburan, atau pada mana-mana tarikh sebagaimana yang selainnya diperuntukkan dalam terma dan syarat surat cara itu, apa-apa jumlah wang yang ada bagi pembayaran atas pelaburan itu hendaklah dibayar mengikut terma dan syarat itu.”*

Yang dicatatkan di surat syarat itu. Maknanya bayaran semua juga mengikut prinsip Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah.

Nampaknya Akta kita yang dahulu itu boleh terima pelbagai pelaburan dan ini sudah hendak dipinda untuk penerima satu jenis pelaburan sahaja. Adakah itu satu tindakan yang bagus? Kalau dilihat pindaan-pindaan yang akan membawa kesan yang begitu serius, dengan itulah di Dewan Negara ini saya mengucapkan sesuatu yang perlu dipertimbangkan. Adakah rang undang-undang ini patut diluluskan atau tidak? Kalau ia membawa kesan yang begitu serius dan mengehendkan kita mengadakan pelaburan yang kita tahu berbagai-bagai.

Tadi kita dengar kementerian bila membentangkan rang undang-undang ini menyebutkan “*security Islam*” di Malaysia adalah 4.9% dan juga kita hendak meningkatkan perbankan Islam setaraf dengan perbankan *conventional*. Itu okey, kita boleh buat dan juga kita ada yang disebutkan tadi oleh menteri kita bahawa kita hendak kedua-dua aliran itu berkembang dan membangun. Nampaknya pindaan akta ini sudah menjejaskan situasi, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu jika “*security Islam*” juga hendak dipertingkatkan itu boleh, tetapi kalau meningkatkan itu dan sampai yang lain tidak boleh itu akan menjejaskan kedudukan Malaysia dan untuk membangunkan Malaysia. Kita tahu yang kerajaan kita sudah setuju dan juga seterusnya mengadakan kedua aliran itu. Mengapa ada satu akta yang mengehendkan satu aliran yang begitu, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya juga ingin memahami apa yang hendak disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Saya tidak tahu sama ada tafsiran Yang Berhormat tadi yang hendak mengetahui sama ada pindaan rang undang-undang ini sebagaimana yang disebut termasuk pindaan kepada tajuk panjang Akta Pelaburan Kerajaan tadi sebagai tambahan kepada cara-cara yang sedia ada oleh kerajaan untuk memperdapat ataupun dengan izin, *to raise the fund by the government* ataupun cara ini

sebagai gantian ataupun sebagai tambahan kepada sistem yang sedia ada. Apa fahaman Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat di sini iaitu Fasal 2 bertajuk:

***“Pindaan tajuk panjang***

2. *Akta Pelaburan Kerajaan 1983 [Akta 275], yang disebut “Akta Ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang.....”*

“Menggantikan” bermakna bukan ia bertambah, ia ganti yang dahulu itu tidak pakai, ini yang akan dipakai kalau diluluskan. Perkataan “menggantikan” bermakna yang dahulu itu sudah tidak ada dan tajuk panjang dulu itu akan diganti dengan tajuk yang disebut di sini. Maka tajuk-tajuk yang disebut di sini akan berkuat kuasa selepas kelulusan. Selepas kelulusan hanya tajuk ini sahaja yang wujud, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bermakna ia bukan satu tambahan, ini bermakna satu gantian, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan saja tajuk itu ditukar, diganti, maka isi kandungan akta-akta itu juga diganti dengan adanya perkataan di seksyen-seksyen bahawa *instrument* itu, surat cara itu hanya satu surat cara yang mana Seksyen 2A yang berbunyi:

- “2A. *Mana-mana surat cara yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah mengikut prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah”.*

Kesemua *instrument* itu sudah juga bersamaan dengan apa yang dinyatakan oleh tajuk yang mana kesemuanya akan diuruskan dalam Sistem Perbankan Islam sahaja, tiada pilihan yang lain. Itu yang apabila saya tengok pindaan yang seperti ini, saya agak tidak begitu senang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya cuba untuk memahami dengan lebih mendalam lagi hasrat Yang Berhormat tadi. Adakah dengan pindaan ini maksud Yang Berhormat bahawa Sistem Perbankan *Conventional* yang sedia ada bagi kerajaan untuk memperdapat dana tadi akan digantikan keseluruhannya oleh Sistem Perbankan Islam dan ini akan menjejaskan keadaan-keadaan sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi. Adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya, apa yang saya cakap, itulah maksud yang dibentangkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak

sebut satu seksyen lagi, Seksyen 3 kerana ini di mana kita mendapatkan dana Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Akta Ibu yang saya dapat ini disebut dalam bahasa Inggeris maka saya terpaksa membaca dalam Akta Ibu dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua.

Seksyen 3, Tuan Yang di-Pertua, *Power of Minister to receive investments*. Akta Ibu. Seksyen 3, subseksyen 1, "*The Minister is hereby authorized, subject to, and in accordance with, the provisions of this Act, to receive,...*" dengan pindaan, "*Investments and to create and issue investments evidencing such investments*", "*...on behalf of the government of Malaysia at such times and up to such maximum amounts as he may from time to time specify, and every maximum amount so specified is hereinafter referred to as an investment issue and every such investment issue shall bear such number or other reference as the Minister may determine*".

Ini memberi kuasa Menteri untuk menerima dana-dana dari luar negara oleh mana-mana pihak dan boleh membuat pelaburan di sini, boleh kalau dia hendak buat macam itu, hendak menerima dana ikut kepada prosedur dia, ada protokolnya, ada surat caranya dan surat cara yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini hanya satu jenis. Tidak ada pilihan yang lain, satu yang....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta pandangan, mungkin dari segi akta ini ada cara-cara lain selaku pelabur yang ingin melaburkan wangnya mengikut cara-cara yang lain. Dan di bawah pindaan akta ini, mungkin kerajaan ada hasrat-hasrat tertentu, khusus kepada orang-orang yang ingin melabur secara prinsip syariah.

Dalam sistem yang kita ada pada hari ini, sudah tentu ada sistem-sistem yang boleh memberi hak kepada pelabur tadi memilih cara mana yang terbaik atau pulangan yang terbaik kepada mereka. Ada kalanya sebagai seorang Islam mungkin dia tidak mahu campur aduk hasil-hasil pelaburan ini dengan benda-benda yang tidak mendatangkan kemudharatan terhadap pelaburan itu.

Jadi, di sini saya rasa mungkin pihak kerajaan ada caranya untuk memberi satu jalan kepada orang-orang yang mempercayai bahawa cara pelaburan ini adalah mengikut syariat-syariat yang telah ditentukan sebagaimana dalam agama Islam.

Mungkin yang lain ingin mengikut cara-cara pelaburan secara konvensional ataupun *international* yang diizinkan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada rakan saya, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan. Ya, untuk memperuntukkan satu undang-undang untuk pelaburan secara Islam itu bagus. Saya sokong perkara itu. Ia ada beberapa cara untuk membentangkan perkara ini. Satu cara boleh mewujudkan satu akta baru yang dipanggil Akta Pelaburan Islam atau secara Islam Kerajaan atau ia boleh ditambahkan dalam akta ini selari dengan apa yang ada, ditambahkan sahaja semua *condition* dan terma-terma dan syarat-syarat di dalam akta ini. Dan, kedua-dua sistem itu boleh berjalan. Kalau pada masa-masa yang lepas, akta ini dipanggil Akta Pelaburan Kerajaan 1983, maka dahulu semua pelaburan iaitu diurus dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menukarkan Akta Pelaburan ini hanya untuk mendapatkan pelaburan secara perbankan Islam sahaja, maka tidak ada tempat kalau ini diubah, ia kena ada satu lagi untuk yang baru pasal yang ini dahulu digunakan oleh pelaburan secara konvensional. Ini mesti ada. Kalau ini ditukar sampai habis Sistem Perbankan Islam, maka mesti wujud satu lagi untuk pelaburan konvensional, Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Lee. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengamati tentang hujah yang dibangkitkan oleh sahabat saya berkaitan dengan terdapat percanggahan antara sasaran yang hendak dituju oleh kerajaan dengan membuat pindaan kepada akta ini. Kalau dilihat hujah yang dibangkitkan, persoalannya ialah bukan soal pindaan, tetapi soal penggantian kepada Akta Ibu.

Jadi, andai kata ini yang dimaksudkan oleh kementerian, yang pastinya setiap prinsip perbankan baik Islam ataupun konvensional, ia akan menjurus kepada matlamat akhir ialah keuntungan. Dengan adanya penggantian kepada tajuk asal Akta Ibu ini seolah-olah ianya boleh menyekat aliran FDI untuk masuk dalam Sistem Perbankan Islam berprinsip syariah. Jadi, di sini saya juga bersependapat akan hasrat ataupun spirit asal pindaan akta ini, ianya menjurus kepada penggantian kepada Akta Ibu dan tidak menampakkan unsur-unsur penambahan kepada Akta Ibu.

Jadi, wujud satu kekeliruan di antara matlamat yang hendak disasarkan dengan matlamat dari segi menggalakkan pertumbuhan ataupun galakan tanaman modal untuk masuk ke dalam Sistem Perbankan Islam ataupun prinsip syariah yang hendak kita sasarkan. Kekeliruan ini juga saya pohon mungkin berpunca daripada cara pindaan ini dibuat. Istilah yang digunakan ialah penggantian, seolah-olah menidakkan akta asal langsung. Jadi, di manakah letaknya matlamat yang hendak disasarkan oleh kerajaan? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob yang begitu tepatnya, yang dikatakan itu sepatutnya adalah tambahan, bukan gantian. Kalau tambahan, itu okey. Kalau gantian itu, mungkin di sinilah terdapat masalah itu. Yang ada itu diganti langsung. Itu sahaja yang menjadi masalah. Seolah-olah kita hendak satu sistem sahaja dan yang lain itu menyekat, tidak mahu langsung. Itu saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat. Itu tidak akan menguntungkan. Bolehkah kerajaan memenuhi hasrat-hasrat rakyat untuk bangunkan negara kita dengan dana-dana dalaman atau dana-dana yang di antarabangsa yang hendak dilabur di Malaysia.

Maka nampaknya ini saya jual. Tengok akta yang hendak dipinda itu begitu seriusnya kesan, begitu seriusnya impak kalau itu hanya dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh dalam pindaan akta ini, Seksyen 5 di mana tempoh pelaburan disentuh di Akta Ibu, Seksyen 5 yang bersangkutan paut dengan tempoh pelaburan yang hanyalah satu dalam Akta Ibu. Saya bacakan Akta Ibu:

*“And investment under section 3(1) shall be made for such period .....as may be determined by the Minister; and at the end of that period the money so invested shall be repaid in the manner hereinafter provided.”*

Itu hanya satu. Akta Ibu itu hanya sahaja ini.

Pindaan yang diminta, yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini telah menambahkan kepada Seksyen 5 dan Seksyen 5 telah juga mengadakan terma dan syarat tambahan itu. Saya juga hendak membacakan apa yang disebutkan oleh tambahan seksyen baru ini. Seksyen baru 5A iaitu Fasal 8 Akta Ibu, kod Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas Seksyen 5, seksyen yang berikut. Mengenai satu

seksyen dipanggil Seksyen 5A yang bertajuk terma dan syarat bagi penerbitan Surat Cara. Itu bersangkutan paut dengan Surat Cara sebab ada satu seksyen baru 5A yang berbunyi:

- (i) tertakluk kepada Seksyen 3 dan Seksyen 5. Bank hendaklah menyatakan terma dan syarat bagi mana-mana Surat Cara yang akan diterbitkan. Terma dan syarat bagi suatu surat cara hendaklah termasuk perkara yang berikut.
  - (a) amaun;
  - (b) tarikh terbitan;
  - (c) tarikh matang;
  - (d) pulangan;
  - (e) pembayaran balik pelaburan dan
  - (f) apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana difikirkan patut oleh bank.

Ini berkenaan dengan terma dan syarat bagi penerbitan Surat Cara, ini seksyen baru, berkenaan dengan Surat Cara dan (d) akta yang akan dipindah itu disebutkan macam mana Surat Cara itu akan dikeluarkan. Semua Surat Cara yang akan dikeluarkan dalam akta ini mesti mengikut apa yang diminta dalam pindaan itu iaitu mengikut seksyen baru 2A.

Tadi saya sudah cakap dan saya akan menegaskan lagi Surat Cara yang diterbitkan hendaklah mengikut prinsip syariah, satu sahaja.

*“2A. Mana-mana surat cara yang diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah mengikut prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah.”*

Maka, Seksyen 5A yang mana Surat Cara itu akan diterbitkan, terma dan syarat-syaratnya juga terikat dengan apa yang dinyatakan di dalam Seksyen 2A kerana Seksyen 2A memberi kuasa bahawa kesemuanya Surat Cara itu mesti dikeluarkan dengan syarat yang disebutkan dalam Seksyen 2A, di mana tempat bagi bank-bank yang lain untuk mengeluarkan Surat Cara yang berasaskan dengan sistem perbankan konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, inilah soalnya. Di manakah selepas kalau rang undang-undang ini diluluskan, di manakah dapat mana-mana bank atau yang lain mengeluarkan, menguruskan pelaburan secara sistem perbankan konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang dibahaskan di sini, maka Ahli-ahli Dewan Negara sekali lagi hendak memikirkan, sekali lagi hendak tengok dengan undang-undang yang dibentangkan itu dengan serius iaitu tanggungjawab sebagai satu ahli yang membentuk, yang meminda akta-akta dan kalau satu rang undang-undang yang meminda akta, yang akan membawa satu kesan yang serius saya rasa, akan membawakan satu kesan, mengakibatkan satu situasi yang menyusahkan kerajaan, yang menyusahkan rakyat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob silakan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Senator Tuan Lee Sing Chooi. Daripada hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, nampak suatu peringatan yang cuba dilontarkan oleh Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kerana impak yang akan timbul andai kata pindaan rang undang-undang ini dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, amat besar dari segi sejarah perbankan Islam dan berkaitan dengan sistem konvensional dan mungkin daripada inti sari yang diluahkan oleh sahabat saya tadi, mungkin mohon pertimbangan agar pihak kerajaan mungkin meninjau kembali di antara istilah menukarkan tajuk yang panjang kepada tajuk yang lebih pendek tetapi menjurus ke arah yang mengelirukan dan menjuruskan ke arah yang lebih negatif kesannya dari segi sasaran kerajaan dalam bentuk aliran tanaman modal dalam negara, baik konvensional mahupun dari segi perbankan Islam, prinsip syariah.

Daripada *point* fakta-fakta yang diujahkan tadi, mungkin itulah yang hendak ditonjolkan di dalam Dewan yang mulia ini dengan harapan rang undang-undang ini memerlukan sedikit ataupun mungkin pihak kementerian kemudian nanti, ada alasan-alasan yang lain. Tetapi, andai kata daripada hujah yang telah dibangkitkan itu, ianya boleh menjuruskan ataupun mensasarkan ke arah impak yang negatif dari segi sistem perbankan Islam, berprinsip syariah. Apa pandangan Yang Berhormat tentang pandangan yang saya bangkitkan itu?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Saya setuju dengan semua yang dikatakan itu bahawa kementerian patut mempertimbangkan apa yang dibentangkan di sini dengan adakah pindaan yang diminta itu selaras dengan sasaran negara kita yang akan menuju ke Wawasan 2020 untuk membangunkan Malaysia sebagai satu negara maju. Maka kita sudah tahu bahawa kedua aliran perbankan itu berjalan dengan berterusan dan terus berkembang supaya kesemuanya dapat menyumbangkan kesemuanya kepada pembangunan negara Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada rintangan, halangan yang luar itu, kita boleh faham. Kalau ada yang lain hendak menghalang kita menuju ke Wawasan 2020 kita boleh faham. Kalau halangan yang diletakkan oleh sendiri yang saya tidak faham.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu dari segi mungkin salah faham atau dari segi kurang jelas dan sebagainya mungkin kita terdapat tanggapan-tanggapan yang berlainan. Adakah Yang Berhormat fikirkan kalau kita melihat tajuk yang telah disebutkan itu iaitu selepas pindaan ini, akta ini bukan dipanggil Akta Pelaburan Kerajaan 1983 lagi. Ia akan dipanggil Akta Pendanaan Kerajaan 1983 kerana perkataan 'pelaburan' dalam tajuk ringkas itu akan diganti dengan perkataan 'pendanaan' iaitu 'funding' dan bukan 'investment' lagi. Jadi 'Government Investment Act' akan menjadi 'Government Funding Act', Akta Pelaburan Kerajaan akan menjadi Akta Pendanaan Kerajaan dan kalau kita mengkaji maksudnya ia supaya kerajaan dapat mengadakan dana supaya mereka dapat melabur kepada dana kerajaan mengikut prinsip-prinsip syariah.

Kalau kita mentakrifkan ini sebagai hanya boleh mendapatkan dana mengikut prinsip-prinsip syariah sahaja, iaitu semata-mata mengikut prinsip syariah sahaja dan kalau ada orang hendak pinjam duit kepada kerajaan, tetapi tidak mahu mengikut prinsip-prinsip syariah, kerajaan kata saya tidak boleh terima kerana saya hanya boleh terima mengikut prinsip-prinsip syariah sahaja.

Kalau itu yang dimaksudkan adakah Yang Berhormat memikir sama ada kita bukan hendak buka ruang lagi untuk mereka melabur dalam *instrument-instrument* kerajaan, tetapi sendiri mengehendkan iaitu dari Amerika Syarikat, Eropah mereka ada duit hendak melabur *pension fund* apa semua hendak melabur, kita kata kita tidak boleh

terima kerana kita hanya boleh terima mengikut prinsip-prinsip syariah sahaja. Kalau itu maka, pada pendapat saya mungkin tidak logik sesuatu macam ini boleh berlaku. Orang kita mahu duit untuk pembangunan dan sebagainya dan kita hendak pinjam daripada semua pihak dan kita kata hanya mengikut prinsip-prinsip syariah sahaja kita boleh dapat duit itu. Cara lain, perbankan moden kita tidak mahu terima, kita tidak mahu duit ini. Kita hanya hendak terima duit mengikut syarat-syarat syariah. Adakah itu logik, saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Jadi dari segi bagaimana kita membuat takrifan itu, adakah ini betul saya tidak tahu ini semua. Apakah pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disentuh oleh....

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Boleh saya pun minta laluan? Minta maaf ya, sahabat saya Senator Lee. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hendak tanya lebih kurang tambahan di atas apa yang disebut oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng. Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Senator Lee telah pun bahas suatu akta untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan dengan begitu terperinci dan *detail* dan juga sangat teknikal untuk memudahkan keseluruhannya. Saya ingin tahu apabila kita setuju luluskan akta ini, adakah masih ada pilihan kepada pelabur-pelabur asing? Bolehkah mereka pilih kita mahu melabur melalui sistem syariah atau kita mahu melabur mengikut sistem konvensional? Oleh kerana pada masa ini dan pada beberapa tahun yang lepas, rakyat Malaysia ada pilihan. Jika kita ingin menggunakan perbankan secara Islam pun boleh, orang bukan Islam pun boleh menggunakan cara-cara perbankan Islam dan jika kita mahu, kita sendiri boleh pilih cara-cara perbankan konvensional.

Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, saya fikir walaupun kita terima akta tersebut, masih ada pilihan untuk pelabur-pelabur asing jika mereka suka sistem syariah, mana tahu pelabur dari Amerika Syarikat atau negara-negara barat, dia mesti tengok di mana ada pulangan yang baik syariah atau konvensional. So, apa saya ingin suarakan di sini dan minta pandangan daripada Senator Lee, adakah pilihan tersebut wujud jika kita meluluskan akta ini dan pandangan saya pilihan itu masih ada. Apa pandangan Yang Berhormat Senator?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan tajuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Tajuk itu yang tadi saya cakap dipinda bukan ditambah, tajuk itu sudah dengan begitu terangnya disebutkan di akta itu, tajuk itu yang berbunyi:

*“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemerdapatan dana oleh Kerajaan Malaysia mengikut prinsip Syariah dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.”*

Kesemuanya, itu tajuk. Tajuk yang minta dipinda itu sudah dengan terangnya menyatakan apa tujuan pemindaan, iaitu hanya satu.....

**Datuk Haji Karim Ghani:** Minta laluan. Dengan cadangan ini sebagai orang Islam saya merasakan macam baik, tetapi apakah persepsi dunia luar dengan tuduhan atau perkataan Lee Kuan Yew baru-baru ini, persepsi bahawa negara kita ini menuju kepada Islam yang ekstrem. Apakah persepsi itu tidak ada di kepala orang yang bukan Islam di seluruh dunia apabila hendak datang melabur ke Malaysia umpamanya.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Karim Ghani:** Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah dalam pandangan Yang Berhormat nanti dengan meluluskan pindaan ini persepsi dunia luar bahawa betul kata Lee Kuan Yew itu, kita menuju ke arah menjadi satu negara Islam yang ekstrem. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani. Ya, kalau pindaan ini telah diluluskan nampaknya pelaburan di Sabah mungkin boleh kurang *[Ketawa]* sudah tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tajuk itu, tadi saya sudah cakap. Tajuk itu sudah dengan terangnya menunjukkan apa tujuan akta yang akan dipinda itu dan bukan sahaja tajuknya ditukar, tetapi yang dipinda itu selaras dengan apa yang dikatakan dengan tajuk, iaitu satu pindaan yang sangat mustahak dan memberi satu impak yang begitu serius, yang begitu teruk. Ia hanya bagi satu pilihan dan ternyata dalam pindaan yang dicadangkan itu, iaitu berkenaan dengan surat cara.

Surat cara itu yang sudah ditentukan ialah mengenai apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat. Surat cara itu mesti diterbitkan di bawah akta ini kesemuanya dan hendaklah mengikut prinsip syariah sebagai mana yang diluluskan Majlis Penasihat Syariah. Maka kalau tadi yang ditanya oleh sahabat saya Yang

Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam, bahawa kalau ada pihak-pihak di luar negeri seperti Amerika, Eropah, Jepun atau negeri India, China, Filipina atau mana-mana yang hendak melabur, hendak membawa dana ke Malaysia yang pada tajuk itu ditukar pelaburan sebagai dana ke Malaysia untuk melabur. Maka dia hanya boleh melalui surat cara yang satu.

Kalau dia diuruskan dengan cara yang lain maka itu sudah salah, boleh dihukum di mahkamah, kerana perundangan kita kalau diluluskan hanya memperuntukkan satu cara. Kalau mereka hendak melabur di sini dengan apa yang mereka hendak dengan sistem konvensional, maka bercanggahlah dengan apa yang dinyatakan di sini. Maka kalau mereka hendak buat itu, kalau mereka tahu maka mereka tidak akan buat, mereka tidak akan labur, mereka tidak akan bawa dana ke sini. Itulah betapa seriusnya pindaan akta yang akan.....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Saya bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua juga ingin menuntut kefahaman yang lebih mendalam dari segi perkataan-perkataan, kerana Yang Berhormat membawa satu pendapat '*one full of thought*', dengan izin. Mungkin dari segi fahaman saya pihak kerajaan hendak menukarkan perkataan '*investment*' kepada '*funding*'. Erti kata kalau kita baca di sini perkataan 'pelaburan' kepada 'pendanaan'. Bila kita baca dalam bahasa Inggerisnya pula dengan izin, *substituting for the word "investment" the word "funding"*.

Erti kata sini bukanlah pelaburan oleh pihak individu-individu. *Funding* pembiayaan ini dibuat oleh pihak kerajaan kepada bank bukan kepada sebagaimana fahaman kita, kepada individu-individu sahaja yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam tadi ialah sebagai satu pilihan kepada kita. Ini daripada pihak kerajaan sahaja yang mahu membiayai *to fund* dalam mana-mana bank, yang mana bank dengan syarat itu akan membayar kepada kerajaan mengikut amaun, kuantiti dan sebagainya, pulangan-pulangan sebagai mana prinsip-prinsip syariah. Ini fahaman saya dari segi kalau kita baca dua versi, iaitu satu bahasa Melayu satu dalam bahasa Inggeris. *Investment and funding from the word "investment" change to word "funding"*

dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat tentang ini. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan *funding* dengan pelaburan, saya juga hendak bawa Dewan ini dalam pindaan Seksyen 3. Seksyen 3 yang di *funding*, atau didana atau dipakai kerana saya hanya dapat bahasa Inggeris, Akta Ibu itu, jadi saya bacakan apa pindaan itu.

“Section 3. *The Power of Minister to receive investments.*” Dia tidak cakap “*to invest, to receive funding*” iaitu kalau kita tengok apa yang disebut di Seksyen 3, Fasal 6 Akta ibu dipinda dengan subseksyen 1 di *contentnya* dan juga *content* yang akan diubah itu berbunyi begitu:

“(1) *The Minister is hereby authorized, subject to, and in accordance with, the provision of this Act, to receive on ..... investment.*”

*Investment* itu yang dipinda yang baru diletakkan di sini, “*investment, and to create and issue instruments evidencing such investments*” yang juga dalam bahasa Malaysia di sini subseksyen dengan memasukkan selepas perkataan “untuk menerima” perkataan “kod”. Kod itu yang barulah diletakkan. Pelaburan dan untuk membuat dan menerbitkan surat cara yang membuktikan pelaburan itu, nama dalam isi kandungannya pelaburan itu adalah yang juga ternyata apa yang dipinda. Mungkin dana itu ada. Prinsip pelaburan itu masih ada dan juga apa yang akan diterima oleh Menteri adalah pelaburan yang terdapat di Seksyen 3 yang ternyata apa yang telah dinyatakan di akta ini untuk dibentangkan untuk pindaan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak lagi *points* Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Saya akan sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi perbahasan? Yang Berhormat boleh sambung esoklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa perbahasan sudah cukup. Saya tangguhkan Dewan ke jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

*3 Mei 2005*

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh,  
P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

" Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)

" Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)

" Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)

" Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)

" Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)

" Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)

" Tuan Chiam Yong Tee (Perak)

" Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

" Datin Chong Set Mui (Dilantik)

" Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)

" Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)

" Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)

" Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)

" Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)

" Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

" Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

" Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

" Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)

" Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)

" Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

" Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)

- " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
- " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
- " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
- " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
- " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
- " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
- " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
- " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
- " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain

- " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

*DEWAN NEGARA*

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat** Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**

Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**  
Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

**JURUBAHASA SERENTAK**  
Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**  
Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**BENTARA MESYUARAT**  
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**  
Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor